


واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

VIII



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

VIII

Diselenggarakan oleh
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Diterbitkan oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
Istana Jahar
Kota Bharu, Kelantan

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Pengerusi	:	Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
Setiausaha	:	Haji Wan Ali bin Wan Ahmad
Ahli	:	Haji Salleh bin Mohd. Akib
		Abdullah bin Mohamed (Nakula)
		Jazamuddin Baharuddin
		Wakil Persatuan Sejarah Malaysia
		Cawangan Negeri Kelantan
Rekabentuk	:	Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1989

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

12
959.512.1
WAR

572986

APB

dicetak oleh
United Selangor Press, Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur

Kandungan

IX PRAKATA

XI PENDAHULUAN

- 1 ADAT BERKHATAN**
Mustafa bin Ibrahim
- 6 KETURUNAN MELAYU DI KEMBOJA DAN VIETNAM: HUBUNGAN-
NYA DENGAN SEMENANJUNG DENGAN TUMPUAN KHAS KEPADA
NEGERI KELANTAN**
Abdullah bin Mohamed (Nakula)
- 42 KATA-KATA PINJAMAN THAI DALAM DIALEK KELANTAN**
Dr. Mohamed Yusoff Ismail
- 51 HIKAYAT AGUNG GEMPITA: SATU KAJIAN RINGKAS**
Sharifuddin bin Abdul Rahman
- 61 LAWATAN KE SELATAN THAILAND**
Abdul Rahman Al-Ahmadi
- 79 PERANAN KELANTAN DALAM PERGERAKAN ISLAM DI CAMPA
1833-1834**
Po Dharna
- 89 PERSIDANGAN SERANTAU KE-4 MAJLIS ANTARABANGSA
MUZIUM-MUZIUM DI ASIA DAN PASIFIK**
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
- 105 KARYA PERANCIS DALAM SASTERA MELAYU MODEN TERBITAN
KELANTAN**
Abdul Rahman Al-Ahmadi
- 129 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA**
- 143 BIODATA PENULIS**



Prakata

BISMILLAHİ rRAHMANİ rRAHİM

SAYA bersyukur ke hadart Allah swt kerana dengan izinNya monograf 'WARISAN KELANTAN' Bilangan 8 telah dapat diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bersempena pula dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ketiga Puluh Sembilan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang dipersembahkan oleh 'WARISAN KELANTAN' Bilangan 8 ini akan menambah dan memperkayakan lagi bahan bacaan dan kajian serta pengetahuan mengenai sejarah dan budaya negeri Kelantan Darulnaim. Dalam hubungan ini saya suka menyeru agar lebih ramai lagi peminat-peminat sejarah dan sejarawan-sejarawan tanahair, khususnya dalam kalangan anak Kelantan sendiri untuk memberi sumbangan kepada 'WARISAN KELANTAN' di masa akan datang.

Akhir kata, bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya dengan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti dan juga penulis-penulis berkenaan yang telah bersama-sama berusaha dengan gigih dan dedikasi bagi menjayakan penerbitan 'WARISAN KELANTAN' Bilangan 8 ini.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormatnya,



(DATO' AHMAD RASTOM B. HJ. AHMAD MAHER)

Timbalan Menteri Besar merangkap
Pengerusi
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu
Kelantan Darulnaim.

29 Mac 1989.



Pendahuluan

Bismillahi rRahmani rRahim

MONOGRAF 'WARISAN KELANTAN' sekali lagi muncul dan bilangan 8 ini menghidangkan sejumlah lapan rencana menarik yang menyentuh aspek-aspek seni, sejarah, bahasa, sastera dan lain-lain yang ada hubungkaitnya dengan negeri Kelantan dan masyarakatnya.

Mustafa bin Ibrahim melalui rencananya yang berjudul 'Adat Berkhatan' cuba mengingatkan kita mengenai satu aspek budaya Melayu Kelantan iaitu 'berkhatan' atau 'bersunat' atau 'masuk jawi' mengikut sebutan tempatan yang dilakukan dengan penuh adat istiadat yang diwarisi turun temurun.

Abdullah bin Mohamed (Nakula) yang merupakan seorang sejarawan tempatan mengenai Campa dalam rencananya yang berjudul 'Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungannya dengan Semenanjung dengan Tumpuan Khas kepada Negeri Kelantan' mengupas tentang suku-suku orang Melayu di Kemboja (Kamboja atau Kampucea) dan Vietnam dan hubungan turun-temurun di antara orang-orang Melayu Kelantan dengan orang-orang Melayu di Kemboja dan Vietnam. Juga dikupas dengan panjang lebar mengenai kepergian mubaligh-mubaligh dari Kelantan ke negara-negara tersebut dan peranan mereka di sana.

Dalam rencananya berjudul 'Kata-kata pinjaman Thai dalam Dialek Kelantan' Dr. Mohamed Yusoff Ismail menghuraikan tentang pertembungan di antara budaya Thai dan budaya Melayu Kelantan yang menghasilkan beberapa ciri budaya kacukan yang menarik seperti yang dapat dilihat pada penggunaan beberapa istilah Thai dalam dialek Kelantan. Kajian menunjukkan bahawa bahasa Thai dan bahasa Melayu saling pengaruhi-mempengaruhi antara satu sama lain.

Dalam rencananya yang berjudul 'Hikayat Agung Gempita – Satu Kajian Ringkas' Sharifuddin bin Abdul Rahman memberi ulasan umum mengenai sebuah hikayat Melayu lama yang amat dipengaruhi oleh Sastera Hindu yang digambarkan oleh dunia kayangan, kesaktian-kesaktian senjata, cincin, cembul hikmat dan penjelmaan. Di samping itu terdapat juga unsur-unsur Jawa dan Islam dan tempatan (Kelantan) yang dicerminkan oleh unsur-unsur Wayang Kulit, Selampit dan cerita-cerita Mak Yong di Kelantan.

Abdul Rahman Al-Ahmadi kali ini menghidangkan dua buah rencana yang berjudul 'Lawatan ke Selatan Thailand' dan 'Karya Perancis Dalam Sastera Melayu Moden Terbitan Kelantan'. 'Lawatan ke Selatan Thailand' mengesahkan lawatan rombongan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ke Patani, Songkhla (Singgora), Nakhon Sri Thammarat (Ligor), Suratthani dan *Chaiya* (Jaya) yang merupakan kawasan-kawasan bersejarah di zaman lampau. Kawasan-kawasan tersebut juga mempunyai hubungan sejarah yang erat dengan bahagian utara dan timur Semenanjung Tanah Melayu khususnya Kelantan di zaman sebelum tahun 1909 Masihi. Di sana masih terdapat kira-kira 2½ juta orang keturunan bangsa Melayu dan beragama Islam walaupun mereka sekarang dipanggil Thai Islam atau Thai Muslim. Melalui rencana 'Karya Perancis dalam Sastera Melayu Moden Terbitan Kelantan' Abdul Rahman Al-Ahmadi (yang boleh berbahasa Perancis) menulis bahawa sejak dari tahun 1920 Masihi mula diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan cerita roman dan cerita detektif (mata-mata gelap) yang diterjemahkan ataupun disadurkan dari novel-novel Arab dan Amerika yang berasal dari bahasa Perancis. Di antaranya yang terkenal di masa itu ialah: 'Acuan Kasih' dalam majalah 'Al-Kitab' (1920 m.); 'Kecurian Lima Milion Ringgit' (sebuah buku cerita — 1922 m.); 'Nicholas Carter Dengan Wakil Sulit Kerajaan Brazil' dalam majalah 'Al-Hidayat' (1923 m.); 'Telegraf Dari Perut Ikan atau Perlawanan Hocker Dengan Benham Carter Ketua Polis Amerika' (sebuah novel detektif); 'Syair Cerita Bijaksana' (sebuah buku cerita — 1923 m.); 'Kitab Kekuasaan Hati' (karya terjemahan dari bahasa Perancis — 1935 m.); 'Rahsia Monte Carlo' (karya terjemahan dari bahasa Perancis) dalam majalah Al-Riwayat — 1938 m.); dan 'Urusan Kehidupan' atau 'Alam Tamadun' (1939 m.).

Dr. Po Dharma pula dalam rencananya yang bertajuk 'Peranan Kelantan dalam Pergerakan Islam di Campa 1833—1834' buat pertama kalinya menceritakan tentang Katip Sumat (Khatib Abdul Samad?) seorang alim, mubaligh, pembesar dan pejuang Campa berhijrah/berlindung di Kelantan, pada awal abad ke-19 Masihi yang kemudian kembali ke Campa untuk meneruskan perjuangan menentang ancaman serangan dan pencerobohan orang-orang Vietnam di tanah-airnya.

Rencana yang berjudul 'Persidangan Serantau ke-4 Majlis Antarabangsa Muzium-Muzium di Asia dan Pasifik' oleh penulis sendiri memperkatakan secara ringkas persidangan yang lebih dikenali sebagai Persidangan ICOM yang berlangsung di kotaraya Beijing, ibukota negara Republik Rakyat China dari 1 hingga 6 Mac 1989. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah diwakili oleh tiga orang. Lawatan oleh ketiga orang dari Kelantan ke negeri China merupakan kesinambungan sejarah hubungan di antara Kelantan dengan China yang telah bermula kira-kira 1400 tahun yang lalu.

Semoga rencana-rencana tersebut akan memberi manfaat kepada para pembaca, khususnya peminat-peminat sejarah Kelantan.

Bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berbilang-banyak terima kasih kami kepada penulis-penulis yang telah memberi sumbangan

mereka masing-masing kepada 'WARISAN KELANTAN' bilangan 8, tahun 1989 ini.

Sekian.



(DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH),
Pengerusi,
Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti,
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

30 Mac 1989.



Adat Berkhatan

MUSTAFA BIN IBRAHIM

Pendahuluan

BERKHATAN (berjawi dalam dialek Kelantan) hukumnya berbeza menurut pendapat ulama. Menurut kitab al-Minhaj dan At-Thufat berkhatan itu wajib. Ada pula ulama seperti Imam Malik dan Imam Abu Hanifah yang mengatakan bahawa berkhatan itu sunat bagi setiap orang. Tetapi bagi kita orang-orang Islam yang berpegang mazhab Shafie hukumnya wajib. Kerana menurut pendapat kaum ini, apabila seseorang Islam wajib mengerjakan sembahyang wajib membersihkan diri dari najis dan mempunyai uduk, apabila wajib membersihkan diri dari najis maka dengan sendirinya berkhatan itu hukumnya wajib.

Bagi masyarakat Melayu Kelantan berkhatan bukan sahaja dilaksanakan dari segi hukum tetapi ianya dilakukan dengan penuh adat istiadat yang diwarisi dari datuk nenek turun temurun lagi. Apabila seseorang kanak-kanak meningkat umur antara sepuluh hingga dua belas tahun, maka ibu bapa mereka akan menetapkan satu masa untuk mengadakan satu upacara adat istiadat berkhatan. Upacara ini bagi keluarga yang berada dilakukan selama tiga hari tiga malam. Upacara ini juga dilakukan secara kumpulan tiga atau tujuh orang kanak-kanak yang hendak berkhatan.

Upacara berkhatan boleh dibahagikan kepada tiga:


1. Upacara perarakan
2. Upacara sambutan dan pertunjukan kesenian
3. Upacara berkhatan

1. Peralatan untuk upacara perarakan:-

- a. Sebuah usungan. Usungan ini untuk membawa arakan kanak-kanak yang hendak berkhatan dibuat berbagai-bagai bentuk mengikut kemampuan dan kemahuan ibu bapa mereka. Bagi golongan yang berada kanak-kanak diarak dengan menggunakan gajah dan bagi yang kurang


mampu mereka hanya mengguna gendongan oleh orang-orang dewasa sahaja. Tetapi yang biasa dibuat ialah usungan itu diperbuat daripada sebuah perahu yang dihias dengan binaan bertiang empat dan berbung-bung seperti kubah masjid, dikiri kanan binaan itu dihias pula dengan kain lansir yang berwarna kuning. Sementara itu kepala perahu diukir berbentuk kepala naga atau kepala burung dan ekor perahu pula diukir dengan ukiran ekor naga atau burung.

Perahu atau usungan tersebut dipalang dengan batang kayu atau biasanya dikampung-kampung menggunakan batang-batang pinang untuk dipikul oleh orang-orang dewasa terdiri dari sepuluh atau dua puluh orang. Ini bergantung kepada jumlah berapa ramai kanak-kanak yang akan menaiki usungan tersebut.



Gambar Balai atau Perahu Usungan

- b. Pulut semangat yang dibuat dalam tiga warna iaitu putih, merah dan kuning bagi setiap bekas yang dipanggil Pha dan pulut-pulut semangat tadi dihias dengan bunga telur.
 - c. Satu kumpulan gendang silat yang terdiri dari empat orang yang memalu gendang anak dan gendang ibu, peniup suna (serunai) dan pemalu gong.
 - d. Satu kumpulan rebana besar yang terdiri dari sembilan orang bagi tiga biji rebana, enam orang memikul rebana dan tiga orang memalu rebana.
 - e. Seorang pembawa bendera yang dikenali dengan panggilan Pawai (Pawai).
 - f. Seorang pembawa satu dahan kayu yang mempunyai ranting yang digantung dengan berbagai-bagai jenis kueh seperti karas (kekaras), geneng (ginang), buah ulu, ketupat, pisang, tebu, bunga-bunga dan buah kelapa. Dahan kayu yang digantung dengan berbagai-bagai jenis kueh-mueh ini dipanggil buah sepuluh.
2. Peralatan di rumah dan persembahan kesenian:-
 - a. Kumpulan seni silat yang dipanggil silat pulut.
 - b. Kumpulan tarian inai atau kumpulan rebana kercing.
 - c. Satu binaan berbentuk pengajangan (pelamin) seperti tempat pengantin bersanding yang dikenali dengan balai empat puluh.



3. Peralatan berkhatan


- Satu batang pisang yang baru ditebang yang telah dibersihkan.
- Satu pengapit seperti jangka geometri.
- Sebilah pisau yang tajam seperti pisau cukur.
- Ubat-ubatan.

Cara pelaksanaan

Kanak-kanak yang hendak dikhatan itu dimandi, dibersihkan tubuh badan dan dicukur rambut mereka dan diberi pakaian seperti pakaian pengantin dan dibawa ketempat mula perarakan yang jaraknya antara tiga hingga lima kilometer dari rumah mereka. Biasanya upacara ini dilakukan pada waktu petang.

Upacara ini diketuai oleh seorang pawang yang membaca mentera dan memula upacara letak kerja ditempat permulaan perarakan. Kanak-kanak itu diletakkan diatas usungan yang telah dihias indah dan diusung oleh orang-orang

dewasa yang bilangannya mengikut keberatan usungan tersebut, kadang-kadang sampai dua puluh orang.



Gambar Lukisan Buah Sepulih

Susunan upacara perarakan adalah seperti berikut:-

- Pembawa bendera (Pawa)
- Kumpulan pembawa nasi semangat
- Kumpulan gendang silat
- Usungan sama ada berbentuk perahu, gajah, balai usungan atau dukungan oleh orang perseorangan
- Pembawa buah sepulih
- Kumpulan pembawa dan pemalu rebana besar.

Kumpulan perarakan ini akan bergerak dengan perlahan-lahan dari tempat mula perarakan dengan bunyi-bunyian paluan gendang silat dan rebana besar untuk menuju ke rumah dimana kanak-kanak berkenaan akan dikhatan. Apabila kumpulan perarakan ini sampai di halaman rumah, pertunjukan silat akan dipersembahkan. Setelah selesai, kanak-kanak berkenaan akan dibawa turun dari usungan untuk upacara Pijak Tanah sebelum dibawa naik keatas rumah. Selepas

itu kanak-kanak berkenaan dibawa naik keatas rumah dan diletakkan diatas pelamin yang dipanggil Balai Empat Puluh untuk dilakukan upacara menyuap semangat oleh pawang dan ahli-ahli keluarga dan juga upacara Pelepas. Selepas upacara pelepas akan disusuli pula dengan upacara pertunjukan kesenian seperti tarian inai dan rebana kercing.

Keesokkan harinya barulah dilakukan berkhatan oleh seorang yang mahir dalam kerja-kerja khatan yang dipanggil Tuk Mudin. Berkhatan biasanya akan dilakukan pada waktu pagi. Sebelum kanak-kanak dikhatan, kanak-kanak itu akan dimandikan sehingga sejuk supaya tekanan darahnya turun bagi mengelakkan pertumpahan darah yang banyak. Selepas itu kanak-kanak berkenaan akan diberi pakaian sehelai kain batik lepas dan dibawa kehadapan mudin oleh seorang dewasa sebagai pembantu mudin dan kanak-kanak akan diletak bercangkong diatas batang pisang. Mudin akan membaca sahadat Mudin supaya kanak-kanak itu tidak merasa takut dan bacaan penahan darah. Selepas itu kemaluan kanak-kanak itu akan dikapit dengan satu pengepit dan dipotong bahagian yang hendak dibuang dan dibalut dengan pucuk pisang kelat air yang muda yang telah disapu dengan ubat pada lapisan bawah dan seterusnya dibalut dengan kain. Setelah selesai berkhatan kanak-kanak itu akan dibawa kesatu bilik yang telah disediakan.

Kanak-kanak yang berkhatan ini juga mengikut kepercayaan orang-orang Melayu hendaklah menahan pantang supaya tidak memakan makanan yang bisa yang boleh melambatkan sembuh. Biasanya selepas tiga hari barulah kanak-kanak itu pulang ke rumah masing-masing.

Pada sekali imbas mungkin masyarakat hari ini mengatakan bahawa upacara yang diadakan itu mubazir dan bertentangan dengan ajaran agama. Tetapi mungkin anggapan itu kurang tepat, kerana apa yang dilakukan oleh orang-orang tua kita dahulu mempunyai falsafah dan tujuan yang tersendiri supaya generasi masa kini membuat penyelidikan yang mungkin kita akan bertemu dengan satu keilmuan yang dimiliki oleh datuk nenek kita pada masa lampau.

Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungannya dengan Semenanjung dengan Tumpuan Khas kepada Negeri Kelantan

ABDULLAH BIN MOHAMED (NAKULA)

1. Suatu Pandangan Umum

DALAM tahun 1975, masyarakat kita telah digemparkan oleh kedatangan 1188¹ orang pelarian Islam dari Kemboja atau Kampuchea setelah jatuhnya negara Kemboja kebawah kekuasaan kaum komunis Khmer Rouge atau Khmer Merah, dan mereka memilih Kelantan sebagai tempat perlindungan mereka yang pertama. Ketika ini mereka diberi nama Orang-orang Khmer Islam atau Orang-orang Islam Khmer dalam surat-surat khabar kita. Nama Khmer Islam ini mulai dipergunakan dalam kad-kad pengenalan sejak Kemboja mencapai kemerdekaan pada 18 Oktober 1954.

Keturunan

Kalau dilihat dari segi keturunan, istilah Khmer Islam itu tidak tepat kerana perbezaan agama antara Islam dan Buddha dalam Kemboja bukan sahaja terletak pada agama, malah juga keturunan. Warganegara Kemboja yang beragama Islam itu keseluruhannya dari Keturunan Melayu, maksudnya Melayu dalam ertikata yang seluas-luasnya, manakala yang beragama Buddha keseluruhannya adalah Keturunan Khmer. Disamping ini terdapat pula keturunan-keturunan Cina dan Vietnam yang ramai jumlah mereka, menganut berbagai agama, seperti Buddha, Konfusius dan Kristian. Dari jumlah kira-kira 7,000,000 penduduk Kemboja

1 Laporan Pengelola Taman Putera Perkim Negeri Kelantan. Sebenarnya kedatangan pelarian-pelarian itu secara rasminya bermula dalam tahun 1972, tetapi sayangnya jumlah mereka tidak tercatat. Adalah difikirkan jumlah ini amat kecil. Kaum pelarian tahun 1975 itu yang terbesar jumlahnya. Sejak tahun 1975 ini dan seterusnya tahun-tahun 1976, 1977, 1978 dan 1979, kaum-pelarian Melayu itu berjumlah 3,280 orang. Pelarian ini berlanjutan hingga tahun 1981, tetapi jumlah mereka tidak diketahui, kerana sejak tahun 1980, tugas menerima mereka telah diambil alih oleh Perkim Pusat, Kuala Lumpur.

(sebelum tahun 1975), terdapat kira-kira 1,000,000 dari Keturunan Melayu².
 Keturunan Melayu atau orang-orang Islam ini yang paling ramai jumlahnya tinggal dalam Wilayah Kompung Cham, Wilayah Kandal yang didalamnya terletak Phnom Penh, ibu kota Kemboja, Wilayah Kompung Chhnang, Wilayah Battambang, Wilayah Kratie, Wilayah Kompung Thom, Wilayah Pursat, Wilayah Kampot dan Wilayah Takeo (lihat Peta I).




Batas negara _____ Ibu Kota ■ Batas wilayah Kota wilayah •
 penduduk Islam: padat ooo Kurang oooo amat kurang oo

Peta 1: Negara Kemboja.

2 Bilangan Keturunan Melayu ini berdasarkan anggaran beberapa individu yang mengetahui dengan mendalam tentang jumlah Keturunan Melayu itu, menurut mereka bahawa jumlah yang dikeluarkan oleh unit statistik kerajaan memang tidak boleh dipercayai. Biasanya jumlah orang-orang Islam itu dikira dari warganegara yang mempunyai kad pengenalan sejak berusia 18 tahun, kemudian diperkecilkan pula jumlah mereka. Ini adalah berhubung dengan kecemburuan tradisional terhadap orang-orang Islam atau Keturunan Melayu, umpamanya menurut banci tahun 1970, jumlah angka rasmi orang Islam di Kemboja hanya 546,100 orang.

Ada dua suku penting orang-orang Melayu di Kemboja:-

Yang Pertama: Suku Cham singkatan dari Champa suatu negara yang dibangun dalam tahun 192 Masihi, terletak di bahagian utara dan tengah Vietnam Selatan dulu, atau lebih tepat bahawa Champa ini adalah sebuah negara yang memanjang di kawasan pantai timur Indochina, sempadan utaranya bermula dari Pergunungan Hoan Sonh yang pada hujungnya terletak kota Port d'Annam, membengkok ke arah tenggara, terus turun ke selatan, kemudian membengkok ke arah barat daya sampai ke Cape Bake sebagai sempadan selatannya. tidak begitu jauh dari kota Saigon (sejak dari tahun 1975 dikenali sebagai Ho Chi-Minh City) sekarang, terletak di antara 18° dan 10° garis lintang utara. Panjangnya dari utara ke selatan adalah kira-kira 1,040 kilometer (lihat Peta 2).



Peta 2: Negara Champa.

Setelah berabad-abad berjuang dengan gagah akhirnya bangsa Cham mengundurkan diri ke Semenanjung, Pulau Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Kalimantan Pulau Sulawesi, Laos dan Siam lebih-lebih lagi ke Kemboja setelah mereka menderita beberapa kali kekalahan besar dalam peperangan-peperangan dengan orang-orang Viet (Vietnam) yang lebih ramai dalam abad ke-15, 16, 17, 18, dan 19 Masihi. Perpindahan mereka ke Kemboja ini ada yang secara langsung dari Champa melalui daratan dan ada pula yang berpindah dengan kapal-kapal dan perahu-perahu menuju ke Pantai Timur Semenanjung seperti Patani, Kelantan Terengganu dan Johor, lebih-lebih lagi Kelantan. Ada yang terus menjadi rakyat negeri-negeri di sini dan ada pula yang berpindah dari sini ke tanahair mereka bila keadaan telah berubah atau menuju ke Kemboja unuk meneruskan perjuangan mengambil kembali negara mereka yang jatuh itu dengan melancarkan serangan-serangan dari sempadan Kemboja. (lihat Peta 3).

Oleh kerana perpindahan-perpindahan ini mereka merupakan sebahagian terbesar dari jumlah orang-orang Melayu di Kemboja itu, kira-kira 80% daripada mereka atau kira-kira 800,000 orang. Kebanyakan dari mereka, kira-kira 500,000 tinggal dalam Wilayah Kampung Cham (kira-kira 40 peratus dari seluruh penduduk Wilayah), hampir dengan sempadan negara asal mereka, manakala yang lain-lain tinggal berselerak dalam wilayah-wilayah tersebut. Mereka semua beragama Islam.




Peta 3: Perpindahan orang-orang Cham.



Gambar 1. Orang-orang pelarian Cham mendarat di Pantai Kelantan dalam tahun 1975.



Gambar 2. Orang-orang pelarian sedang dipindahkan ke khemah-khemah di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.



Gambar 3. Saudara-saudara kita dari Kemboja ini sedang bersembahyang jama'ah di tepi khemah mereka di Pengkalan Chepa, tahun 1975.



Gambar 4. Bertemu jodoh di khemah pelarian.

Yang Kedua: Suku Jvako (dari Jawaka) ada bermacam-macam tafsiran orang mengenai nama ini di Kemboja. Ramai orang mentafsirkannya sebagai paduan dari dua nama Jawa dan Ko (singkatan dari Kemboja), jadi sama ertinya dengan Jawa – Kemboja. Bila melihat kepada adat istiadat mereka adalah sama dengan orang-orang Melayu di Pantai Timur Semenanjung dan orang-orang Melayu Semenanjung digelar Jva atau Chvea seperti yang akan diterangkan, mereka dapat dikatakan sebagai berasal dari Pantai Timur Semenanjung ini terutamanya Kelantan. Nampaknya mereka datang ke Kemboja sebagai peniaga-peniaga atau penakluk-penakluk dalam zaman Empayar Jawaka dalam abad ke-13. Jawaka adalah satu empayar yang berpusat di Kelantan meliputi Semenanjung, Segenting, Sumatera Utara, sebahagian dari Kemboja dan pernah menakluk Pulau Sri Lanka (Ceylon). Suku Jvako ini berjumlah kira-kira 200,000 orang. Kebanyakan dari mereka tinggal di Wilayah Kampot. Jumlah mereka di sini hampir 100,000 orang. Kemudian di daerah Kampung Luong dekat Phnom Penh dalam Wilayah Kandal dan Wilayah Battambang (adalah dikatakan asalnya dari perkataan Melayu batu tambang). Manakala yang lain-lain bertabur di seluruh Kemboja. Mereka semuanya beragama Islam. Orang-orang Jvako yang tinggal di Kampung Luong yang berjumlah kira-kira 30,000 orang itu, ramai dari mereka yang menjadi pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan yang handal. Orang-orang Jvako juga terkenal dengan perniagaan kain tenun termasuk kain tenun songket. Mereka memikul bungkusan-bungkusan kain ini dan menjajanya keseluruh Kemboja seperti orang-orang Kampung Laut di Kelantan.

Begitulah dua suku Keturunan Melayu yang berada di Kemboja menjadi dua wadah yang menerima pula perpindahan-perpindahan Keturunan Melayu di zaman-zaman kemudian ke dalam masyarakat mereka dan menambahkan pula jumlah mereka. Orang-orang Melayu yang berpindah di zaman-zaman kemudian ini dinamakan Jva atau Chvea (dari perkataan Jawa). Perkataan Jva menurut sebutan orang-orang Cham manakala perkataan Chvea adalah menurut sebutan orang-orang Khmer. Mereka bukan datang dari Pulau Jawa sekarang sebagaimana yang harus terlintas dalam pengertian kita di Malaysia. Sebenarnya mereka ialah orang-orang Melayu yang berasal dari Semenanjung, juga yang datang ke Kemboja dalam zaman-zaman yang kemudian sebagai mubaligh-mubaligh agama Islam dan peniaga-peniaga. Oleh kerana mereka datang di zaman-zaman kemudian maka tempat datangnya mereka ada yang masih diingati oleh cucu cicit mereka sekarang, ada yang berasal dari Pahang, Terengganu, Kelantan, Teluban dan Patani.

Orang-orang Jva atau Melayu yang datang kemudian ini tidak mempunyai identiti yang tersendiri, mereka masuk ke dalam dua wadah yang telah tersedia di Kemboja seperti yang telah diceritakan tadi, iaitu masyarakat-masyarakat orang-orang Cham dan Jvako dan mereka lebur didalamnya menenrusi persemendaan-persemendaan.

Bahasa

Sebagaimana keturunan, begitu juga bahasa orang-orang Melayu Kemboja terbahagi kepada dua:-

Yang Pertama: Suku Cham itu bercakap dalam bahasa Cham, iaitu bahasa



Gambar 5. Sambutan hangat oleh rakyat dari kaum Cham terhadap Sihanouk, dalam tahun 1965.

Melayu Champa, suatu cabang dari bahasa Melayu-Polynesia bahagian barat atau Indonesia dan mengandungi kira-kira 50% perkataan Melayu jati sebagaimana menurut anggaran Blagden,³ bila kita mendengar mereka bercakap, kedengarannya seperti irama percakapan orang-orang Khmer atau Thai. Kita tidak dapat memahaminya, tetapi, bila mereka menyebut sepatah-sepatah perkataan secara berasingan barulah kita agak mengerti, hampir serupa dengan orang Kelantan yang tidak mengerti bila mendengar orang-orang Negeri Sembilan bersembang, tetapi baru dapat memahaminya bila disebut perkataan-perkataan sepatah demi sepatah dan begitu juga sebaliknya.

³ Blagden, C.O., "A Malayan Element in some of the Languages of Indo-china", JSBRAS, No. 38(1902), hlm. 1-27 dan "Early Indo-Chinese Influence in the Malay Peninsula" JSBRAS, No. 27 (1894), hlm. 21-56.




Gambar 6 & 7. Putera Sihanouk sedang bermesra dengan rakyatnya dari kaum Jvako (Melayu) di Kampot pada 25 November 1965.

Yang Kedua: Suku Jvako pula, meskipun mereka berasal dari Semenanjung, oleh kerana lebih dari tujuh abad tinggal dalam masyarakat orang-orang Khmer sebagai suatu golongan minoriti yang lemah, mereka lupa bahasa ibunda mereka, mereka bercakap dalam bahasa Khmer yang bercampur sedikit dengan bahasa Melayu, aneh juga. Bila mereka bercakap dengan orang-orang khmer mereka bercakap dalam bahasa Khmer tulin.

Kedua-dua suku Melayu tersebut meskipun bercakap dalam bahasa yang berlainan, pada asasnya mereka dapat memahami bahasa Melayu jati seperti yang dipertuturkan oleh kita di Semenanjung sekarang. Hal ini disebabkan oleh pengaruh agama Islam. Tiap-tiap seorang dari keturunan Melayu itu mempelajari agama Islam menerusi kitab-kitab jawi seperti karangan-karangan Syeikh Daud Patani dan lain-lain ulama dari Patani, Kelantan dan Terengganu, karangan-karangan ulama Aceh, Palembang dan Banjar dan lain-lain. Kitab-kitab jawi ini biasanya diimpot dari Singapura, Pulau Pinang, Kelantan dan Mekah. Jadinya untuk memahami kitab-kitab ini mereka terpaksa mempelajari asas-asas bahasa Melayu Semenanjung dalam pondok-pondok, sekolah-sekolah swasta atau di rumah-rumah. Oleh itu seorang Cham atau Jvako dapat memahami sebahagian dari pertuturan orang-orang Malaysia, meskipun mereka agak berat hendak bercakap kerana mereka tidak ada latihan dalam pergaulan harian. Tetapi, mereka dapat bercakap bahasa Malaysia dalam waktu yang singkat sahaja bila mereka datang ke sini (lihat Gambar 8).

Juga oleh kerana pengaruh kitab-kitab jawi dari Semenanjung, orang-orang



Gambar 8. Sebuah sekolah swasta mengajar agama kepada kanak-kanak di Kemboja dengan bahasa Melayu dalam tulisan jawi.

Cham telah melupai tulisan tua mereka dalam huruf Sanskrita atau Huruf Jawa yang digelarkan Huruf Kak-kak. Sekarang mereka memakai Huruf Jawi sebagai huruf perantaraan dalam masyarakat mereka, tetapi bahasanya ialah bahasa Cham (lihat Gambar 9).

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 وَاَسْتَعِیْنُكُمْ فِی الْكَلِمَاتِ الْعَرَبِیَّةِ
 اَمَّا الْمَوْضُوعُ فَاَنْوَاعُ

بِقَرَارِ حَرَمِةِ تَوَهَّاجِكُمْ ۲ دَان بَقَرِ یُورِی هَتِیَان ۲
 رَعَایَ مُسْلِمِیْنِ دَان مَسَلَمَاتِ كَوَلَهْ ضَا دَالِم مَدَوْلَضِ
 سِرْوَق كِرَوَاجْ جِهْمَا هُجْ هَدَوْم سِیَام مَكْرَبِ
 هَتِیَان ۲ كَوَغْ حَسَا رَعَا حَسَا لَمَوْلُ حَسَا بَغْسَا
 دَان حَسَا اَوَكْمَا هَلَوْنِ اَمْنِ مَتِ نَعْبِیْدِ (حَاخْ مُحَمَّدِ سَعِیْدِ)
 لَكَا وَجَرِ بَا مَی فَا تَوْعْبِیْهِ هَتِیَان ۲ رَعَایَ سَبِیَا ۲ بُو هَلَوْنِ هُو
 تَدْوَالِ اَنْوَابَاتِ مَغْ كِرِ سَوَاغْ مَهَا فَدَایْ بَقَایْ كَهَلِیْ دَاغْ اَمْنِ جِیَا قَا بَا كِ
 كِیُونِ سَمِیْرَا فِ بَقَایْ هَتِیَان ۲ رَعَایَ غَوَاهْ مَاهْ بَیْغْ تَمْنَاغْ رِیَا سِرْوَقْ تَنْتِیْ
 مَغْ هَتِیَان ۲ تَوْعْبِیْهِ) مَكْرَهْفَایْ كَوَغْ جَاوْ بِنِ جِ مَوْتِ نِ دَهْفَایْ اَرِیْدِ
 ۱۱ بِلَانِ بَرْتَهَوْنِ ۱۹۶۶ كِهْ نَاوْ نِ

هَتِیَان ۲ كَوَغْ حَسَا ۱ هَلَوْنِ هُو مَدَسْتِغْ
 كِیَا كَوَغْ رِیْمَا اَوَكُو هْ مَغْ هَرِ رَوَاهْ جِلْدَنْ تُو هُو فَعْفَمْ حْ كَلَوَغْ اَوَكْمَا بَغْسَا رَعَا
 نَاوْ تَنَاوْ فِدَهَاكْ تَوْعْبِیْهِ تُو رَعَایْ رَهْوَا كَامَا اَوَا سَهْ هَعْفَاغْ كَوَغْ بَرِ حَسَا
 رَعَا دَان اَوَكْمَا بَغْسَا كَوَغْ هُو بَا مِ تَمَانَا وَضَا دَلِیْمِ ل اِبَالَهْ دَالِم رِ
 سَهْفَلِیَا تُو مَغْرَبِیْهِ جِیَا حَسَا لَبِیْ كَوَغْ مَدَا سَبِ ا حِیْ فِتِیَا كَا بِیَا رَانِ
 عَمِیْ عَمِیْرَا اَوَكْمَا بَغْسَا رَعَایْ یَا وَكَا تَمْنَاغْ لَو ۳ نِ
 سَبِیْبِ یَا وَنِیْسَهْ جِیْغْ تَوْعْبِیْهِ اَهْلِیْ ۲ كَوَغْ بَرِ حَسَا رَعَا ۲ كِهْ فَمَوْمِ فِیْنِ یُو كِ سِرْوَقِ
 دَان مَوَافَقَهْ جَاوْ بَقَایْ هَلَوْنِ تَبِیَا اَمْنِ دَاغْ جِیَا قَا بَا كِ كِیُونِ تَمْنَاغْ رِیَا سِ
 دَالِم بِلِیْ نِ مَدْفَهْمَدَهْنِ هُو بَا وَكَا كَا كَوَغْ تَرِ سَبِیْبِ كِهْ عَمِیْ نِ مَكْرَهْمُوبِ
 هَلَوْنِ قَاهُو تَدْوَالِ فِیَا وَحَا جَهْ اَهْلِیْ ۲ رَعَایْ یَا وَكَا فَمَسَا مَعْنِیْ دَالِم اِیْهْ
 یَغْتَرِ سَبِیْبِ دَكِهْ عَمِیْ نِ
 مَكْرَدَالِم نِیَامِ هَتِیَانِ رَعَایْ كَوِیْبَرِ حَسَا رَعَا دَان عَوْبِ هَلِیْنِ
 ذِدَلِ هَارْفِ سَبِیْبِیْ هَارْفِ نِ یَاغْ بَاوْ دَان كِكُو هْ لَكَا وَنَا یَا فَا هَتِیَان ۲ طَقْبِیْهِ
 بَقَایْ نَاوْ رِیْغْ بِنِ جَهْنُوتِ تَوْعْبِیْهِ كُو فَهْو ۲ دَهْفَایْ اَرِیْدِ ۱۱ بِلَانِ بَرْتَهَوْنِ
 ۱۹۶۶ كِهْ نَاوْ نِ بَقَایْ كِهَانِ جَوَا ی سَبِیْبِیْ هُجْ مَأْتِجَلَا جَهْنُوتِ كَوَغْ مَدَكْمَنُو
 عَوْبِ هَلَوْنِ دَان اَمْنِ هَلَوْنِ نَاوْ جِیْمِ دَالِم فِتِیْ جَهْنُوتِ تُو هُو كَرْمِ هَلَوْنِ جِیْغْ تَمْنَاغْ شِیَا هْ
 نَاوْ مَوَكَا ۲ هُجْ جَا سَتِیْ هَتِیَانِ ۲ كَوَغْ اَخْلَا صِیْ نِ هُو یَسْ هِیْ كَلَوَغْ دَان سَمِیْرَا نَا
 بَقُو رَعَایْ نَاوْ تَنَاوْ سَفَرَهْ مَقْصُودِ رَعَایْ تَوْعْبِیْهِ وَالسَّلَامِ
 هَلَوْنِ فِدَلُو هَمِیْوَانِ دَكُونِ لَهْ لَو



Gambar 9. Salah satu surat sebaran dalam pilihanraya kawasan parlimen di Kemboja tahun 1966. Gambar yang tertera dalam surat sebaran ini ialah Haji Muhammad Said, calon kawasan itu. Ia adalah seorang Cham dan setelah memenangi pilihanraya, ia diangkat menjadi menteri agama hingga tahun 1975.

Oleh kerana itulah hakikat yang sebenarnya mengenai orang-orang Islam dari Kemboja itu, maka istilah Khmer Islam atau Orang-orang Islam Khmer adalah suatu penamaan yang tiada tepat dari segi keturunan dan juga bahawa ini adalah penamaan yang kurang manis didengar mereka. Mereka lebih suka disebut dengan suatu nama umum, nama golongan mereka yang paling besar iaitu Orang-orang Cham atau lebih sesuai dengan zaman moden ini disebut dengan Orang-orang Melayu Kemboja. Sebelum daripada Kemboja mencapai kemerdekaan, mereka dinamakan dalam kad-kad pengenalan kerakyatan dengan Malais yang sama dengan Malaysia. Pandangan pemerintahan kolonial Perancis adalah benar pada suatu segi, dari segi keturunan, bukan dari segi kepentingan nasional Kemboja.


Jawa Bukan Melayu

Di sini rasanya patut juga dicatatkan sedikit mengenai sikap orang-orang Cham yang tradisional terhadap kita di Semenanjung ini, juga sikap orang-orang Khmer. Tadi telah dikatakan bahawa orang-orang Melayu yang datang dari Semenanjung disebut dengan nama-nama Jva dan Chvea atau Jvako dari asal perkataan Jawaka. Mengapakah orang-orang Cham dan Khmer memberikan istilah seperti itu kepada kita?, ini adalah suatu fakta yang ada hubungan dengan sejarah awal kita yang masih belum diterokai oleh ahli-ahli sejarah. Menurut keterangan orang-orang Cham kepada penulis bahawa nama Melayu tidak terkenal dalam generasi tua di Kemboja. Nama ini baru terkenal dalam zaman moden. Generasi tua itu bila menyebut Semenanjung, mereka menyebutnya Tanah Jva, orang-orang Melayu disebut Orang Jva, bahasa Melayu disebut bahasa Jva dan tulisan Jawi disebut tulisan Jva.


Orang-orang Cham atau Khmer bukannya salah atau jahil tentang konsep Jawa itu, tentulah mereka menggunakan suatu nama untuk kita yang memang telah dikenali oleh nenek moyang mereka secara tradisional sejak abad yang pertama (kira-kira 1900 tahun yang lalu) ketika nama Jawa itu mulai dipakai. Serupa juga dengan tidak salahnya konsep orang-orang tua Aceh yang masih menyebut bahasa Melayu Semenanjung dengan bahasa Jawa dan konsep orang-orang Arab yang menyebut semua orang-orang Semenanjung dan Nusantara dengan Al-Jawiun (Orang-orang Jawa). Ini membuktikan bahawa nama Jawa purba lebih luas pemakaiannya daripada sekarang yang hanya terbatas setakat Pulau Jawa sahaja, manakala di Pulau Jawa sendiri pula nama Jawa itu digunakan untuk Jawa Tengah dan Jawa Timur sahaja, tidak termasuk Jawa Barat.

Sikap Terhadap Kelantan

Tempat yang paling suci dan amat disanjung dalam Tanah Jva itu menurut sikap orang-orang Cham yang tradisional ialah Kelantan kemudian Patani. Kelantan ini kadang-kadang disebut dengan Klan-jngeh ertinya Cahaya yang Terang Benderang yang sama dengan konsep Kilatan yang daripadanya timbul nama Kelantan. Kelantan dipandang penting baik dari segi politik mahupun dari segi agama. Dari segi politik, biasanya orang-orang tua Cham mengenali Kelantan sebagai Semenanjung seluruhnya, serupa dengan orang-orang Pulau Sumatera zaman dulu yang menganggap Melaka sebagai Semenanjung seluruhnya. Pandangan ini mungkin berhubung dengan peranan Kelantan yang besar dalam sejarah



Gambar 11. Satu contoh seni ukir dan seni bina dari batu peninggalan tamadun Champa yang amat tinggi.



Gambar 10. Candi My-son, dinamakan menurut nama tempat ditemuinya (lihat gambar 11), terletak di kawasan Indrapura, ibu kota Champa dalam abad-abad ke-8 dan ke-9 Masihi. Candi ini mempunyai bentuk seni bina Melayu yang tiada tanding indahnya.

Semenanjung sebelum Patani dan Melaka yang telah hilang sejarahnya dari ingatan kita, tetapi masih ada dalam ingatan orang-orang Cham.

Bila negara kita (Ketika bernama Malaya) mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, rantai orang-orang tua Cham di Kemboja mengucapkan syukur kepada Allah Ta'ala kerana: "Kelantan sudah merdeka" kata mereka. Mereka menganggap Kelantan adalah sama dengan Malaya. Dari segi agama pula Kelantan dianggap sebagai Serambi Mekah; atau terletak pada tingkat yang kedua selepas Mekah. Prof. Dr. M.A. Jaspri dari Belanda yang melawat Kemboja pada akhir tahun 1966 dan awal tahun 1967 Masihi untuk membuat kajian mengenai orang-orang Cham di sana pernah menyatakan kepada penulis bahawa ia merasa kagum bila mengetahui bahawa ramai orang-orang Cham di sana yang berdoa kepada Tuhan pada tiap-tiap lepas sembahyang supaya Tuhan murahkan rezeki mereka untuk menghantarkan anak-anak mereka belajar agama di Kelantan.

Keturunan Melayu di Vietnam

Di Vietnam Tengah, tempat berdirinya negara Champa pada zaman dulu, keturunan Melayu dari suku Cham yang tinggi tamadunnya dapat dikatakan telah lenyap, hanya tinggal runtuhannya bangunan candi-candi yang besar dan mempunyai mutu senibina dan seni ukir yang tinggi, juga meninggalkan lebih dari 130 prasasti (batu bersurat) dalam tulisan Sanskerta dan Arab (lihat Peta 4).

Yang masih wujud di bekas negara Champa itu dari rumpun Melayu hanya beberapa suku asli yang tinggal di kawasan pergunungan seperti suku-suku Sedang, Halang, Bahnar, Jarai, Khade, Stieng, Roglai, Churu, Tho dan lain-lain berjumlah kira-kira 800,000 (lihat Peta 5).

Tetapi orang-orang Cham yang sebenar masih wujud di Bahagian selatan bekas negara Champa itu, iaitu Phan-Rang, Tuy-Phong, Phan-Ri, Phan-Thiet, Tanh-Linh, Ma-Lam, dan Ham-Tan yang semuanya termasuk dalam Wilayah-wilayah Ninh Thuan, Binh Thuan dan Binh Tuy sekarang. Juga orang-orang Cham terdapat dalam kawasan negara Kemboja yang telah ditakluk oleh orang-orang Vietnam sejak kira-kira tahun 1700 hingga tahun 1757 dan menjadi bahagian selatan dari Vietnam. Dalam kawasan ini orang-orang Cham terdapat di kota Saigon (Ho Chi Minh), Wilayah Tay Ninh dan Wilayah Chau-Doc (An Giang).

Orang-orang Cham merupakan kaum minoriti yang amat kecil dibandingkan dengan orang-orang Vietnam. Berdasarkan anggaran yang dibuat dalam tahun 60-an di Phan-Rang, Phan-Ri, Phan-Thiet; Ham-Tan, Ma-Lam dan Thanh-Linh terdapat kira-kira 40,000 orang Cham, sebahagiannya beragama Islam dan sebahagian lagi beragama Brahma.


Dalam satu perkampungan di perbatasan kota Saigon ke arah Cholon terdapat 2,000 orang Cham, semuanya beragama Islam.

Di Wilayah Tay Ninh terdapat antara 3,000 dan 4,000 orang Cham, semuanya beragama Islam.


Di Wilayah Chau Doc (An Giang) terdapat 16,000 orang Cham termasuk sedikit orang Jvako (Melayu), semuanya beragama Islam. Mereka tinggal dalam 8 kampung meliputi kawasan dari 40 hingga 50 kilometer persegi (lihat Peta 6).

2. Memperkukuhkan Agama Islam

Di atas kita telah melihat secara sepintas lalu hancur luluhnya saudara kita



Peta 4: Sisa-sisa peninggalan bangsa Cham dalam negara asal mereka.



Peta 5: Distribusi minoriti-minoriti menurut geografi dalam Vietnam sekarang.

bangsa Champa, apa yang hendak dibincangkan di sini secara agak terperinci sekarang ialah sumbangan kita kepada orang-orang Cham dan Jvako (Jawaka) dalam Kemboja dan Vietnam dalam bidang agama Islam pada zaman-zaman terakhir, sampai kepada abad ke-20 Masihi. Sumbangan ini berupa tabligh untuk memperkuat Islam dalam kalangan mereka.



Peta 6: Tempat tinggal orang-orang Cham di Vietnam tahun 1975.

Mubaligh-mubaligh yang tidak dikenali

Setelah negara Champa menderita keruntuhan besar dalam tahun 1471 Masihi, kerana serangan bangsa Viet dan sisa negara Champa ini yang menjadi kecil, menderita keruntuhan pula beberapa kali dalam abad-abad ke-16, 17, 18 dan 19 Masihi, menyebabkan masyarakat orang-orang Cham menjadi kucar kacir. Mereka menjadi orang-orang pelarian ke merata-rata tempat dalam Asia Tenggara ini, mana yang hidup dalam negara-negara saudara-saudara mereka yang beragama Islam seperti di Semenanjung, Pulau Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Kalimantan dan Pulau Sulawesi selamat keturunan mereka. Tetapi yang hidup



Gambar 12. Puteri-puteri Cham di Vietnam melakukan Tamta-batari (Tari-Merak) dengan menggunakan kipas-kipas sebagai sayap-sayap merak.


dalam negara-negara yang bukan Islam di Kemboja dan Vietnam Selatan, nasib mereka amat menyedihkan. mereka hidup tertindas, dibunuh dengan sewenang-wenang untuk menghapuskan mereka dari muka bumi ini dan mereka menjadi ketinggalan dalam segala-galanya termasuk dalam bidang agama Islam, ada yang telah lupakan agama Islam, ada yang telah menyeleweng dari agama kerana tidak ada penurunan pusaka ajaran Islam yang bersambung-sambung dan teratur. Ketika ini menurut orang-orang Cham, datanglah para mubaligh dari Tanah Jva (Semenanjung) terutamanya dari Kelantan memberikan ajaran-ajaran agama kepada masyarakat Cham, iaitu para mubaligh yang majhul atau yang tidak diketahui dan tidak pernah tercatat dalam sejarah sebagai pejuang-pejuang Islam, hanya Allah sahaja yang tahu menilai jasa-jasa mereka. Mereka menyeberang ke Kemboja untuk menyelamatkan saudara-saudara mereka orang-orang Cham. Hingga sekarang menurut Encik Hussin bin Yunus bahawa hampir dimana-mana sahaja, kalau terdapat perkuburan atau permakaman lama orang-orang Cham di Kemboja dan Vietnam terdapat sahaja beberapa makam mubaligh-mubaligh dari Kelantan yang tiada diketahui nama mereka, hanya dapat diingati nama negeri tempat mereka datang sahaja.



Gambar 13. Pertanian adalah pekerjaan orang-orang Cham yang terpenting di Vietnam, tetapi ada juga yang membuat barang-barang seramik berbentuk tradisi.



Gambar 14. Puteri Duyen-Thi-Diep seorang wanita Cham di Vietnam sedang bertemin kain.



Gambar 15. Masjid Kampung Prek Pra, Wilayah Kandal, kira-kira 10 kilometer ke selatan Kota Phnom Penh.

Mubaligh-Mubaligh Dari Kelantan

Encik Hussin bin Yunus yang tersebut di atas, yang berasal dari Wilayah Kompung Cham adalah seorang pemuda yang amat gemar mengambil tahu dan menyelidik sejarah tokoh-tokoh Islam di Kemboja dengan cara melawat hampir seluruh negeri Kemboja, melawat makam-makam dan mendengar riwayat hidup mereka menerusi riwayat lisan dari orang-orang tua, serta mencatat beberapa fakta.

Encik Hussin telah dihantar oleh ibu bapanya ke Kelantan untuk belajar agama dalam tahun 1957, ketika berusia kira-kira 14 tahun dan belajar di Kampung Pulau Chondong, Kota Bharu kemudian pada perpondokkan Lati, Pasir Mas. Tujuh tahun kemudian, dalam tahun 1964, dia pulang ke Kemboja untuk beristeri dan bekerja sebagai guru agama. Ia mengajar agama pada merata-rata tempat hampir seluruh negeri Kemboja hingga tahun 1971. Dalam tempoh mengajar agama pada merata-rata tempat itu, Encik Hussin mengambil kesempatan melakukan penyelidikan itu. Dalam tahun 1971, ketika negeri itu sedang tercedur dalam peperangan saudara selepas kejatuhan Putera Sihanouk, Encik Hussin pulang semula ke Kelantan bersama isteri dan anak-anaknya dan sekarang menetap dan bekerja sendiri di Kota Bharu.

Menurut penyelidikannya mengenai Tuk-Tuk Guru agama dari Tanah Jva (Semenanjung Tanah Melayu) berdasarkan ingatan orang-orang Cham dan Jvako di Kemboja yang bermula sejak abad ke-16 Masihi dan seterusnya berlanjutan hingga sebelum Perang Dunia Kedua adalah sebagai yang akan diterangkan di bawah ini. Mereka datang dari Kelantan, Patani, Terengganu dan Perak⁴. Di antara tuk-tuk guru yang berasal dari Kelantan:-

- i. *Ungku Omar*, seorang keturunan Saiyid diutus oleh Ong Tpuo (Po Rome), raja Champa (bahagian akhir abad ke-16 dan bahagian awal abad ke-17 Masihi) untuk menyelidik kehidupan orang-orang Cham di Kemboja dan mengajar ilmu agama kepada mereka. Ia berasal dari Kelantan dan tentulah datang ke Kemboja menerusi Champa. Meninggal di Kampung Ken dekat Chau-Doc dalam kawasan Vietnam Selatan sekarang, berhampiran dengan sempadan Kemboja. Makamnya adalah keramat dan dikunjungi orang. Berdasarkan kegiatan Po Rome menyebarkan Islam di Kemboja tidak lama setelah baginda pulang dari penaklukan-penaklukan dalam tahun 1580 Masihi, maka perutusan Ungku Omar ke Kemboja adalah sekitar tahun-tahun 1580-1590 Masihi.
- ii. *Laksamana Haji Abdul Hamid*, digelar oleh orang-orang Cham dengan Datuk Bamso. Terkenal keramat di waktu hidupnya dan makamnya keramat pula dengan berbagai peristiwa aneh terjadi hingga sekarang. Terletak di Kompung Brek Bak dalam wilayah Kompung Cham. Menurut riwayat tradisi orang-orang tua di situ ia adalah bekas laksamana (panglima angkatan laut) kerajaan Jembal, Kelantan, dan mengembara ke Kemboja untuk mengajar agama. Mungkin ia berpindah

⁴ Disamping ini terdapat juga tokoh-tokoh dari kajian penulis sendiri di Kelantan dalam tahun 1975.

ke Kompung Cham bersama Po Ibrahim, raja Champa yang berundur ke Kelantan dan berangkat bersama rakyatnya dari Kelantan dalam tahun 1687 Masihi, ke Kemboja.

- iii. *Laksamana Haji Omar* (adinda Laksamana Haji Abdul Hamid), makamnya terletak di Kompung Brek Bak juga, kira-kira tujuh kilometer dari makam abangnya, terletak kira-kira 400 meter sahaja dari tebing sungai Mekong. Menurut riwayat tradisi laksamana Kelantan ini mengundurkan diri ke tempat abangnya selepas menderita kekalahan dalam peperangan dengan Siam, mungkin waktu membantu Ligor dalam peperangan dengan Siam antara tahun-tahun 1695-1700 Masihi. Ketika berada di Kemboja ini ia bertugas pula sebagai guru agama⁵.
- iv. *Tuk Guru Haji Hassan bin Abdullah*, lahir di Ligor (Nakon Sri Thammarat). Waktu masih kecil dibawa oleh keluarganya berpindah ke Kelantan. Ia adalah seperingkat dengan Haji Wak-Kasim Patani, guru ilmu hakikat bagi Syeikh Daud bin Abdullah Patani, Tuk Ku Paloh Terengganu dan lain-lain. Haji Hassan ini menetap dan membesar di Kelantan kemudian kahwin dengan seorang puteri di Kampung Mahligai dekat Bukit Panau, Kelantan. Setelah pergi ke Mekah ia pergi bersama isterinya ke Kemboja kira-kira dalam tahun 1849 Masihi. Tinggal di Kota Kampot yang menghadap ke Teluk Siam di mana tinggalnya ramai orang-orang Jvako (Melayu) berasal dari Kelantan, kemudian pindah ke Kompung Luong. Di Kemboja ia terkenal dengan gelaran Ong Hassan atau Ong San. Perkataan Ong sama dengan datuk atau tuk. Juga ia terkenal dengan gelaran al-Arif Billah (Orang yang kenal dengan Allah), suatu gelaran untuk Qutubul Aulia' (Raja Orang-orang Wali). Ia tiba di Kemboja dalam zaman pemerintahan Ang Duong (1841-1860 Masihi). Riwayat hidupnya yang aneh akan diterangkan nanti⁶.
- v. *Tuk Guru Syeikh Ismail bin Syeikh Hussin*, dari kampung Bunut, Pasir Puteh, Kelantan, seorang waliyullah yang bertolak ke Kemboja di sekitar tahun 1860 Masihi dan tinggal di Kota Kampot yang menghadap ke Teluk Siam, tempat Haji Hassan bin Abdullah atau Ong Hassan tinggal pada permulaan sampainya di Kemboja dalam tahun 1849 Masihi tadi. Mungkin mereka berdua mengenderai perahu-perahu layar bertolak dari Kelantan terus ke Kampot menyeberangi Teluk Siam. Di Kampot ini Syeikh Ismail tinggal mengajar agama Islam dan ilmu hakikat sambil beramal secara serius dan biasanya ia bertapa dalam lubang dalam tanah yang ditutupi dari atas. Kerana ia sentiasa berzikir sambil menggoyang-goyangkan kepalanya ia terkenal di sana dengan gelaran Tuk Nguk. Kemudian ia berpindah ke Kompung Luong hampir dengan Phnom Penh tempat Ong Hassan di atas dan wafat di sana dalam

5. Tepat bertentangan dengan makam laksamana ini dalam tahun 1960 telah ditemui artifak-artifak kapal perang terbenam di dasar Sungai Mekong. Di antara artifak-artifak ini yang dapat diselam dan diambil ialah kemudi kapal dari kayu cengal, 3 pucuk meriam, tiap-tiap satu beratnya 150 kg., 200kg., dan 300 kg. dan ada lagi sepucuk meriam yang terbesar dianggarkan beratnya 500 kg., meriam ini tidak dapat diambil. Artifak-artifak ini tersimpan dalam Muzium Phnom Penh dan dipercayai kepunyaan Laksamana Haji Omar itu.

6. Keterangan dari Encik Hussin bin Yunus, dalam tahun-tahun 1975 dan 1988.

usia yang amat tua. Bila ditanya orang dari mana asalnya Tuk Nguk datang? Ia sering menjawab dari Medang, nama Kelantan Tua (nama penuhnya Medang Bhumi ertinya Negeri Medang). Sebab ini ada orang salah mentafsirkan nama ini di Kemboja dengan menyamakannya dengan Kota Medan di Pulau Sumatera. Syeikh Ismail dan Ong Hassan adalah dua Tokoh yang mempunyai sejarah yang akan diterangkan nanti.

- vi. *Tuk Guru Haji Wan Salleh bin Haji Omar*, dari Kampung Kubang Kawah, Pasir Mas, Kelantan. Lebih tua dari Tuk Kenali satu generasi, waktu Tuk Kenali dilahirkan dalam tahun 1868 Masihi ia telah berusia 45 tahun, ertinya ia telah dilahirkan dalam tahun 1823 Masihi. Tidak dapat diketahui bilakah Haji Wan Salleh ini pergi ke Kemboja, dapat diagakkan di sekitar tahun 1870 Masihi. Di Kemboja ia lebih terkenal dengan gelaran Tuk Guru Tuk Bebulu, kerana tubuhnya berbulu. Tuk Bebulu ini tinggal di Chemnik, Wilayah Kratie, terkenal alim dan keramat. Ia meninggal dunia di Chemnik juga dan menurunkan ramai cucu-cicit atau zuriat yang menjadi orang-orang alim dan beramal ibadat di Kemboja. Kampung tempat kediaman keturunannya ini bila datang orang-orang kafir hendak menyerang dan membinasakannya, kelihatan hutan rimba dan bila ditinggalkan kelihatan semula kampung itu dari jauh. Di antara keturunan Haji Wan Salleh yang masih terdapat di Kelantan dan amat terkenal ialah al-Marhum Tuk Wali Hassan di pondok Lati, Pasir Mas, seorang yang terkenal dengan keramatnya dan pernah dicalonkan oleh Parti PAS sebagai wakil kawasan Parlimen di Hulu Kelantan dalam pilihanraya tahun 1982. Tuk Wali Hassan ini kalau tidak cucu ialah cicit Haji Wan Salleh atau Tuk Bebulu itu.
- vii. *Tuk Guru Haji Wan Ngah bin Wan Mat Yunus*, dari Kampung Selising, Pasir Puteh, Kelantan. Ia bertolak dari Kelantan menuju ke Kemboja dalam tahun 1889 Masihi dengan berjalan kaki menerusi negeri Siam dalam masa berbulan-bulan hingga sampai ke sana. Di Kemboja ia mengajar pada tempat-tempat yang tidak tetap. Pada suatu masa ia tinggal di Phum Tria (Pohon Bidara), Kg. Brek Bak dan lain-lain dalam wilayah Kompung Cham, juga ia tinggal dan mengajar dalam wilayah-wilayah lain. Ia pulang ke Kelantan dalam tahun 1917, setelah tinggal di Kemboja selama 28 tahun dan meninggal dunia di Kelantan. Haji Wan Ngah ini meninggalkan anak cucu yang ramai di Kemboja dan Kelantan⁷.
- viii. *Tuk Guru Haji Syeikh Ismail bin Muhammad Zain*, dari Kampung Binjai Manis, Keteleh, Kota Bharu. Tiba di Kemboja di sekitar tahun 1890 Masihi. Di Kemboja, ia dianggap sebagai tokoh yang semasa dengan Tuk Kenali, tetapi berdasarkan beberapa perhitungan yang dibuat, nampaknya Haji Syeikh Ismail ini lebih tua sedikit dari Tuk Kenali. Orang ramai membangunkan sebuah masjid untuknya di Kompung Luong, Wilayah Kandal dimana ia mengajar agama dengan dihadiri oleh murid-

7. *Ibid.*



Gambar 16. Suatu kumpulan ulama dari Wilayah Kompung Cham selepas suatu perhimpunan Persatuan Ulama Kemboja di Phnom Penh, Disember, 1969. Di tengah ialah Ustaz Haji Muhammad Ali Sabri Timbalan II Persatuan itu.

murid dan para pendengar yang ramai. Syeikh Ismail adalah di antara guru-guru agama yang paling terkenal di Kemboja. Ia meninggalkan ramai keturunannya di sana, di antaranya ada yang menjadi tokoh-tokoh ulama. Makam beliau terletak di Kompung Luong itu juga⁸.

- ix. *Tuk Guru Haji Wan Ismail bin Wan Musa*, dari Kampung Tuk Sangkut Pasir Mas, Kelantan. Kerana dirangsang dan diajak oleh kawan-kawannya dari orang-orang Cham, ia bertolak dari Mekah terus ke Kemboja, kira-kira dua tahun kemudian daripada Haji Syeikh Ismail di atas, dalam tahun 1892 Masihi. Turut bersamanya seorang sahabatnya dari Kelantan, Haji Wan Ahmad bin Wan Ismail. Haji Wan Ismail tinggal lama di Kompung Luong, Wilayah Kandal. Kemudian melawat dan mengajar di merata tempat yang ada orang-orang Islam. Akhirnya balik ke Kompung Luong dan meninggal di sini. Ia ada meninggalkan anak cucu di Kemboja⁹.
- x. *Tuk Guru Haji Wan Ahmad bin Wan Ismail*, dari Kampung Selising, Pasir Puteh, Kelantan. Ia pergi ke Kemboja dari Mekah bersama dengan Haji Wan Ismail di atas dalam tahun 1892 Masihi. Pada mulanya ia tinggal bersama Haji Wan Ismail di Kompung Luong. Kemudian tinggal menetap mengajar agama di Long San, suatu tempat dalam Vietnam dekat dengan Koh Qui. Oleh itu ia terkenal dengan gelaran Haji Wan

8 *Ibid.*

9 *Ibid.*

Ahmad Long San baik di Vietnam atau di Kemboja. Ia meninggal di Kemboja. Keturunannya selain daripada terdapat di Kemboja, terdapat juga di Pasir Puteh Kelantan. Seorang cucu perempuannya yang telah berusia kira-kira 50 tahun pernah ditemui oleh Encik Hussin bin Yunus di Pasir Puteh dalam tahun 1958¹⁰.


- xi. *Tuk Guru Haji Daud bin Lebai Hussin*, dari Kampung Bunuhan, Tumpat, Kelantan. Ia bertolak dari Mekah ke Kemboja dalam tahun 1893 Masihi. Haji Daud tinggal di Kompung Luong, menurunkan ramai anak cucu¹¹.
- xii. *Tuk Guru Haji Ismail bin Yusuf*, dari Kampung Pintu Geng, dekat Kampung Kota, Kota Bharu. Tidak diketahui dengan tepat bilakah ia pergi ke Kemboja. Berdasarkan keterangan dua orang anaknya di Kemboja, Safiah dan Ishak yang telah mempunyai cucu waktu Encik Hussin membuat wawancara dengan mereka dalam tahun 1956, bahawa Tuk Guru Haji Ismail ini bertolak dari Mekah ke Kemboja di sekitar tahun 1896 Masihi, kerana diajak oleh kawan-kawannya dari orang-orang Cham. Haji Ismail tinggal di Suwai Krang, Wilayah Kompung Cham, disini ia berkahwin dengan puteri Cham. Kemudian menjelajah ke merata tempat, kerana menyiarkan ajaran agama dan akhirnya tinggal menetap di Chau-Doc dalam Vietnam. Ia meninggal di sini dan makamnya masih ada¹².
- xiii. *Tuk Guru Haji Ibrahim bin Haji Yusuf*, dari Kampung Penambang, Kota Bharu. Ia diajak oleh kawan-kawannya dari orang-orang Cham di Mekah supaya pergi mengajar agama di Kemboja. Ia pergi ke sana dalam tahun 1320 H. (1903 M.) tinggal di sana selama dua tahun, kemudian pulang ke Kelantan dalam tahun 1905 Masihi. Ia adalah fasih berbahasa Cham. Tidak diketahui di manakah tempat ia menetap di Kemboja itu, mungkin di Chraing Chamreh tempat tinggal datuk saudaranya di bawah ini. Sebelum pergi ke Kemboja Haji Ibrahim telah mempunyai dua orang isteri. Setelah kembali dari Kemboja Haji Ibrahim tinggal di rumah Haji Hassan bin Mohd Salleh, Menteri Besar Kelantan (Bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sekarang) dan kahwin pula dengan anak perempuan Haji Mahmud bin Haji Yaakub (Tuan Padang) bin Haji Abdul Halim, seorang cina yang menjadi seorang alim. Tidak lama selepas perkahwinan ini lahirlah Haji Muhammad Nur, tahun 1323 H (1906 Masihi). Haji Ibrahim ini kemudiannya menjadi Mufti Kelantan dari tahun 1927 hingga tahun 1935. Dalam tahun 1948, ia pergi ke Mekah pula dan pulang dalam tahun 1952. Ia meninggal di Kampung Penambang dalam tahun 1955¹³.
- xiv. *Tuk Guru Haji Said bin Haji Isa*, (datuk saudara Tuk Guru Haji

10 *Ibid.*

11 *Ibid.*

12 *Ibid.*

13 Fakta pertama didapati dari Encik Hussin bin Yunus, kemudian diperjelaskan oleh anakanda Haji Ibrahim, al-Marhum Shahibul-Fadzilah Datuk Haji Muhammad Nur bin Haji Ibrahim, Mufti Kerajaan Kelantan dalam suatu wawancara dengan beliau dalam bulan Disember, 1975.



Gambar 17. Sebuah masjid di pinggir Kota Phnom Penh bersama dengan para jamaah orang-orang Cham - Ivako.

Ibrahim), bertolak dari Kelantan terus ke Kemboja tidak lama selepas perkembalian Haji Ibrahim, kira-kira dalam tahun 1905 juga. Ia tinggal di Chraing Chamreh dalam Wilayah Kandal, kira-kira 6 kilometer dari Phnom Penh, mengajar agama dan terkenal sebagai seorang keramat. Pada suatu ketika, ia diterkam oleh seekor kerbau bengkeng, dengan sepatah perkataannya kerbau itu rebah terguling¹⁴.


- xv. *Tuk Guru Haji Awang bin Muhammad*, dari Kampung Terap dekat Kampung Binjai. Ia adalah salah seorang sahabat Tuk Kenali. Pergi menuntut di Mekah bersama Tuk Kenali dalam tahun 1886 Masihi. Belajar bersama dengan guru-guru yang sama. Kemudian pulang ke Kelantan bersama Tuk Kenali juga dalam tahun 1908. Setelah mendirikan rumahtangga dan mendapat dua orang anak perempuan (anak kedua baru berusia 9 bulan), Haji Awang pergi pula ke Mekah dengan

Patut dicatatkan di sini sedikit tentang sejarah keluarga Haji Ibrahim sendiri. Menurut Datuk Haji Muhammad Nur bahawa datuknya Haji Yusuf bin Haji Isa bin Zakaria anak seorang Minangkabau digelarkan Tuk Surau Banggul. Ia sebenarnya seorang anak raja Minangkabau yang menaiki takhta ayahandanya, kemudian dicabar oleh seorang saudaranya. Kedua-duanya mengambil keputusan sesiapa yang menang dalam perlumbaan kuda, dialah yang menjadi raja Minangkabau. Tetapi moyangnya itu kalah. Ia turun dari takhta dan meninggalkan negeri bersama adinda perempuannya. Adindanya tinggal di Patani dan bekas raja itu tinggal di Kampung Banggul, Kota Bharu, Kelantan, menyembunyikan nama sebenarnya, hidup beramal ibadat dan terkenal dengan Tuk Surau Banggul.

14. Keterangan dari Shahibul-Fadzilah Datuk Haji Muhammad Nur, mufti Negeri Kelantan.

isteri dan anak-anaknya, kira-kira dalam tahun 1912. Di Mekah ini ia tinggal hanya sempat membuat ibadat haji sahaja, kemudian ia bersama keluarganya bertolak ke Kemboja kerana dijemput oleh sahabat-sahabatnya dari orang-orang Cham, tinggal di Kompung Suwaithin, Wilayah Kompung Cham dan mengajar agama di sana, juga melawat dan mengajar di tempat-tempat lain. Tutur katanya yang lemak manis dalam mengajar dan lemak merdu pula suaranya dalam membaca al-Quran, menyebabkan Haji Awang amat terkenal di Kemboja dengan gelaran Haji Wang Lemak. Di Kemboja ini ia berkahwin dengan seorang wanita Kuci (Vietnam) dan mendapat anak cucu. Setelah isteri Kucinya meninggal Haji Awang kahwin pula dengan wanita Cham dan mendapat anak cucu. Haji Awang tinggal di Kemboja selama kira-kira 20 tahun, dan kembali ke Kelantan dalam tahun 1932, dan meninggal di Kampung Terap dalam tahun 1937. Riwayatnya yang lebih lanjut dan tragedi yang terjadi atas cucu dan cicitnya di Kemboja akan diterangkan nanti. Di Kelantan Haji Awang terkenal dengan gelaran Tuk Kemboja Tua¹⁵

- xvi. *Tuk Guru Haji Ahmad bin Haji Abdul Manaf*, dari Kampung Binjai, Kota Bharu berkahwin dengan seorang wanita dari Kedah waktu belajar di Mekah. Kerana ajakan kawan-kawannya dari orang-orang Cham di



Gambar 18. Masjid Kg. Naria di pinggir kota Battambang (Battambang terletak di tepi sungai yang mengalir ke Tonle-sap.

15. Fakta pertama dari Encik Hussin bin Yunus dalam tahun 1975, kemudian diperlanjtkan oleh adinda Haji Awang, Haji Ahmad, Kubang Kerian dan diperjelaskan lagi oleh cucunya, Che Safiah, pelarian dari Kemboja dalam wawancara yang dibuat dengan kedua-duanya dalam bulan Februari, 1988.


Mekah ia pergi ke Kemboja dalam tahun 1912, dan tinggal di Kompung Luong, Wilayah Kandal, mengajar agama di sini dan tempat-tempat lain selama 10 tahun, hingga 1922. Kemudian Haji Ahmad terus pulang ke Mekah pula hidup bersama isterinya. Bila meletus perang Wahabi di Hijaz dalam tahun 1924, Haji Ahmad pulang ke Malaya dan tinggal di Kampung isterinya di Kedah selama empat tahun, hingga tahun 1928. Kemudian pulang ke Kelantan membuka perpondokan yang terkenal di Binjai. Ia meninggal dalam tahun 1953. Di Kelantan ia terkenal dengan gelaran Tuk Kemboja¹⁶.

- xvii. *Tuk Guru Haji Shamsuddin bin Syeikh Ismail*. Ayahnya ialah Syeikh Ismail bin Muhammad Zain, Binjai Manis, Ketereh (lihat viii). Tidak diketahui adakah ia dilahirkan di Kemboja atau di Kelantan, tetapi ia pernah datang belajar di Kelantan dari tahun 1917 hingga 1920. Ia berkahwin di Kemboja dengan seorang wanita keturunan Kelantan. Ia adalah salah seorang ulama, tinggal dan mengajar di Kompung Luong, Wilayah Kandal, kira-kira 32 kilometer dari Phnom Penh dan makamnya terdapat di Kompung Luong itu. Ia meninggalkan anak cucu di Kemboja¹⁷.
- xviii. *Tuk Guru Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Muhammad Zain* (Haji Awang Alim), dari Kampung Atas Banggol, bandar Kota Bharu, sahabat karib Tuk Kenali di Mekah, pergi ke Kemboja dari Mekah dalam tahun 1914. Ia terkenal di Kemboja dengan al-Arif Billah, meninggal di Kemboja tahun 1915.
- xix. *Tuk Guru Haji Wan Muhammad Zain bin Haji Wan Ahmad* (anakanda Tuk Guru Haji Wan Ahmad) dari Kampung Atas Banggol, bandar Kota Bharu. Pergi ke Kemboja dari Mekah bersama ayahandanya dalam tahun 1914. Kemudian pulang ke Kelantan dan pergi lagi ke Kemboja beberapa kali hingga tahun 1928¹⁸.
- xx. *Tuk Guru Haji Ahmad bin Abdul Rahman*, dari Kampung Penambang, Kota Bharu. Setelah belajar di Kelantan ia melanjutkan pelajarannya di Mekah. Bila meletus perang Dunia Pertama, tahun 1914, Haji Ahmad pulang ke Kelantan ikut daratan menerusi daratan India. Tidak lama selepas tamat perang, dalam tahun 1918, ia diajak oleh sahabat-sahabatnya dari orang-orang Cham di Kelantan pergi ke Kemboja. Di sana ia mengajar dari suatu tempat ke suatu tempat lain dalam beberapa wilayah yang terdapat orang-orang Islam baik dari suku Cham atau suku Jvako. Tetapi tempat yang paling lama ia tinggal ialah di Kompung Jamnik, Wilayah Kompung Cham. Haji Ahmad berkhidmat di Kemboja selama kira-kira dua belas tahun hingga kira-kira tahun 1930. Ia pulang

16 Fakta pertama dari Encik Hussin bin Yunus dalam tahun 1975, kemudian diperjelaskan oleh anaknya Cikgu Abdul Rahim bin Haji Ahmad pada 4 Februari 1988 dan oleh muridnya, Haji Muhammad B. Haji Awang pada 26 Februari 1988.

17 Keterangan dari Encik Hussin bin Yunus. Kajian yang intensif perlu dilakukan di Kemboja dan di Kelantan.

18 Fakta awal didapati dari bapa saudara penulis, al-Marhum Encik Mustafa bin Haji Omar, Sungai Keladi, Kota Bharu dalam tahun 1943, kemudian Encik Sulaiman bin Yusuf, Kemboja dalam tahun 1962, kemudian dari Encik Hussin bin Yunus, Kemboja dalam tahun 1975 dan dari Haji Idris bin Haji Salleh, Atas Banggol, pada 17 Julai 1975.



Gambar 19. Masjid Chraing Chamreh enam kilometer dari Phnom Penh,


ke Kampungnya, Penambang dan berkahwin dengan Che Bidah (Zubaidah) bt. Haji Omar dan mendapat beberapa orang anak. Haji Ahmad meninggal kira-kira dalam tahun 1953, dalam lingkungan usia 70 tahun, bererti ia dilahirkan kira-kira tahun 1883 Masihi. Di Kelantan, Haji Ahmad terkenal dengan gelaran Haji Ahmad Tuk Gudang, kerana ayahnya, Encik Abdul Rahman seorang kaya yang mempunyai sebahagian besar gudang-gudang perniagaan di Bandar Lama, Kota Bharu, sebelum kebakaran besar¹⁹ dalam bulan Mac 1909, yang meranapkan sejumlah 390 unit gudang dan rumah-rumah. Kebakaran ini dinamakan Api Haji Samba.

xxi. *Tuk Guru Haji Wan Hassan bin Haji Wan Muhammad Zain* (adinda Tuk Guru Haji Wan Ahmad), dari Kampung Atas Banggol, Bandar Kota Bharu, pergi ke Kemboja dalam tahun 1924. Keterangan lebih perinci

¹⁹ Fakta awal didapati dari Encik Hussin bin Yunus dalam tahun 1975, kemudian diperjelaskan oleh guru penulis, Cikgu Wan Abdullah bin Haji Yunus, Penambang, pada 20 Februari 1988 dan Encik Ibrahim bin Abdul Rahman, Kemboja, Penambang, pada 21 Februari 1988.

akan dinyatakan berhubung dengan kegiatan tabligh tiga sekeluarga ini²⁰.

- xxii. *Tuk Guru Haji Idris bin Haji Salleh*, dari Kampung Bukit Panau, kemudian tinggal di Kampung Atas Banggol, Kota Bharu. Pergi ke Kemboja bersama Haji Wan Muhammad Zain bin Haji Wan Muhammad dalam tahun 1924. Mengajar pada beberapa tempat, tetapi tempat-tempat yang Haji Idris tinggal agak lama ialah Chrumantri dan Kaknor, Wilayah Kompung Cham. Ia tinggal di Kemboja selama dua tahun, pulang ke Kelantan dalam tahun 1926²¹.
- xxiii. *Tuk Guru Haji Syeikh Wan Muhammad Nur bin Haji Wan Ishak* (Mufti Kelantan tahun 1908), dari Kampung Che Bakar, di tengah bandar Kota Bharu (kawasan Bank Negara sekarang). Ia dilahirkan di Mekah menerusi ibu dari bangsa Arab. Ketika berada di Mekah ayahnya, Haji Wan Ishak, kahwin dengan seorang wanita Arab dan mendapat dua orang anak, yang pertama Syeikh Muhammad Nur dan yang kedua Syeikh Abdul Hamid, tinggal di Mekah. Bila berlaku perang Wahabi di Mekah dalam tahun 1924, Haji Wan Muhammad Nur



Gambar 20. Upacara pertandingan membaca al-Quran yang menggambarkan suasana Islam di Kemboja sama dengan negeri kita.

20 Fakta awal dari Encik Hussin bin Yunus dalam tahun 1975, kemudian diperjelaskan oleh Haji Idris bin Haji Salleh, Atas Banggol, pada 19 Julai 1975.

21 Keterangan dari Haji Idris bin Haji Salleh sendiri, pada 19 Julai 1975.

pulang ke Kelantan dan berkahwin di sini. Setelah mendapat tiga orang anak, ia pergi ke Kemboja dengan seorang sahabatnya Haji Salleh bin Mat Yusuf dari Kampung Kangkung, Pasir Mas, kira-kira dalam tahun 1929 meninggalkan isteri dan anak-anaknya. Kedua-duanya tinggal di Kompung Krochma, Wilayah Kompung Cham. Di sini Haji Wan Muhammad Nur kahwin pula dengan seorang wanita Cham dan mendapat enam orang anak. Ia adalah seorang ahli tasawuf dan terkenal dengan al-Arif Billah, juga terkenal dengan al-Hafiz (ahli hafaz al-Quran). Ia juga bersifat warak, zahid dan gemar berbuat kebajikan dengan cara membuat kenduri maulud pada tiap-tiap hari jumaat dalam sepanjang tahun. Akhirnya ia pindah ke Klieong Sbaik di Kompung Luong, Wilayah Kandal, kira-kira 32 kilometer ke utara Phnom Penh dan meninggal di sini pada akhir tahun 1949 atau awal tahun 1950²². Riwat lanjut mengenai diri dan anak cucunya akan diterangkan nanti.

xxiv. *Tuk Guru Haji Salleh bin Mat Yusuf*, dari Kampung Kangkung, Pasir Mas, Kelantan. Ia pergi ke Kemboja dari Kelantan bersama Haji Wan Muhammad Nur tadi dalam tahun 1929. Pada mulanya ia tinggal di Kompung Krochma, Wilayah Kompung Cham bersama Haji Wan Muhammad Nur, mengajar di sana sambil melawat dan mengajar di tempat-tempat lain. Kemudian ke Kompung Phob Bhau, Wilayah Kompung Cham juga. Mengajar di sini hingga akhir hayat. Ia meninggal di sini dalam tahun 1977 dengan meninggalkan ramai murid. Di Kemboja ia terkenal dengan gelaran Haji Salleh Kangkung²³.

xxv. *Tuk Guru Nik Daud bin Nik Mat*, dilahirkan di Jambu, Patani. Waktu masih muda datang ke Kelantan, tinggal bersama kaum kerabatnya di Kampung Tuk Imam Haji Abdullah berjiran dengan Kampung Che Bakar (Kawasan Bank Negara sekarang) dan belajar agama di Masjid Besar, Kota Bharu, juga ia berkahwin di sini. Sahabat-sahabatnya dari penuntut-penuntut Cham di Kelantan menjemputnya supaya pergi ke Kemboja kerana upacara pembukaan masjid di Bret Bhak, Wilayah Kompung Cham, dalam tahun 1931. Nik Daud hanya tinggal di Kemboja selama kira-kira 10 bulan sahaja, dalam waktu yang singkat ini ia mengambil kesempatan mengajar agama. Setelah pulang dari Kemboja dalam tahun 1932, ia mengajar agama di Kampung Tuk Imam Haji Abdullah. Dalam tahun 1937, Nik Daud pergi ke Tanah Merah dan membuka perpondokan, kerana diajak oleh sahabatnya Tuk Guru Mat Melaka. Ia pergi ke Mekah dalam tahun 1970 dan meninggal dunia dalam tahun 1977²⁴.

Selain daripada mubaligh-mubaligh dari kaum lelaki, terdapat pula di

22 Fakta awal dari Encik Hussin bin Yunus dalam tahun 1975, kemudian diperlanjatkan oleh anak Tuk Guru itu sendiri, Nik Abdullah bin Haji Wan Muhammad Nur pada 2 Mac 1988.

23 Keterangan dari Encik Hussin bin Yunus dan Nik Abdullah bin Haji Wan Muhammad Nur. Untuk keterangan yang lebih lengkap, perlu dicari keluarganya di Kampung Kangkung, Pasir Mas dan di Kemboja.

24 Fakta awal dari Encik Hussin bin Yunus, kemudian diperjelaskan oleh isteri Tuk Guru itu, Hajah Che Thum bt. Yunus, pada 6 Februari 1988.

Kemboja mubaligh-mubaligh Kelantan dari kaum wanita. Yang masih diingati nama-nama mereka hingga sekarang:-

- i. *Hajah Wan Zainab* (tidak diketahui nama bapa dan kampungnya di Kelantan). Belajar agama di Mekah.
- ii. *Hajah Wan Aminah* (tidak diketahui nama bapa dan kampungnya di Kelantan). Belajar di Mekah sejak kecil lagi dan mungkin lahir di sana. Hajah Wan Zainab kahwin dengan Haji Abdul Latif dari Kemboja di Mekah dan Hajah Wan Aminah kahwin dengan Haji Abdul Hamid dari Kemboja di Mekah. Kedua-dua individu, Haji Abdul Latif dan Haji Abdul Hamid adalah sahabat akrab. Haji Abdul Latif membuat perjanjian dengan sahabatnya, andainya ia meninggal sebelum bertolak pulang ke Kemboja, isterinya Hajah Wan Zainab itu hendaklah dijadikan isteri kedua oleh Haji Abdul Hamid dan begitu juga sebaliknya, manakala kedua-dua isteri masing-masing yang turut bersama dalam upacara perjanjian itu memberikan persetujuannya. Dengan takdir Tuhan Haji Abdul Latif kembali ke rahmatullah di Mekah. Oleh itu Haji Abdul Hamid membawa pulang kedua-dua isteri berasal dari Kelantan itu ke Kemboja kira-kira dalam tahun 1927 dan tinggal di Kompung Rangtemret, Wilayah Kompung Cham, dekat sempadan Vietnam Hajah Wan Aminah melahirkan anak sulungnya di Kemboja yang



Gambar 21. Masjid Chru Chongva, di Phnom Penh. Pemandangan selepas menunaikan fardu Jumaat, dalam tahun 1960.

sekarang telah berusia kira-kira 60 tahun, atas asas usia anaknya ini penulis mengira tahun kedatangannya di Kemboja. Hajah Wan Aminah pulang ke Kelantan bersama anak cucunya dan lain-lain kaum pelarian dalam tahun 1975. Ia meninggal dalam tahun 1977 di Pengkaan Chepa. Ada seorang anaknya yang pulang bersama, Encik Yasin berusia kira-kira 54 tahun, tinggal di Kuala Terengganu sekarang²⁵.

- iii. *Che Zainab* (tidak diketahui nama bapanya) dari Kampung Perupok, Bachok, kahwin dengan seorang Cham di Kelantan, Haji Yahya dan dibawa pulang ke Kemboja, tinggal di Kompung Suwaikrang, Wilayah Kompung Cham kira-kira tahun 1941. *Che Zainab* yang terkenal dengan Mak Chik Nab, meninggal di Kampung itu dengan meninggalkan anak cucu²⁶.
- iv. *Che Kalthum* (tidak diketahui nama bapanya), dari perpondokan Lati, Pasir Mas, kahwin dengan Encik Harun dari Kemboja yang menuntut di perpondokan Lati itu juga. Pergi ke Kemboja bersama suaminya dalam masa perang Asia Timur Raya (1941–1945) dan tinggal di Kompung Bamjelang dekat Bong Perul, Wilayah Kompung Cham dan meninggal di sana, meninggalkan anak cucu²⁷.




Gambar 22. Persidangan agong anggota-anggota Persatuan Islam Kemboja, Disember, 1971.

25 Keterangan dari Encik Hussin bin Yunus, Kajian yang lebih luas diperlukan dan anaknya di Kuala Trengganu itu mungkin dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih banyak dan lebih tepat.

26 *Ibid.*

27 *Ibid.*

- v. *Hajah Hafsa bt. Muhammad*, dari Kampung Chicha Tinggi, Pasir Mas, kahwin dengan Haji Ahmad seorang penuntut dari Kemboja yang datang di Kelantan dalam tahun-tahun 20-an. Kedua-duanya pergi ke Mekah dari Kelantan dan dari Mekah ini terus pergi ke Kemboja, tinggal di kampung asal suaminya, Kok Keput, dekat sempadan Vietnam Wilayah Kampot. Kemudian Hajah Hafsa berpindah bersama suaminya ke Kampot, ibu kota Wilayah Kampot, membeli sebidang tanah luas, mengajar bersama suaminya sambil berkebun. Dari sini mereka berdua bersama anak cucu berpindah ke Kelantan dalam tahun 1975, dan tinggal di kampung asal, Chicha Tinggi, Pasir Mas²⁸.
- vi. *Cik Fatimah bt. Abdullah*, dari Kampung Paya Bemban (Berek 12 sekarang), kahwin dengan seorang penuntut Cham di Kelantan, Muhyiddin, dan pulang ke Kemboja, tinggal di Kampung Ro, Wilayah Kratie. Anak-anaknya pulang ke Kelantan sebagai orang-orang pelarian tahun 1975²⁹.



Gambar 23. Seorang qariah dari Kemboja dalam Pertandingan Membaca al-Quran di Kuala Lumpur tahun 1962 (?).

28 *Ibid.* Kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan segera, kerana kedua-dua suami isteri masih hidup sekarang.

29 *Ibid.* Kajian yang lebih lanjut diperlukan, anak-anaknya mungkin dapat memberikan maklumat-maklumat lebih lanjut.

- vii. *Che Maimunah* digelar *Mok Noh*, dari Bukit Tiu, Machang, kahwin dengan seorang Cham dari Kemboja yang menuntut di Kelantan, Haji Hassan. Suaminya ini pernah bekerja sebagai salah seorang pegawai Kedutaan Malaysia di kota Saigon. Setelah suaminya meninggal, ia pulang ke Kelantan dalam tahun 1963 dan digelar Mok Noh Saigon. Masih hidup di Machang sekarang³⁰.

Berhubung dengan guru-guru agama wanita dari Kelantan ini bukan semuanya mengajar secara terbuka, ada yang benar-benar mengajar secara terbuka di rumah-rumah dengan dihadiri oleh penuntut-penuntut wanita dan ada pula yang mengajar secara tertutup untuk beberapa orang dan sekurang-kurangnya menjadi sebagai tokoh tumpuan kaum wanita Islam Kemboja mendapatkan nasihat-nasihat. Wanita-wanita Kelantan serupa juga lelaki-lelakinya sangat dihormati.

Bibliografi

- A. Bain, Chester, 'Vietnam. The Roots of Conflict', Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1967.
- Abdullah bin Mohamed (Nakula), 'Riwayat Orang-orang Melayu di Kemboja', dalam 'Mastika', Bil. 8, tahun ke-35, Ogos, 1975.
- , 'Orang-orang Melayu di Kemboja', dalam 'Pengasuh', Bil. 410, November, 1975.
- Anok Aduan-Ae Anak-Campa.
- Blagden, C.O., 'A Malayan Element in Some of the Languages of Indo-China', Journal of Straits Branch, Royal Asiatic Society (JSBRAS), No. 38, 1902.
- , 'Early Indo-Chinese Influence in the Malay Peninsula', JSBRAS, No. 27, 1894.
- Buttinger Joseph, 'Vietnam: A Political History', Praeger Publishers, Inc., III Fourth Avenue, New York, 1968.
- Ecole Francaise D'Extreme-Orient, 'Kerajaan Campa', PN Balai Pustaka, Jakarta, 1981.
- 'Harak Champa', majalah terbitan Center Socio-Culturel du Champa, Paris, 1985.
- Laporan Pengelola Taman Putera PERKIM Negeri Kelantan tahun 1975.
- Latif, Z.A., 'Cam Muslims Living in South Vietnam' (kertas kerja), Disember, 1964.
- 'le martyre des musulmans du cambodge', terbitan l'Association des etudiants musulmans du Cambodge en France, Paris, 1977.
- Majumdar, R.C., 'Champa', The Punjab Sanskrit Book Depot, Lahore, 1927.
- 'Time', 18 February, 1966.
- Wawancara penulis dengan:
- i. Encik Hussin bin Yunus (Kemboja)
Kota Bharu, Kelantan.
 - ii. Datuk Haji Muhammad Nur bin Haji Ibrahim
(Mufti Negeri Kelantan)
Kampung Penambang
Kota Bharu, Kelantan.

30 Sumber yang sama, kajian yang lebih lanjut diperlukan.

Kata-kata Pinjaman Thai dalam Dialek Kelantan

DR MOHAMED YUSOFF ISMAIL

Pengenalan

JEANNE Cuisinier merupakan salah seorang dari penyelidik Barat dari Perancis yang julung-julung kali melakukan penyelidikan di negeri Kelantan pada permulaan abad ini. Dalam penulisannya pada tahun 1936 beliau telah menyebut tentang terdapatnya unsur-unsur Thai dalam budaya tempatan. Perkara ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana pertembungan budaya yang berpunca dari kedekatan geografis di antara Kelantan dan Thailand telah menyebabkan tret-tret tertentu budaya kedua-dua buah negara saling mempengaruhi di antara satu sama lain.

Satu perkara yang agak ketara ialah sebahagian besar daripada *body of knowledge* berkenaan dengan ilmu perbomohan Melayu Kelantan, misalnya, dan sebahagian daripada elemen sistem kepercayaan orang Melayu Kelantan, mempunyai beberapa persamaan dengan apa yang terdapat dalam budaya Thai, baik dari segi konsep dan peristilahan, ataupun dari segi amalannya. Mengikut Cuisinier,

... Oleh kerana kedudukannya dari segi geografis, Kelantan mempunyai hubungan yang berterusan dengan Siam; beberapa penempatan Siam yang dibangunkan di sekitar ibu negerinya, Kota Bharu, memperkuatkan lagi hubungan ini. Hubungan ini telah mempengaruhi penggunaan beberapa istilah yang berkaitan dengan semangat dan makhluk-makhluk halus, dan juga dalam pemilihan perkataan sewaktu menyembahkan sajian terhadap makhluk-makhluk tersebut tetapi analisis yang mendalam menunjukkan bahawa terdapat asal usul dan sumber yang sama pada kedua-dua budaya tersebut, yang saling mempengaruhi di antara satu sama lain.

(Cuisinier 1936:2, *terjemahan bebas dari bahasa Perancis oleh penulis*)

Di samping itu juga sejarah politik negeri Kelantan, yang berkait rapat dengan pengembangan kuasa Siam dan naungannya ke atas negeri-negeri Melayu di bahagian utara semenanjung, telah memperhebatkan lagi pertembungan di antara budaya Thai dan budaya Melayu tempatan. Pertembungan ini telah meng-

hasilkan beberapa ciri budaya kacukan yang agak menarik. Salah satu daripadanya dapat dilihat pada penggunaan beberapa istilah Thai dalam dialek Kelantan.

Kertas ini merupakan satu tinjauan ringkas tentang beberapa istilah yang digunakan dalam dialek Kelantan (DK) yang mempunyai persamaan dalam bahasa Thai (BT). Penyenaraian yang akan dibuat nanti bukanlah merupakan sesuatu yang semestinya definitif dan komprehensif; tetapi tujuan penulisan ini ialah untuk menarik perhatian umum tentang kemungkinan besar bahawa istilah tersebut berasal atau dipinjam dari BT. Beberapa istilah yang disenaraikan di bawah telahpun dimuatkan sebelum ini dalam makalah oleh penulis-penulis lain, terutama sekali dalam penulisan-penulisan yang berkaitan dengan DK (lihat rujukan).

Sebenarnya proses peminjaman ini berlaku dalam bentuk dua hala. Beberapa istilah Bahasa Malaysia (BM) telah juga menjadi sebahagian daripada perbendaharaan bahasa Thai standard. Misalnya nama buah-buahan tropika dalam BM telah menjadi istilah pinjaman dalam bahasa Thai standard. Selain daripada itu, satu perkara yang agak menarik berkenaan dengan BM dan BT ialah kedua-dua bahasa tersebut mempunyai perbendaharaan kata yang diambil dari sumber yang sama, iaitu bahasa Sansekerta dan bahasa Pali. Istilah asal dari bahasa Sansekerta dan bahasa Pali itu biasanya mengalami perubahan tertentu sesuai dengan sistem sebutan BT atau BM, sehinggakan kata pinjaman dalam kedua-dua bahasa itu masing-masingnya mempunyai pengucapan yang jauh berbeza walaupun sumber pinjamannya adalah sama.

Dalam DK terdapat beberapa istilah yang digunakan secara meluas dalam daerah budaya Kelantan, tetapi istilah tersebut tidak terdapat dalam BM standard. Istilah pinjaman yang berasal dari BT itu kebanyakannya mempunyai satu sukukata, iaitu satu ciri yang tidak begitu meluas dalam BM, tetapi memang menjadi perkara biasa dalam BT.

Terdapat beberapa perubahan yang menarik yang berlaku dalam proses peminjaman ini, baik dari segi sebutan ataupun dari segi morfologi. Perkataan Thai yang dipinjamkan ke dalam dialek Kelantan biasanya disingkatkan sebutannya, sementara setengah daripada istilah itu pula berubah sedikit maksudnya jika dibandingkan dengan makna asal dalam BT.

Perubahan pada sebutan ini memang sewajarnya berlaku kerana beberapa sebab; pertamanya, BT adalah sejenis bahasa yang bernada (*tonal language*), sedangkan DK bukan bersifat demikian. Kebanyakan istilah pinjaman tidak disebut mengikut nada dalam bahasa asalnya. Selain dari itu setengah perkataan pinjaman diberikan imbuhan bagi menjelaskan lagi maknanya ataupun bagi menunjukkan makna barunya itu.

Selain dari itu dalam BT terdapat konsonan yang diucapkan secara beraspirasi, sedangkan pada kebiasaannya sebutan beraspirasi tidak digunakan dengan meluasnya dalam DK. Apabila istilah yang mempunyai sifat-sifat ini dipinjamkan ke dalam DK, bunyi aspirasi itu bertukar kepada fonem konsonan yang terdekat sekali yang terdapat dalam DK, termasuk fonem yang mempunyai unsur penyengauan.

Kadangkala juga istilah yang dipinjam itu akan disingkatkan sebutannya kepada satu sukukata sahaja, atau sebahagian daripada morfem istilah asal sahaja

yang diambil sebagai kata pinjaman. Kependekan sebutan ini sebenarnya biasa berlaku dalam pngucapan dialek Thai wilayah selatan. Banyak perkataan Thai standard disingkatkan sebutannya apabila dituturkan dalam dialek Thai wilayah selatan, yang juga dikenali sebagai dialek Singgora atau dialek Thak-Bai.

Dalam penyenaaraan berikut istilah pinjaman akan ditulis dalam huruf fonetik, disusuli dengan istilah asal BT dalam huruf Thai dan transkripsinya mengikut sistem Haas (1964).¹ Unsur "kepanjangan konsonan" yang hadir pada awal kata dalam DK akan ditulis dengan menggandakan konsonan tersebut mengikut kaedah Nik Safiah Karim (1985: 124–125).

/bəlɛ̃/ ๒๑๓๓ /phlaan/

Istilah ini berasal dari perkataan Thai "phlaang", yang bermakna "sambil". Dalam DK istilah pinjaman ini mengalami perubahan dari segi sebutan; konsonan beraspirasi Thai "ph" menjadi "b". Contoh:

/bəlɛ̃ jjalɛ̃ bəlɛ̃ ɲɲapi/

"sambil berjalan sambil menyanyi".

/bɔ/ ๒๑๑ /phoo/

Istilah asal BT ialah /phoo/ , bermakna "cukup", sementara /phoo dii/ "cukup eloknya"; Dalam DK istilah ini biasanya digunakan dalam konteks

/bɔlah ambɔ tɔɔ se dɔh/

"Cukuplah, saya sudah tak mahu lagi".

Istilah ini juga biasa digunakan dalam konteks berikut:

/bɔ di,ɔ sapa bɔ habih masɔ/

"Sebaik sahaja dia sampai, masa pun habis".

/bɔn/ ๒๑๑ /bɔn/

"Gelanggang", tempat diadakan perlawanan seperti bersabung ayam, lembu dan sebagainya.

/cɛ/ ๒๑๑ /cam/

Perkataan ini mempunyai persamaannya dalam Bahasa Malaysia standard, iaitu "kenal".

/cɔɲ ๒๑๑ /cɔɲb/

"Cangkul".

/çɔɔ/ ๒๑๑ /chôok/

[cook]

Perkataan ini agak susah untuk diterjemahkan ke BM, tetapi ianya diucapkan apabila seseorang itu berjumpa dengan sesuatu yang menguntungkannya atau yang baik. Tujuan dia menyebut perkataan /çɔɔ/ itu ialah untuk memberitahu orang lain yang mungkin ada bersama-sama dengannya pada masa itu bahawa benda yang ditemuinya itu adalah haknya sekarang. Dalam BT/ chôok/ bermakna "nasib", sementara /chôokdii/ adalah "nasib baik".

/duə/ ดู่ย /dūaj/

Istilah ini mempunyai makna yang sama dengan "dengan" dalam BM; misalnya:

/gi duə mamaʔ kkəda/
"Pergi dengan Mamat ke kedai"

/dɛ̃/ ด้ย /than/

"Sempat"; perkataan asal dalam BT juga mempunyai makna yang sama. Dalam DK /təʔ dɛ̃/ bermakna "tak sempat", tetapi /dɛ̃ kə dɛ̃/ bermakna "dia yang mendapatnya".

/ddiɛ̃/ ด้ยง /tian/

Istilah ini mengalami perubahan makna setelah menjadi perkataan pinjaman; istilah asal dalam BT bermakna "tempat tidur". Tetapi dalam konteks DK istilah ini menjadi katakerja, iaitu perlakuan menyalakan diri berhampiran dengan api terutama sekali sewaktu seseorang itu berada "dalam pantang" selepas bersalin.

/goʔ/ กอฝ /khōʔk/

"Reban" atau "kandang".

/goŋ/ กอง /khōŋ/

"Bodoh", "tidak cerdas" atau "tak berapa betul dari segi fikiran".

/gguɛ̃/ กวาม /khwaam/

Istilah ini bermakna mengadakan sesuatu perbicaraan di mahkamah. Istilah pinjaman ini telah juga menjadi istilah Bahasa Malaysia standard, "guam".

/gəʔaʔ/ กอราต /khrāat/

Sejenis alat pertanian untuk menyisir tanah yang sudah dibajak.

/jaʔ/ จาฝ /cāag/

Dalam BM perkataan ini bermakna "dari", misalnya,

/jaʔ deyuməh lagi/
"Dari rumah lagi".

/jənəʔəʔ/ ญนราฝ /nitraa/

Istilah ini berubah sedikit sebutannya dari istilah asal dalam BT, iaitu /nitraa/, yang biasa digunakan dalam puisi. Makna istilah ini ialah "boleh tidur dengan nyenyak".

/jəʔəŋ/ ญอญ /chaʔəm/

"Redup"; dalam DK istilah ini menggambarkan keadaan mendung, seperti hari hendak hujan.

/jəŋ/ ญอญ /joom/

Dalam masyarakat Thai istilah ini digunakan bagi mereka yang memberi

khidmat kepada bikhu atau sami Buddha. Makna perkataan ini dalam DK ialah "orang yang mengendalikan sesuatu tanggungjawab atau tugas", misalnya,

/jɔŋ kəkɔ/

"Orang yang menghidangkan makanan dalam sesuatu majlis makan"

/jɔŋ gula/

"Orang yang ditugaskan untuk memasak lauk pauk dan sebagainya"

/ju/ ๑๒ /jūu/

Istilah ini digunakan dalam DK dalam konteks khas sahaja. Istilah asal dalam BT bermakna "duduk", tetapi istilah ini dalam bentuk pinjaman digunakan oleh gembala lembu untuk penyuruh lembunya supaya jangan bergerak.

/kələ/ ๑๓ /klāb/

"Pulang" atau "balik" dari satu-satu tempat.

/kətə/ ๑๔ /kuti/

Dalam DK, istilah ini merujuk kepada biara atau kuil Buddha. Sebenarnya dalam BT istilah yang lebih tepat ialah /wat/ tetapi /kətə/ merupakan istilah yang berasal dari perkataan Thai /kuti/, iaitu bangunan kecil yang menjadi tempat tinggal para bikhu atau biarawan, yang dibina dalam kawasan biara.

/kɔ/ ๑๕ /kɔn/

"Ketul"; misalnya seperti pada/tanah ke/ , iaitu "tanah liat kering yang berketul-ketul".

/kɔ̃/ ๑๖ /khòok/

"Mengetuk". Dalam DK /kɔ̃/ bermakna "mengetuk dahi atau kepala seseorang dengan sendi jari"; istilah ini sama dengan /sɛkɛh/.

/kəhə kəhə/ ๑๗ /khəj/

"Perlahan-lahan", "beransur-ansur"; misalnya:

/jjalē kəkə kəhə/

"Berjalan perlahan-lahan"

Tetapi ungkapan /kəhə- dula/ bermakna "nanti dulu". Satu lagi maksud perkataan ini ialah "makin", dalam konteks:

/kəhə larɛ kəhə diə bua/

"Semakin dilarang semakin dibuatnya".

/kwɛŋ/ ๑๘ /khwɛŋ/

Istilah ini biasanya digunakan dengan perkataan "tuk" dan membawa makna "penghulu" atau "penggawa". Istilah asal dalam BT bermakna jajahan, daerah atau kawasan kecil dalam sesebuah wilayah.

/li/ ๑๙ /liik/

"Mengelakkan diri dari terkena sesuatu", misalnya sewaktu dibaling dengan batu dan sebagainya oleh orang lain.

/liɔŋ/ ^{ຂີ} ລີຍງ /liaw/

“Menukar arah perjalanan kerana ingin mengelakkan daripada bertembung dengan sesuatu”.

/lɔŋ/ ລົດລີຂີ /lódliə/

Dalam BT istilah /lódliə/ bererti “membiarkan sesuatu berlaku”; dalam DK /liə/ telah digugurkan, tetapi maksud /lɔŋ/ (mungkin daripada /lód/) mempunyai makna yang hampir-hampir serupa.

/lɔ ni/ ^{ຂີ} ລວລາຍ /weelaanü/

Perkataan ini telah disingkatkan penggunaannya dalam DK. Ungkapan asal dalam BT, /weelaanü/ , bermakna “pada masa ini” atau “pada ketika ini”. Dalam DK istilah asal telah dipendekkan kepada /lɔ ni/ tetapi maknanya sama. Dalam DK /lɔ/ tidak digunakan bersendirian, tetapi biasanya dengan /ni/.

/lɔŋ lɛŋ/ ລົດຢາຍລົດ /lɔŋ lɛŋ/

“Hendak tak hendak” atau “tidak menentu yang mana satu”; “tidak tetap pendirian”.

/maü/ ມ່ວງ /maw/

Makna asal dalam BT ialah “mabuk”, tetapi dalam DK perkataan ini berubah maksudnya kepada “sejenis bau yang tidak menyenangkan,” seperti bau muntah kanak-kanak, misalnya.

/maŋ na/ ມັກຈ້າຍ /máŋnáj/

“Sikap tidak mengambil berat terhadap sesuatu tanggungjawab yang telah diberikan”; “cuai”.

/mɛ/ ມ່ຍ /mêɛ/

Istilah ini agak menarik sedikit, kerana penggunaannya dalam DK telah berubah maknanya, makna asal dalam BT ialah “ibu”, tetapi dalam DK istilah ini biasa dipakai dalam konteks memberi susu anak, terutama susu dada; memberi anak bermakna “menyusukan anak”.

/mmə̀cə / ມ່ຮັດ /prachód/

Istilah ini agak sukar diterjemahkan ke dalam BM standard, tetapi maksudnya berkait rapat dengan perlakuan seakan-akan merajuk, tetapi dengan perasaan marah. Istilah BT ialah /prachód/ yang boleh diterjemahkan ke bahasa Inggeris sebagai “sarcasm”, walaupun kurang tepat maksudnya.

/nɛbɛŋ/ ນ່ຍາຍບ້ານ /naaj bān/

Istilah ini setelah dipinjam ke dalam DK biasanya digunakan bersama-sama dengan satu perkataan lain, iaitu /toŋ/ untuk menjelaskan lagi maksudnya. Perkataan asal dalam BT bermakna “ketua kampung”.

/ŋɔ/ 𑄓𑄣𑄧 /ŋɔ/

Dalam BT, perkataan ini bermakna “bodoh”; dalam DK istilah ini membawa maksud “tidak berapa cergas”.

/niŋ/ 𑄎𑄣𑄧 /niŋ/

Istilah ini digunakan bagi memperihalkan sesuatu yang tidak bergerak, dan mempunyai persamaan dengan perkataan “hening” dalam BM./ae pəvəniŋ/ dalam DK ialah air yang disimpan dalam bekas khas untuk sekian waktu supaya menjadi jernih apabila bahagian yang keruh itu mendap ke bawah.

/ɔʔ/ 𑄣𑄣𑄧 /ɔʔ/

Perkataan asal dalam BT bermakna “boleh menahan sabar”. Misalnya, apabila seseorang tidak tahan kerana hendak muntah, istilah /ɔʔ/ digunakan dalam konteks /diɔ tɔʔ ləh ɔʔ nɔʔ mutɔh/ “Dia tak boleh tahan nak muntah”.

/ɣaʔ/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /coŋrāg/

Istilah ini biasanya digunakan dalam DK untuk memperihalkan binatang peliharaan yang jinak, terutama sekali yang mudah mengikut arahan daripada tuannya. Istilah pinjaman ini mungkin berasal dari istilah BT /coŋrāg/ bermakna “patuh” atau “setia”. Perkataan /rāg/ dalam BT, jika digunakan secara bersendirian, bermakna “sayang”, “kasih” atau “cinta”.

/ɣasi/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /raasi/

“Memiliki hubungan yang rapat”. Istilah asal dalam BT merupakan perkataan *colloquial*, /raasi/, yang bermakna “mengadakan hubungan cinta dengan seseorang”, “mengasih seseorang”.

/ɣɛ/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /ráan/

“Ditinggalkan”, “dibiarkan”, biasanya istilah ini digunakan untuk tanah yang terbiar./tanɔh rɛ/ adalah “tanah terbiar”.

/ɣɛ/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /ráan/

“Pelantaran”; istilah asal BT ialah /ráan/ yang mempunyai maksud yang sama. Di Kelantan /ɣɛ/ merujuk kepada sebarang jenis pelantar, termasuk yang dibina di atas pokok, terutamanya bagi tujuan menunggu binatang buruan.

/ɣɛŋ/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /rɛɛŋ/

“tenaga”. “kudrat”; /ɣɛɛŋ tɔʔ kuaʔ/ dalam DK bermakna “tenaga tidak kuat”.

/ɣɔk/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /rɔk/

“Belukar” atau “kawasan semak”.

/ɣɔŋ/ 𑄣𑄣𑄧𑄣𑄣 /rɔŋ/

“Batas”, misalnya seperti batas untuk menanam ubi dan sebagainya.

/səɭɔŋ/ สี่สี่ /salāg/

Mengunci sesuatu, misalnya pintu rumah, pintu kereta dan sebagainya.

/səɭɔŋ/ สี่สี่ /salòb/

Istilah ini mempunyai sebutan yang sama dengan istilah di atas, tetapi maknanya ialah "pengsan"; misalnya:

/səɭɔ kəŋ kətəŋ dula/

"Pengsan kerana digigit ular"

/siba/ สี่สี่ /sbaj/

Istilah asal dalam BT, seperti juga halnya dalam DK, merujuk kepada sehelai kain, biasanya "kain lepas" atau selendang yang diletakkan di atas bahu seseorang sebagai sebahagian daripada pakaian upacara.

/səŋ mə/ สี่สี่ /samɔə/

"Selalu", "sentiasa"; dalam DK istilah pinjaman ini juga mempunyai erti yang hampir sama, contoh:

/diə məyɪ ssini səŋ mə/

"Dia selalu datang ke sini"

/suŋ/ สี่สี่ /sūd/

"Penghujung", "yang terakhir" atau "yang terkemudian sekali". /suŋjalɛ/ dalam DK bermakna "penghujung jalan". Istilah ini sekarang sudah menjadi istilah dalam BM standard.

/tohoŋ/ ท่อ /thòod/

"Buang"; misalnya "membuang sesuatu".

/yaŋ/ ย่า /jāa/

"Jangan"; tetapi dalam DK istilah ini digunakan seolah-olah sebagai kata seruan, misalnya:

/yaŋ mūŋ jaŋɛ̃ buat ggitu/

"Janganlah kamu buat begitu"

Istilah ini juga digunakan dalam konteks

/yaŋ yaŋ yaŋ nɔŋ jatuh/

Ungkapan ini agak sukar untuk diterjemahkan ke dalam BT, tetapi pengucapan seperti ini dibuat pada ketika sesuatu kemalangan kecil akan berlaku, sama ada diucapkan oleh orang yang akan jatuh malang itu sendiri ataupun oleh orang yang melihat kejadian itu.

Catatan

1. Transkripsi huruf Thai yang digunakan dalam makalah ini diasaskan kepada sistem Haas (1964). Mengikut sistem ini, huruf "j" yang hadir pada awal sukukata diucapkan seolah-olah seperti "y" dalam "yang", sementara "j" yang hadir pada akhir sesuatu diftong diucapkan seperti "i". Konsonan yang

diikuti dengan huruf "h" dibunyikan secara beraspirasi. Fõnem vokal yang mempunyai sebutan panjang dilambangkan oleh simbol yang ditulis dua kali. *Tonal marks* melambangkan sebutan nada mengikut pengucapan BT standard, iaitu seperti yang dituturkan di wilayah tengah negeri Thai (*phaag khlång*).

Bibliografi

- Abdul Hamid Mahmood. 1985. Dialek Kelantan Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia. *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya - Satu Kumpulan Esei* disunting oleh Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf. Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu Bilangan 3. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Baker, J.A. 1939. Notes on the Meaning of Some Malay Words. Part III. (Kedah Words). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 17(1): 107-120.
- Brown, C.C. 1956. *Studies in Country Malay*. London: Luzac.
- Cuisinier, Jeanne. 1936. *Danses magiques de Kelantan*. Paris: Institut d'Ethnologie.
- Haas, Mary. 1964. *Thai-English Student's Dictionary*. Stanford, California: Stanford University Press.
- Mckerron, P.A.B. 1931. A Trengganu Vocabulary. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 9(1): 123-128.
- Mohammad A. Kadir. (2527 B.E.) 1984. *Photchananukrom thai-malayu malayu-thai* (Kamus Thai-Melayu dan Melayu-Thai). Bangkok: Aakasan Bnnathit.
- Nik Safiah Karim. 1985. Dialek Kelantan - Satu Lambang Sosio-Budaya Wilayahnya. *Kelantan Dalam Perspektif Socio-Budaya - Satu Kumpulan Esei* disunting oleh Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf. Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu Bilangan 3. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Pepys, W.E. 1916. A Kelantan Glossary. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 74: 303-321.
- So Sethaputra. (2514 B.E.) 1971. *New Model Thai-English Dictionary*. Pranakhorn: Thai Watthanaphaanit.
- Sturrock, A.J. 1912. Some Notes on the Kelantan Dialect, and Some Comparisons with the Dialects of Perak and Central Pahang. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. 62: 1-7.

Hikayat Agung Gempita — Satu Kajian Ringkas

SHARIFUDDIN B. ABDUL RAHMAN

Pendahuluan

HIKAYAT Agung Gempita adalah sebuah manuskrip yang tersimpan di Muzium Negeri Kelantan. Manuskrip ini dihadiahkan oleh Dato' Wee Khoon Hock (Ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan) kepada Muzium pada 7 Mac 1985. Dari catatan yang tertulis di belakang manuskrip ini, ia dipunyai oleh Engku Som binti almarhum Tengku Mansur. Manuskrip ini bukanlah yang tunggal diketahui oleh penulis tetapi masih terdapat 2 jilid lagi pada Tengku Redzuan binti Tengku Zainal Abidin, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu, Kelantan yang masih baik dan ternyata lebih tua dari segi bentuknya. Manuskrip ini siap disalin dalam tulisan jawi pada hari Isnin 4 Syawal 1354 Hijrah bersamaan dengan Disember 1935. Nakhah asalnya tidak diketahui.

Kesah Hikayat Agung Gempita

Manuskrip yang setebal 420 halaman ini mengesahkan dua orang dewa bersaudara anak Bentara Gangga Maha Sakti di lapangan telah mendapat putera. Saudara tua mendapat 2 putera kembar dan saudara yang muda mendapat seorang puteri. Oleh kerana adat di kayangan tidak membolehkan beranak kembar saudara tua terpaksa 'membuang' puteranya ke dunia. Saudara muda kerana kasihkan saudaranya juga berbuat demikian. Kedua saudara ini menjelmakan putera puteri mereka ke perut binatang Kambing, Harimau dan Kijang hingga kemudiannya mereka dilahirkan. Kambing melahirkan anak lelaki bersama panah diberi nama Agung Gempita, Harimau beranak anak lelaki bersama pedang bernama Dalam Gempita manakala Kijang beranakkan seorang puteri bernama Cahaya Keindahan. Kambing dan Kijang bersahabat baik sehingga satu hari Kambing dan Kijang ini dibunuh oleh Harimau. Dalam kerana marah telah membunuh 'Ibunya' lalu mereka bertiga mulai mengembara hingga tiba di rumah Nenek Kebayan, Dang Sri di negara Beranta Kelauan, rajanya bernama Raja Syah Johan. Raja Syah Johan mempunyai puteri bernama Indra Bangsawan yang diletakkan disebuah mahligai oleh bapanya. Dengan kesaktian panah

Agung, Dalam memanah mahligai hingga hampir roboh. Bagi memperbetulkan mahligai ini Raja Syah Johan mengistiharkan pada orang ramai siapa yang berjaya memperbaikinya akan dikahwinkan dengan anaknya. Oleh kerana Dalam berjaya Dalam pun dikahwinkan dengan puteri Indra Bangsawan.

Raja Agas Beranta Negeri Benderung Sakti adalah seorang raja yang amat sakti. Baginda ingin beristeri dan Ahli Nujum menunjukkan puteri yang cantik ialah Puteri Cahaya Keinderaan. Pahlawan Raja Agas Beranta mencuri Puteri Cahaya Keinderaan ketika Agung sedang menghadiri pesta perkahwinan Dalam. Puteri Cahaya Keinderaan tetap menolak Raja Agas Beranta walaupun dipaksa dan mengugut untuk membunuh diri. Adik Raja Agas Beranta, Puteri Seroja Rakna menaruh simpati. Apabila Agung Gempita mengetahui adindanya dilarikan baginda pun terus keluar mengembara untuk mencari. Baginda memberi se-bentuk cincin pada Dalam dengan pesanan jika cincin itu menjadi merah maknanya baginda di dalam kesusahan. Jika putih maknanya baginda telah mati. Dengan menunggang Kuda Hijau baginda berehat di bawah pohon yang rendah tempat kediaman tiga hantu anak beranak. Dengan kesaktian puteri hantu ini Agung 'dilumpuhkan' dan lantaran Agung menolak cintanya baginda disiksa. Dalam Gempita pula apabila melihat cincin Agung berubah menjadi merah baginda keluar untuk mencarinya dengan menunggang kuda putih. Ketika beliau singgah dipokok beringin, Dalam membunuh tiga ekor kera yang sebenarnya dewa kayangan yang disumpah oleh Bentara Gangga. Puteri dewa itu, Puteri Cahaya Udara adalah sepupu Dalam sendiri. Dari dewa itulah Dalam mengetahui asal usulnya dan kisah mereka dihantar ke dunia oleh Ibu bapanya. Puteri Cahaya Udara mengikut Dalam mengembara dengan menyamar sebagai lelaki bernama Pahlawan Udara.

Agung Gempita pula diselamatkan oleh neneknya Bentara Gangga Maha Sakti. Setelah dipulihkan Agung dihadihkan Cembul Kemala Kardi dan cincin hikmat. Cembul ini boleh mencipta sebuah negeri. Agung kemudiannya menemui Dalam dan Pahlawan Udara. Mereka bertiga membunuh tiga hantu itu dan ternyata mereka juga dewa sumpahan Bentara Gangga. Puteri Hantu itu ialah Puteri Bidadari Anggaran Mayang. Di dalam pengembaraan seterusnya Agung membunuh seekor jin dan menyelamatkan dua orang putera raja, Sulung Udara dan Usul Terjali. Kemudian mereka memasuki sebuah gua dan menemui seorang puteri Seroja Sri yang disimpan oleh bapanya Raja Agas Syahperi. Agung merindui puteri ini. Setelah itu mereka menerusnya pengembaraan dan memasuki negeri Benderung Sakti. Agung dan temannya menumpang di rumah seorang tua. Agung kemudiannya memasuki taman dan mengetahui tentang kedudukan Puteri Cahaya Keinderaan. Pada suatu malam Agung memasuki Istana Raja Agas Beranta dan membawa lari Puteri Cahaya Keinderaan bersama Puteri Seroja Rakna (adik Raja Agas Beranta). Sebuah kota diwujudkan dengan kesaktian Cembul Kemala Kardi.

Peperangan hebat meletus antara Raja Agas Beranta dengan Agung Gempita. Masing-masing mendapat bantuan sahabat sehingga perang ini menjadi amat seru sekali. Sementara itu Puteri Seroja Sri (Puteri Goa) telah hamil dan melahirkan seorang putera. Lantaran takutkan ayahnya putera ini dibuang dan ditemui oleh Raja Azrang lalu dijadikan anak angkat, diberi nama Embung Putera. Raja Agas Beranta memuja panahnya lalu memanah Agung. Agung diterbangkan oleh

سورة اوله تنكوي بنقود واجان زنج ابع سورة دغون
سورة اوله اوليه واجان سورة دغون ايت مكن كل
موني فن فون ذفالو اولغله تارا كسكان سورة موري
دري با صدقه كنداس كلين قنادران سكلن سب
نكرين تنكول تلالوله ساغت الامان تيكينده سكل راج
بغ كمال ايت مكن تاراله تر سوة لاي جدران ايت
سب تنكول مكن تر سونله فر سونله سري
لطان فونوله عالم سري مكنوت مچوانك سري
سورة اجان تنكري كير سوندران ايت سلاما بكنده
منجاري راج ايت تلالوله ايت سوندر خيدران دريات
كندا سكل راج تنكري سب اكون كسراي لاي
عاديل ران موزاهد سون دغون رانه كور ساقده
ران بوردي سب سون بايك تنكوله راجون ران
ايدو فراغين سكلين اسوي تنكري سون كاسه
الاک اكون بكنده ايت سماري جونا سلام راج
فونو سب ران ران منكري ملباغ فرهلاف دغون بنجوني
دولي بكنده ران بكنده فون تاراله درهنتي درون مرنياكون
بباز فرس اليين سورة بيامو مكن ران مينوم سورة دغون سكل
بوني ران جونا نيف قاهون سكل راج بونج تعلق ايت
مقنه فرس ميين اسون ران فون سورة ايتن فرات
له روعا فر سون منجاري بلاك ران سكل منجوران
بكنده فون تاراله فون سون بيركريم من تنكري جاوه فون
منجاري ركنله افون اكون سلطان مكنوله عالم ايت لم بون
سكالو بلاكت نايك كيا غون سون ران فون ران سون
سكيا غون ايت نكرين دفكو اوليه راج مكنوي سب راج فونله
مقنه بكون بكنده مكنو راج مكنوي مقنه بكنده نايك كيا
سب راج فونلاف مكنو تنكري مكنوله عاده لاله
مكنوت عالم ايت ران ايند راج از دغون فون هاري ايند
مكنوت ايتن بكنده ايت مكنو راج از دغون تيار ايند
لطان مكنوت عالم بلاكت كينون مكنو ايند ايت
مجاوا اسونين سكلين مكنوله راجون اوليه اور فونج
سب جونا ايند

فونج

panah itu bersama Usul Terjali lalu jatuh ke dalam lautan. Perang diteruskan oleh Halam Gempita. Bentara Gangga menemui Puteri Cahaya Keenderaan menghadiahkan rata terbang dan menyuruh menyelamatkan Agung dan menemukan Agung dengan anaknya di negeri Raja Asrang. Titah tersebut dilaksanakan sebaiknya oleh Puteri Cahaya Keenderaan. Setelah diselamatkan Agung menemui Embung dan pulang bersama Raja Azrang untuk meneruskan peperangan. Bentara Gangga dan kedua Ibu bapa Agung, Halam dan Puteri Cahaya Keenderaan turut menyertai Agung. Agung dikahwinkan dengan Puteri Seroja Sri secara rasmi dan Halam dengan Puteri Seroja Rakna. Perang penentuan berlaku antara Agung dengan Agas Beranta. Semasa Raja Agas Beranta hampir mati ditewaskan oleh Agung baginda melepaskan panah dan mengenai Puteri Cahaya Keenderaan lalu pengsan. Setelah dipulihkan Bentara Gangga Agung ingin melepaskan nazarnya di Tasik Langkapuri tempat Raja Berma Syahperi. Di sana Agung diminta pertolongan oleh Raja Beranat Luga untuk melepaskan puteranya Johan Maulana yang dicuri oleh Naga. Agung menewaskan naga yang juga seorang dewa, Dewa Derma Wangsa yang disumpah oleh Bentara Gangga. Naga ini juga melarikan puteri yang masih kecil, Puteri Mengerua. Semasa bersukaria di Pulau Sabak Agung 'dikenakan' oleh Puteri Maheran hingga ia lupa akan isterinya. Halam pula membebaskan seorang puteri, Puteri Sinaran Bulan dari sebuah gua. Embung dan Puteri Cahaya Keenderaan berkecil hati dengan sikap Agung yang melupakan mereka semua. Akhirnya Agung disedarkan kembali oleh Bentara Gangga lalu amat menyesal.

Walaupun bagaimanapun Agung dikahwinkan dengan Puteri Maheran dan Halam dengan Puteri Sinaran Bulan. Puteri Cahaya Keenderaan merajuk dan tidak mahu kembali ke negeri Agung. Bentara Gangga terpaksa membena sebuah negara baharu diberi nama Gambar Kayangan kerana bentukannya serupa dengan kayangan. Setelah itu upacara perkahwinan Agung dengan Puteri Cahaya Keenderaan dan Halam dengan Puteri Cahaya Udara pun dimulakan. Apabila selesai Bentara Gangga Maha Sakti menggelarkan Agung dengan Sri Sultan Muhibat Bangsawan Mahkota Alam dan Puteri Cahaya Keenderaan kepada Permaisuri Beranta Indera Cahaya. Embung Putera pula amat mencintai Johan Maulana apabila diketahui Johan sebenarnya perempuan bukannya lelaki. Puteri ini sebenarnya bernama Puteri Cahaya Indera. Embung kemudiannya dikahwinkan dengan puteri tersebut. Demikian juga raja-raja lain kecuali Kobat Syahperi yang mencintai permaisuri (Cahaya Keenderaan).

Raja di tanah seberang kehilangan puteri, Puteri Nurul Asyikin kerana dilarikan geroda Mahaweru, lalu memohon bantuan Sultan Muhibat. Sultan Muhibat lalu bertolak ke Tasik Pauh Janggi dan membebaskan Puteri Nurul Asyikin dari geroda itu. Puteri ini ternyata hampir serupa dengan permaisuri lalu dikahwinkan dengan Koris Syahperi. Embung pula dikahwinkan dengan Puteri Mengerua.

Raja Kobat Mengindera Beranta Syah Johan, sepupu Sultan Agas Beranta ingin menuntut bela ke atas Sultan Muhibat. Baginda seorang yang amat sakti lalu menjadi 'Kumbang' untuk menyengat permaisuri. Permaisuri pengsan kemudiannya ditawarkan oleh Dewa Derma Indera. Pada malamnya Sultan Muhibat bermimpi permaisurinya disambar geroda dan Rajawali. Raja Kobat Mengindera menjadi buta lalu melarikan permaisuri, dikejar oleh Sultan Muhibat dan Koris Syahperi serta raja-raja lain. Akhirnya Raja Kobat ditewaskan. Namun demikian

نامه تهنه در زندانين حكومت انگل
 كفتارين بنزله الامت اينلاه
 جتلات بايت فدا هاري
 اهتزين بافتوال
 1354 برسماني
 دهن 30 هاري
 بولف
 دمسيد
1935

امانه
 ديلتكو اوله انكو توتم
 تيت الدموم انكو
 منصور كوت
 بهارو كوت
 دارالنجوم

Catatan dibelakang mukasurat akhir Hikayat Agung Gempita (dari naskah salinan).

permaisuri pengsan dan terpaksa dibawa ke kayangan oleh Bentara Gangga untuk dipulihkan. Setelah pulih permaisuri tidak mahu pulang ke dunia. Justeru itu Sultan Muhibat terpaksa mengikutnya di kayangan. Raja Azrang (Bapa angkat Embung) ingin menunaikan janjinya untuk mengahwinkan Embung dengan Puteri Norlela Beranta Puteri Raja Jemala Sri Khalifah Sultan Muhibat mencipta negara baharu, Gambar Keinderaan untuk anaknya Embung. Embung pun dikahwinkan dan ditabalkan dengan gelaran Paduka Alam Sri Mahkota Meran Angkasa. Setelah itu masing-masing kembali ke tempatnya. Raja Muhibat dan Dalam Gempita laki isteri kembali ke Kayangan.

Ulasan Umum

Hikayat Agung Gempita adalah seperti juga hikayat-hikayat lain di dalam Kesusasteraan Melayu tradisional. Dipandang dari sudut sejarah jelas sekali hikayat ini dilahirkan beberapa lama dahulu dan telah disesuaikan dengan motif-motif agama Hindu. Ciri-ciri untuk menunjukkan ianya amat dipengaruhi oleh Sastera Hindu amatlah banyak. Dunia kayangan, kesaktian-kesaktian senjata, cincin, cembul hikmat dan penjelmaan adalah semuanya berasal dari pengajaran agama Hindu – Buddha. Perwarnaian Islam hikayat ini dengan memasukkan nama-nama Tuhan (Asma ul Husna) penikahan oleh kadi (Maulana) dan nama-nama Islam seperti Syah Johan, Usul Terjali, Sultan Muhibat (gelaran Agung), Puteri Nurul Asyikin dan Puteri Norlela sedikit pun tidak merosakkan dasar Hindu hikayat ini yang aman keseluruhan plot hikayat ini didasarkan kepada peristiwa dewa dewi bota raksasa dan indra sama ada di dunia ataupun di kayangan.

Plot hikayat ini sebagai sastera hikayat Melayu yang lain dapat dibahagikan kepada tiga bahagian: Pengenalan, Pengembaraan dan Penyelesaian. Secara lebih jelasnya dapat digambarkan begini:

Pengenalan	Pengembaran	Penyelesaian
Asal usul dari kayangan. Penjelmaan ke dalam perut binatang Kambing, Harimau dan Kijang. Mereka dibesarkan oleh 'Ibu' dan mulai mengembara apabila Ibu-Ibu mereka meninggal.	<ul style="list-style-type: none"> - Perang dengan Raja Agas Beranta. - Perang menyelamatkan putera puteri Raja dari Jin bota, geroda dan naga. - Perkahwinan dengan puteri yang diselamatkan. - Peristiwa yang dialami oleh Embung Putera. - Tuntut bela oleh sepupu Raja Agas Beranta. 	<ul style="list-style-type: none"> - Perkahwinan Agung dengan Puteri Cahaya Keinderaan. - Dalam dengan Cahaya Udara dan Embang dengan Johan Maulana. - Kembali ke kayangan.

Demikianlah juga peristiwa yang dialami oleh Agung Gempita, sebagai Wira Sastera Hikayat Melayu Lama juga pernah dialami oleh wira-wira sastera hikayat yang lain. Perang dengan bota, raksana, jin juga dialami oleh Raja Muda (Hikayat Raja Muda), Inderaputra (Hikayat Inderaputra), Koris Mengindera (Hikayat Koris Mengindera) dan Indera Bangsawan (Hikayat Indera Bangsawan). Demikianlah juga dengan kedudukan panah sakti, pedang sakti, cembul mutiara dan gemala hikmat.

Satu hal yang menarik ialah Hikayat Agung Gempita ini memperlihatkan unsur-unsur Wayang Kulit, Selampit dan juga cerita-cerita Mak Yong di Kelantan. Unsur-unsur penjelmaan, peranan dewa dewi serta hidup di kayangan amat menonjol di dalam ceritera wayang kulit dan Mak Yong. Unsur-unsur sastera panji juga jelas kelihatan dengan peristiwa perempuan menyamar menjadi lelaki dan bertindak sebagai pahlawan yang sakti pula. Perang yang menggunakan panah rata terbang dan lontar-melontar senjata yang menjelmakan pelbagai unsur bencana alam mengingatkan kita pada peristiwa Perang Rawana dan Sri Rama di dalam Hikayat Sri Rama dan Perang Korawa dengan Pendawa di dalam Kitab Mahabharata. Demikianlah gambaran bentuk hasil sastera Kelantan yang memang banyak campuran Hindu – Jawa dan Islam lalu dicernakan di dalam pelbagai bentuk imej seni Sastera Tradisi Kelantan. Perwarnaun unsur tempatan pada hikayat ini bukan sahaja kelihatan dari kepelbagaian unsur tadi (yang jelas di dalam cerita wayang kulit dan Mak Yong) tetapi juga dari sudut bahasanya. 'Tadi' dieja dengan *takdi* (hlm. 230) 'lihat' ditulis '*tengok*' (hlm. 229) 'bertumbuk' disebutkan '*bergocoh*' (hlm. 263) 'Urat-Urat daging' ditulis dengan '*Urat geramat*' (hlm. 303) dicium pipinya '*berseruk* bunyinya' (hlm. 385) 'cakap' ditulis '*kecek*' (hlm. 419) dan lain-lain lagi.

Bahasa hikayat ini walaupun sebahagian besarnya adalah bahasa standard Meayu Lama tetapi jelas sekali telah dipengaruhi oleh bahasa dalang Wayang Kulit Mak Yong dan Selampit umpamanya:

"... main joget, tandak, topeng, wayang, mak yong, menora ..." (hlm. 237).

"... Terlalailah kekanda ketika itu *bangsawan* *We* ampun apalah abang nyawaku tuan, maaf apalah kekanda barang kesalahan abang adinda tuan permai bangsawan molekku ..." (hlm. 240).

"... *Aruahnya melayang semangatnya terbang*" (hlm. 303).

"Silakan bonda dan adinda sekalian santap nasik (nasi) *barang-barang kadar ala-ala bahasa* ..." (hlm. 396).

"Demikianlah juga sudah teratur segala pawai dengan jawatannya *penuh pepak mengadap raja*." (hlm. 404).

"... bertitah dengan *sejuk dingin* kekal ikrar di atas takta kerajaan ..." (hlm. 412).

Unsur-unsur yang disebutkan di atas menjelaskan manuskrip ini nyata sekali telah dihasilkan di Kelantan. Atau paling tidak merupakan karya saduran bebas dari karya asal yang ada di istana Raja Kelantan. Tetapi oleh kerana naskah asal hikayat ini belum lagi ditemui di tempat lain penulis cenderung mengatakan hikayat ini adalah ciptaan asli negeri Kelantan dari segi bentuk gaya bahasanya mungkin sekali dihasilkan pada akhir abad ke-19 atau awal abad ke-20 Masihi.

Keindahan dan keistimewaan hikayat ini juga terlihat pada corak gambaran

peperangan pesta perkahwinan dan percintaan yang tidak menjemukan. Gaya bahasanya indah dan halus dan jauh lebih baik daripada hasil karya asli Kelantan yang lain, umpamanya Hikayat Sri Kelantan. Pantun yang pritis penuh sindiran sering diucapkan oleh watak-watak, khususnya watak Usul Terjali yang nampaknya mengambil watak jenaka ataupun 'Wak Long' di dalam wayang kulit atau pun 'peran' di dalam permainan Mak Yong. Sekadar contoh lihat pantun berikut:

Dang Senja menempa peti
peti sudah berisi peta
duduk berkerja bermati-mati
Haram tak dapat bagai di cita.
(Sindiran pada Raja Kobat Syahperi yang cintakan tunang Agung).

Pinang muda di dalam gelas
cempaka patah tiada tumbuh
sayang muda yang baik paras
kata sepatah haram tak sungguh
cempaka dipatah tiada tumbuh
di patah oleh burung merpati
kata sepatah haram tak sungguh
Tak patut dengan rupa pekerti.
(Sindiran pada Agung Gempita yang lupakan tunangnya).

Gambaran pujuk rayu cinta kasih wira (Agung) digambarkan dengan begitu halus dan indah sekali. Pada halaman 266 Agung memujuk rayu tunangnya;

"... bangunlah cahaya diraja, murai nan sudah ramai bercerita, nuri sudah berkata-kata molekku belum juga lagi jaga."

Dalam menggambarkan kesedihan perpisahan Agung dengan sahabatnya penulis menulis:

"Wah! alangkah sayunya tambahan pula jika ada siapa-siapa menaruh hatinya tidak dapat hendak berkecak panjang lagi (melainkan) duduk dengan berhamburan air panca logam yang keluar dari dua mutiara (?) matanya juga, kasihan ah kasihan." (hlm. 419).

Penutup

Demikianlah sedikit gambaran tentang Hikayat Agung Gempita yang pada pandangan penulis ia adalah sebuah hikayat yang mempunyai keistimewaannya sendiri di dalam Kesusteraan Melayu Lama. Sebuah hikayat yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai sebuah Sastera Hikayat Melayu Lama tetapi sekaligus menggambarkan unsur-unsur tempatan negeri Kelantan. Unsur-unsur Hindu — Jawa dan Islam yang diwarnakan dengan ciri-ciri sastera tempatan ini dilaksanakan begitu indah sekali. Sastera itu tidaklah keterlaluan jika penulis mengatakan Hikayat Agung Gempita telah mencerminkan bentuk dan kedudukan serta gagasan seni budaya Kelantan yang selama ini berkembang mengwujudkan satu citranya yang tersendiri didalam keseluruhan budaya Melayu. Pengaruh Hindu

dan Jawa yang mendalam membuktikan kedudukan Kelantan dari segi sejarah jatuh bangunnya Kerajaan Sriwijaya yang hingga kini masih dipertikaikan lokasi awalnya. Pengaruh Hindu dan Jawa yang kuat bertunjang di Kelantan ini sekurang-kurangnya memberi sokongan jawapan Kelantan atau Selatan Thailand adalah Pusat Pertama Kerajaan Sri wijaya sebelum ianya berpindah ke Palembang atau Jambi pada abad ke-8.

Alangkah baiknya jika hikayat (Manuskrip) ini dapat diterbitkan di dalam bentuk yang lebih sempurna (dicetak) semoga dapat memberi sumbangan kepada koleksi Warisan Karya Kesusasteraan Melayu Klasik yang telah sedia ada.

Lawatan ke Selatan Thailand

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

SAYA sungguh berterima kasih dan merasa bertuah telah dipilih oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk ikut sama dalam rombongan melawat Selatan Thailand, wilayah yang banyak mengandungi sejarah yang di dalam catatan China dan India zaman dahulu disebut sebagai Langkasuka (Patani dan sekitarnya), Sri Singhanagara (Singgora, sekarang Songkla) dan Tambralingga (Ligor atau Nakhon Sri Thammarat).

Bagi saya ikut serta dalam lawatan rombongan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ini sungguh bermanfaat kerana dapat melihat dari dekat perjalanan sejarah, kebudayaan dan agama di Selatan Thailand dan ini menambahkan lagi bagi saya pengetahuan kebudayaan dan agama sepanjang zaman di wilayah ini dan ini sesuai pula dengan tujuan lawatan.

Tujuan

- Untuk meninjau dan mengkaji tempat-tempat bersejarah di Selatan Thailand yang ada hubungan sejarah, kebudayaan dan agama dengan Semenanjung Malaysia terutama Pantai Timur khususnya Kelantan.
- Untuk mengenal lebih dekat hubungan antara rakyat dalam lingkungan budaya yang sama.
- Untuk mendapat maklumat yang jelas adanya kesamaan di dalam kehidupan kemasyarakatan di antara dua wilayah yang berjiran ini.
- Untuk mengetahui bahan-bahan sejarah yang tersimpan dalam Muzium-muzium di Selatan Thailand.
- Untuk dapat belajar dari pengalaman negara jiran itu cara-cara menjaga warisan budaya serta flora dan faunanya.

Rombongan

Rombongan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan terdiri dari 12 orang. Mereka ialah: Dato' Nik Ishak b. Dato' Hj. Nik Daud, Setiausaha Kewangan Negeri Kelantan sebagai Ketua Rombongan; Engku Azman bin Engku Yusuff,

pegawai Muzium Negeri Kelantan sebagai Setiausaha rombongan; Tuan Hj. Wan Ali b. Wan Ahmad, Pengarah Muzium Kelantan sebagai Bendahari; Tuan Hj. Salleh b. Mohd. Akib (Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan); Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, (Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan); Encik Adi Hj. Taha (Muzium Negara); Tuan Hj. Shariffuddin b. Abdul Rahman (Setiausaha Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan) masing-masing sebagai ahli rombongan; Encik Abustarim bin Yaacob, jurugambar; Encik Wahab (Yala) Pemandu rombongan, Encik Hassan bin Salleh, pemandu kereta Mercedes DN 6622; Encik Mohamad Dollah pemandu kereta Volvo DL 7997 dan Tuan Mat bin Tuan Kechik pemandu kereta Volvo DR 4222.

Lawatan

a) Patani dan Songkhla

Pada 26 Oktober 1988, jam 9.00 pagi saya dan rombongan bertolak dari Muzium Negeri Kelantan ke Sungai Golok dengan melintasi jambatan Rantau Panjang – Sungai Golok. Setelah melewati pemeriksaan kastam dan imigresen, rombongan terus menuju ke Patani dan sampai di sana pada jam 1.00 tengah hari dan seterusnya makan tengah hari di sana, kemudian sembahyang zohor di Masjid Jamek Patani.

Pada jam 2.00 petang rombongan ke Songkhla dan sampai pada jam 4.00 petang. Peserta rombongan telah melawat Songkhla National Museum. Di Muzium ini, rombongan telah diberi penerangan oleh Miss Tassanee Bhiukul,



Masjid Jame' Patani

Kurator Muzium tersebut mengenai beberapa artifak dan bahan-bahan yang dipamerkan yang terdiri dari bahan-bahan pra-sejarah mulai dari zaman Ban Chiang, zaman Hindu-Budha sampai ke zaman Rattanakosin abad ke-18 Masihi dan bahan-bahan yang sangat penting ialah artifak-artifak zaman Sriwijaya serta beberapa bilah keris dan sekeping gambar masjid tua yang tidak siap dibina di Kampung Gersik, Patani. Istimewanya Muzium ini ialah bekas rumah Phraya Sunthranuraksa (Mr. Ne-tr Na Songkhla) seorang Gabnor Songkhla dari keturunan China pada akhir abad ke-19 Masihi. Muzium ini ialah bercorak senibina China dibina pada tahun 1878 Masihi.



Masjid Gersik Patani yang dibina beberapa lama dulu sampai kini belum siap.

b) Nakhon Sri Thammarat


Sesudah bergambar di depan Muzium ini dengan pegawai Muzium pada jam 4.00 petang rombongan bertolak ke Nakhon Sri Thammarat dan mengalami sedikit kesulitan kerana salah jalan. Di pekan kecil Pak Phnang para peserta terpaksa menyeberang dengan menggunakan feri melalui jalan yang sedang dalam pembinaan. Malangnya sesudah sampai kira-kira 10 kilometer lagi ke bandar Nakhon Sri Thammarat, rombongan tidak dapat meneruskan kerana jalan tidak dapat dilalui. Rombongan terpaksa berpatah balik dengan melalui lebuhraya yang sejauh 104 kilometer. Sampai di bandar Nakhon Sri Thammarat pada jam 11.00 malam dan bermalam di Thai Hotel.

Pada 27 Oktober 1988 pergi bersarapan pagi di sebuah kedai makan Islam. Yang istimewanya di sini ada dijual nasi kerabu. Mengikut cerita orang di Nakhon Sri Thammarat salah satu tempat di Selatan Thailand yang ada menjual

nasi kerabu. Pada jam 10.00 pagi, rombongan pergi melawat ke Nakhon Sri Thammarat National Museum di mana dipamerkan antara lain bahan-bahan sejarah zaman Dwarawati abad ke-6-11 Masihi dan artifak Sriwijaya abad ke-8-13 Masihi. Kesenian zaman Lopburi abad ke-11-14 Masihi. Kesenian Chien Saen abad ke-12-20 Masihi. Kesenian Sukhothai abad ke-13-15 Masihi. Kesenian Ayutthya abad ke-15-18 Masihi dan kesenian Rattanakosin abad ke-18 Masihi.



Membeli nasi kerabu di bandar Nakhon Sri Thammarat



Nasi Kerabu

Setelah melawat Muzium, kami melawat ke kampung kedai kraftangan yang diusahakan oleh orang Melayu. Kraftangan ini terdiri dari anyaman-anyaman dari pohon rebus yang dibuat beg tangan yang dilihat sungguh indah. Di sini juga ada dijual patung-patung wayang kulit seperti patung Sri Rama, Wak Leng dan Pak Dogol. Mengikut keterangan yang dimaklumkan oleh penjual kraftangan itu, bahan-bahan ini dibuat oleh orang-orang Melayu. Kedai kraftangan ramai dikunjungi oleh pelawat-pelawat Thai dan asing. Rombongan dapat juga melihat perkampungan. Kebun Nyor (Svan Ma Prow) yang didiami oleh orang-orang Melayu. Di sini ada sebuah masjid dan mereka di sini di samping membuat sarang burung yang indah juga mengusaha membuat barang tembaga, satu-satunya pengusaha tembaga yang wujud di negeri Thai. Mengikut keterangan penduduk pengusaha tembaga ini hanya dilakukan oleh orang-orang Melayu dan sekarang ini ada hanya seorang sahaja pembuat tembaga yang pandai bernama Encik Yeh bin Wan Dolah, beliau katanya berasal dari Saiburi (Teluban). Pada tahun 1984 ada 3 orang tukang pembuat tembaga Melayu telahpun dibawa oleh pemerintah Thai ke Bangkok untuk diperturunkan kepandaian membuat barang-barang tembaga ini kepada orang-orang di Bangkok. Di tempat pengusaha ini pihak Muzium Kelantan telah membeli alat membuat laksa dengan harga 2,000.00 bhat.

Dari kampung Kebun Nyor, rombongan pergi ke pondok di kampung Banthan lebih kurang 5 kilometer dari bandar Nakhon Sri Thammarat. Pondok



Sebuah masjid di Kampung Kebun Nyor di Nakhon Sri Thammarat.




Kedai Kraftangan Melayu di Nakhon Sri Thammarat



Berbual dengan Encik Yeh bin Wan Dolah tukang tembaga bertanda X.

ini diberi nama Mahaad Misbahuddin yang dipimpin oleh Tuan Guru Haji Ismail bin Hj. Karim yang berumur 62 tahun. Tuan Guru ini berasal dari Kelantan dan beliau mempunyai banyak keluarga di Kampung Kijang, Kedai Buluh dan Sungai Pinang, Kota Bharu. Salah seorang dari keluarganya bernama Haji Yunus, Sungai Pinang. Tuan guru Haji Ismail adalah menantu kepada Haji Yaacob Ligor (muda) iaitu anak sepupu kepada Haji Yaacob Ligor (tua – seorang guru pernah mengajar di Masjid Muhammadi sebelum perang dunia ke-II, beliau juga bekas murid dan teman Tuk Kenali di Kelantan). Tuan guru Haji Ismail b. Haji Abdul Karim ini adalah kawan baik kepada Datuk Haji Mohamed Shahir, Imam Besar, Masjid Negara sewaktu sama-sama belajar di Mekah.

Tuan guru Haji Ismail pada mulanya belajar di pondok yang beliau sekarang pimpin dengan Tuan Hj. Yaacob Ligor (muda) anak sepupu kepada Haji Yaacob Ligor (tua – teman Tuk Kenali) kemudian beliau melanjutkan pelajarannya ke Mekah selama 20 tahun. Di Mekah beliau belajar dengan Syeikh Abdul Kadir Al-Mandili dan juga dengan Syeikh Hasan Basar Al-Yamani (mungkin keluarganya kepada Zaki Yamani, bekas Menteri Minyak Saudi). Beliau juga belajar dengan Syeikh Mustapa Al-Negeri. Beliau belajar di Masjid Al-Haram dan Madrasah Darul Ulum.



Penulis bersama Tuan Guru Haji Ismail b. Haji Abdul Karim, guru di Mahaad Misbahuddin, di Nakhon Sri Thammarat.



Pondok Mahaad Misbahuddin di Kampung Banthan Nakhon Sri Thammarat.



Sebuah Madrasah di pondok Tuk Guru Hj. Yaacob Ligor (Tua) di Nakhon Sri Thammarat.



Pemandangan pondok Haji Yaacob Ligor (Tua) di Nakhon Sri Thammarat.



Rombongan bergambar di rumah Tuan Guru Haji Ismail b. Haji Abdul Karim, di Nakhon Sri Thammarat.



Rombongan makan tengah hari di rumah Tuan Guru Haji Ismail di Nakhon Sri Thammarat.

Pondok Misbahuddin ini terletak di Kampung Banthan. Murid-muridnya ada yang datang dari Bangkok, Phuket, Phangnga dan lain-lain wilayah di Selatan Thailand. Ada sebanyak 500 orang murid lelaki dan perempuan. Kitab-kitab yang diajar di sini selain dari kitab Jawi juga kitab-kitab Arab dengan menggunakan kata pengantar bahasa Siam dan bahasa Melayu. Selain pelajaran agama diajar juga ilmu am dalam bahasa Siam dan juga bahasa Inggeris. Tuan Hj. Ismail dibantu oleh 20 orang guru dan 2 orang anak perempuannya yang pernah belajar di Amerika dan Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur.

Sesudah berbual mesra dengan Tuan Hj. Ismail, kami dihidangkan dengan makan tengah hari dengan hidangan yang begitu lazat dan disogokkan pula dengan buah-buahan seperti limau, mempelam (pauh) dan sebagainya. Sewaktu akan berpisah, suasana sedih menyelubungi kami dan keluarga Haji Ismail terutama isterinya yang meleleh airmata kerana merindukan keluarganya di kampung halaman di Kelantan. Salah seorang anak Tuan guru Haji Ismail b. Hj. Karim ini bernama Dr. Surin Pitsuwan adalah seorang wakil Rakyat Nakhon Sri Thammarat ke Parlimen Thai. Beliau adalah lulusan PhD di salah sebuah Universiti di Amerika

Sesudah pertemuan kami dengan Tuan Guru Haji Ismail b. Haji Karim, kami melanjutkan lawatan ke sebuah pondok lain yang tak jauh dari situ di Kampung Bandun dan pondok ini bekas pondok Haji Yaacob Ligor tua yang dulu mengajar di Masjid Muhamadi Kelantan. Di sini didapati satu bangunan madrasah yang moden yang biayai oleh kerajaan Saudi Arabia. Kami dapat bertemu dengan Encik Hanin Hussain, cucu kepada Haji Yaacob Ligor tua berusia lebih kurang 15 tahun yang juga belajar di Madrasah ini.




Penulis bersama Encik Hanin Hussein, cucu kepada Haji Yaacob Ligor (Tua).

c) Suratthani


Sesudah itu pada jam 4.00 petang kami meneruskan perjalanan ke Suratthani lebih kurang sampai di sama jam 6.00 petang. Di sini kami menginap di Hotel Rama.

Pada 28 Oktober 1988 setelah bersarapan di sebuah kedai Islam, rombongan meneruskan perjalanan ke Chaiya. Di pertengahan perjalanan kami singgah di Hutan Samad tempat bersemadi bagi penganut agama Budha. Sesudah itu kami meneruskan perjalanan ke Muzium Chaiya. Di sini kami dapat melihat beberapa artifak pra-sejarah dan artifak-artifak yang dijumpai di Chumphon dan Punpin. Di Muzium ini kami dapat melihat sebuah nakara yang lengkap, satu-satunya nakara yang utuh dijumpai di Asia Tenggara. Di Muzium Chaiya ini, kami juga dapat melihat barang-barang kesenian zaman Sriwijaya gaya abad 8 sampai abad ke-13 Masihi. Di sini kami dapat juga melihat prasasti Sriwijaya dan Sailendra abad ke-8 Masihi. Di Muzium ini juga dipamerkan 4 batang keris Melayu.

Sesudah itu, kami melanjutkan perjalanan ke Kampung Biang dan didapati ada masyarakat Melayu yang masih utuh yang usahanya membuat kain tenun yang cukup halus. Mengikuti tuan punya kedai Encik Abdul Karim b. Ghani yang dapat bertutur dengan baik bahasa Melayu banyak kain tenun di sini dihantar ke Malaysia.



Chaiya: Tempat yang dilawati oleh rombongan.



Papan penerangan tentang Muzium Chaiya.

d) Perjalanan Pulang

Kami pulang ke Yala. Dalam perjalanan pulang beberapa kilometer dari bandar Suratthani, kami singgah membeli telur asin (masin) yang istimewa iaitu dari segi besar dan lazatnya. Mengikut orang-orang Changwad (Propinsi) Suratthani ini terkenal menghasilkan telur asin yang banyak dihantar ke luar daerah ini. Di Yala kami bermalam di Rama Hotel.

Sebelah paginya kami bersarapan di sebuah kedai makan Melayu yang amat sedap masakan sama seperti di Kota Bharu, Kelantan. Pada jam 11.00 tengah hari, kami sampai di Patani dan melawat istana lama serta kubur diraja. Waktu melawat kubur diraja kami dapati makam itu sudah tidak terurus lagi namun begitu yang amat menarik sekali di Makam Diraja Patani ini terdapat tulisan seperti berikut:-

*Makam almarhum raja Patani Maulana Tengku Sulaiman b. Mohd. Tengku Besar, mangkat pada hari Jumaat, Rabiul awal pukul 4.00 dan mayat telah manika pada tahun 1312, umur 51 tahun. Di atas kerajaan 10 tahun. Hai mereka yang empu-



Rombongan berbual dengan seorang Melayu di Kampung Biang, Chaiya, di depan kedai Encik Abdul Karim b. Ghani.



Masjid di Kampung Biang Chaya, Chaiya

nya mata bati, lihatlah engkau daripada masa aku lagi hidup dalam dunia di atas kerajaanku dan aku memegang akan negeri Patani seumpama bunga kuntum tiada keberatan kepada aku. Maka tatkala kecut itu bunga telah terbang ia daripada aku hinggalah kosong tanganku. Demikianlah orang yang menuntut dunia. Hanya-lah aku meninggal dalam dunia 2 perkara, nama yang baik attawa nama yang jahat dan aku bawa bersama dengan aku pada negeri akhirat yang baqa pun 2 perkara, amal yang baik attawa amal yang jahat. Hendaklah sekalian mengambil fikiran atas ibarat sekalian perkataan puteraku ini adanya. Fizilhiyah 1312.

(Catatan: Tahun 1312 Hijrah = tahun 1894 Masihi).

Dari Patani terus ke Kelantan dan sampai di Kota Bharu pada jam 3.00 petang.

Kesimpulan

1. Setelah melihat dan memperhatikan serta mengkaji sepintas-lalu mengenai sejarah, masyarakat dan agama di Selatan Thailand, masih terasa adanya hubungan yang erat antara Selatan Thailand dan Semenanjung Melayu khususnya Kelantan. Hanyalah yang terasa ialah perbezaan sistem kerajaan antara dua wilayah serumpun dan sejiran ini dan yang amat membanggakan Thailand ialah keadaan yang menyeluruh dengan papan-papan tanda dalam bahasa Thai dan bendera-bendera Thai berkibar dengan megahnya baik di kota mahupun di desa.
2. Di samping itu, simbol agama Budha nampak sekali ketara walaupun di daerah Muslim. Namun begitu, taburan masjid di sepanjang jalan memperlihatkan identiti Islam amat ketara sekali dan rumah-rumah seni bina kemelayuan masih terasa di perkampungan orang-orang Melayu. Seni bina




Makam Maulana Tengku Sulaiman bin Tengku Besar Patani



Makam Tengku Senik bin Almarhum Tengku Muhamad, Kerabat Diraja Kelantan di Patani.



Penulis di depan Masjid Cabang Tiga, Patani



Penulis di depan Istana Cabang Tiga, Patani

ini mengingatkan kita kepada seni bina Melayu Kelantan yang di Kelantan sendiri makin pupus sedikit demi sedikit.

3. Di bidang budaya Flora dan Fauna amatlah membanggakan bahawa Kerajaan Thai amat mengambil berat dalam bidang pertanian baik padi mahupun perkebunan buah-buahan dan getah. Di sepanjang jalan dari Sungai Golok sampai ke Chaiya di tengah-tengah sawah kita dapati pohon tal ditanam secara teratur dan menyedapkan pemandangan. Pelepah dan daun tal ini telah dijadikan oleh rakyat untuk membuat pagar rumah disusun begitu seni. Dari segi ekonomi hasil buah tal ini telah ditinkan dan diekspot keluar negeri termasuk ke Malaysia.
4. Dari segi infrastruktur Thailand mempunyai jalan yang cukup baik yang menghubungkan antara kota dengan kota, antara kota dengan desa dengan pengangkutan bas dan tut-tut yang tak putus-putus sepanjang jalan. Yang amat menghairankan, sepanjang perjalanan dari Sungai Golok sampai ke Chaiya dengan melintasi jambatan Songkhla yang panjangnya lebih kurang 7 kilometer melalui Teluk Songkhla tidak dikenakan tol. Di sepanjang perjalanan di tepi pantai banyak tempat-tempat pelancongan disediakan. Khabarnya pelancong asing membanjiri Thailand setiap masa. Mungkin disebabkan oleh tarikan pemandangan alam yang indah, murahnyanya harga barang-barang serta objek-objek pelancongan yang menarik.
5. Dapat disimpulkan bahawa sejarah, agama, budaya, masyarakat, flora dan fauna pemandangan alam yang cantik merupakan gabungan dari seluruh aspek tarikan pelancong ke dalam negeri Thailand.
6. Dalam bidang kebudayaan, masyarakat dan agama, tidak dapat dinafikan adanya persamaan antara Selatan Thailand dengan negeri Kelantan khususnya dan Semenanjung Tanah Melayu amnya.



Seni hias Rumah Melayu di Patani

Peranan Kelantan dalam Pergerakan Islam di Campa 1833 — 1834*

PO DHARMA

CAMPA merupakan sebuah kerajaan tertua yang pernah wujud dan disebut dalam teks Cina pada akhir abad ke-II Masihi. Ia terletak di pantai Vietnam Tengah, di garis lintang 17 utara hingga ke Saigon.¹

Pada permulaan abad pertama Masihi, Campa adalah sebahagian dari dunia Melayu. Pada mulanya berkebudayaan Hindu dan kemudian bertukar menjadi sebuah negeri Islam di abad ke-XVI Masihi². Kedudukannya strategik kerana terletak di jalan perdagangan laut yang menghubungkan China dan Nusantara. Ia mempunyai satu angkatan tentera yang perkasa, khususnya tentera laut yang dikenali sebagai *Orang Riyak* (orang ombak), dan dalam istilah Melayu berarti *Orang Laut*. Campa pernah mencapai zaman keemasan di abad ke-X hingga XV Masihi, tetapi ia menghadapi ancaman peluasan daerah oleh Diet-Viet (orang Vietnam) yang telah memperolehi kebebasan pada abad ke-X Masihi, dari pendudukan China. Peluasan daerah ini diteruskan oleh Diet-Viet sehingga mereka berjaya menakluki wilayah Campa pada tahun 1069, 1307, 1471, 1611, 1653, 1692 Masihi³. Dan akhir sekali pada tahun 1832 Masihi, berlaku selisih faham politik di antara Pandurangga-Campa dengan istana Hue (Vietnam). Maharaja Minh Menh (Vietnam) pun mengambil keputusan untuk menghapuskan Campa

- * Artikel ini diterjemahkan daripada bahasa Perancis ke dalam Bahasa Malaysia oleh Zulkifli bin Ahmad dan Po Dharma (E.F.E.O. di Kuala Lumpur).
- 1 G. Coedes, *Les Etats Hindouises d'Indochine et d'Indonesie*. Paris, 1964; J. Leuba, *Un royaume disparu: Les Cham et leur art*. Paris, 1923; G. Maspero, *Le Royaume de Champa*. Paris, 1928; *Les Annales Vietnamiennes: Dai Nam Nhat Thong Chi, Dai Nam Thuc Luc, Dai Viet Su Ky Toan Thu, Hong Duc Ban Do, Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc*.
 - 2 P. Rondot, *Notes sur les Cham Bani du Binh Thuan*. Extrait de la *Revue des Etudes Islamiques*. Paris, 1950; A. Cabaton, *Notes sur l'Islam dans l'Indochine Francaise*, in *Revue du Monde Musulman*, T.I., 1906, pp. 27-47 et T. II, 1907, pp. 129-180; A. Aymonier, *Les Tchams et leurs religions*, in *Revue d'histoire des religions*, T. XXIV, 1891, hlm. 187-237, 261-315 P.Y. Manguin, *Introduction de l'Islam au Campa*, in BEFEO, LXVI, 1977, hlm. 255-287.
 - 3 Lihat Po Dharma, *Les frontieres du Campa in Histoire des frontieres de la Peninsule Indochinoise. I: VIETNAM*, (Paris 1987); *Le Panduranga (Campa) 1802-1835: Ses rapports avec le Vietnam*. PEFFEO, 1987.

dari peta Indochina, dan mengvietnamkan orang-orang Campa yang berkebudayaan Melayu dan beragama Islam kepada kerakyatan, kebudayaan dan kepercayaan Vietnam⁴.

Kejatuhan Campa di bawah kekuasaan Maharaja Minh Menh bermula pada tahun 1832 Masihi. Orang-orang Diet-Viet telah melakukan kekejaman terhadap rakyat Campa, dan menyebabkan lahirnya satu pergerakan Islam yang diketuai oleh Katip Sumat pada tahun 1833-1834 Masihi⁵. Objektif pergerakan ini adalah untuk menghalau askar-askar Vietnam dari menduduki wilayah Campa dan membebaskan kembali negeri Campa.

Dengan gelaran Katip (dari bahasa Arab: Khatib), Sumat adalah seorang Islam Campa, lahir di Kemboja. Beliau menjawat satu jawatan tertinggi di Campa pada abad ke-XIX Masihi. Sekarang kita tidak tahu sama ada pergerakan beliau bertujuan politik atau agama, namun menurut kronik (Sejarah) Campa, Katip Sumat berhijrah ke Kelantan (Tanah Melayu) dan tinggal di sana buat beberapa tahun untuk mendalami hukum-hakam Islam⁶. Sungguhpun di masa itu tidak ada sumber orang Melayu yang mencatatkan kegiatan aktiviti politik Katip Sumat dengan pihak berkuasa negeri Kelantan, tetapi dalam manuskrip Campa ada menyebut orang alim ini telah bersepakat dengan ahli politik peringkat pertengahan dan mendapat sokongan dari pembesar-pembesar kerajaan negeri, dan kemungkinan besar juga dari Sultan Kelantan sendiri. Setelah mendengar bahawa negerinya diduduki oleh Vietnam pada tahun 1832 Masihi, beliau dengan segera meninggalkan Kelantan untuk pulang ke Kemboja, bersama askar-askar Melayu yang bilangannya tidak dinyatakan. Di sana mereka bersama orang-orang Islam Campa lain yang bermastautin di Kemboja, menuju ke wilayah Campa di kawasan yang tertindas dengan begitu zalimnya oleh Vietnam. Di Campa mereka mendapat sambutan yang hangat, kerana orang Campa di sana menganggap Katip Sumat sebagai seorang ketua yang berwibawa mempunyai hikmat-hikmat atau ilmu-ilmu tertentu dan tidak dapat dikesan ke mana beliau pergi⁷. Di atas permintaan penduduk Campa, beliau mengambil keputusan untuk mengatur satu organisasi perjuangan menentang penceroboh-penceroboh Vietnam. Untuk melicinkan rancangan ini, semua ahli pergerakan itu diminta merahsiakan kehadiran Katip Sumat di Campa sehingga satu arahan serangan diberi oleh beliau sendiri⁸. Sementara menunggu masa untuk beroperasi, seorang bekas pegawai tinggi kerajaan Campa bernama Po Kabait Thuac, salah seorang ahli pergerakan sulit itu, kerana beliau takut kepada penyiksaan pihak berkuasa Vietnam, lalu beliau membuat laporan tentang kehadiran dan kegiatan Katip Sumat kepada pihak berkuasa Vietnam. Maka, pihak berkuasa Vietnam mengarahkan askar-askarnya untuk mengesan pergerakan Katip Sumat tetapi mereka

4 Lihat E.E. Aymonier, *Legendes historiques des Chams*, in E.R., XIV(32), 1980, hlm. 145-206; Po Dharma, *Chroniques du Panduranga*. EPHE, IVe section, Paris 1978 et Panduranga (Campa), 1987.

5 Po Dharma, 1987.

6 *Manuscripts cam*: CM 32(6), CM 24(5), CM 26(14). Lihat juga *Les Annales Vietnamiennes*: Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien, T. XVI, hlm. 280.

Semua manuskrip Campa dalam kertas kerja ini telah dibawa untuk dikritik dan dinilai dalam buku Po Dharma, 1987.

7 Manuskrip Campa, CM 32(6), 113 sq.

8 *Ibid.* (CM 24(5), hlm. 162-163; CM 32(6), hlm. 113-109.

gagal memperolehi sebarang maklumat⁹.

Pengkhianat ini (Po Kabait Thuac) merasa kesal dan sedih kerana Katip Sumat berhajat kembali ke Kelantan melalui Kemboja, tetapi ahli kumpulan itu telah dapat menyakinkan Katip Sumat agar tinggal di Campa sebagai ketua pergerakan pembebasan Campa. Akhirnya Katip Sumat bersetuju untuk meneruskan perjuangan dengan menukar nama pergerakan itu kepada Pergerakan Pembebasan Islam Campa. Kemudian beliau menghimpunkan semua pejuang-pejuangnya di Gunung Dong Nai, yang dijadikan sebagai Ibu Pejabat dan juga Pusat Penyebaran Islam di Campa. Beliau telah menyebarkan ajaran Islam di kalangan peribumi Campa seperti orang-orang Cru, Raglai, Kaho dan lain-lainnya dan mengajak mereka beriman kepada Allah. Beliau tidak menerima keahlian pergerakan Islam dari kalangan orang Campa termasuk orang Campa Islam yang menentang dasar pergerakan Islam beliau¹⁰.

Walaupun menurut dokumen kami menyatakan bahawa tujuan Katip Sumat untuk menyerang dan membebaskan Campa daripada pendudukan Vietnam, tetapi keadaan politik beliau jelas memperlihatkan yang beliau mempunyai satu dasar untuk mengislamkan semua penduduk Indochina, terutamanya di Kemboja dan Campa. Dengan kata lain, beliau berusaha untuk memperkenalkan satu konsep baru iaitu perang Sabilillah (Jihad)¹¹ di Semenanjung Indochina.

Perang Jihad ini menimbulkan suasana yang membahayakan kepada pihak berkuasa Vietnam, kerana kronik Campa mencatatkan bahawa Maharaja Minh Menh telah menggubalkan dua dasar politik bagi tujuan menghapuskan pergerakan Islam: iaitu menakut-nakutkan penduduk Campa dan mencari jalan untuk memecah-belahkan ahli pergerakan Islam¹².

Arahan Maharaja Minh Menh dikeluarkan dan beribu-ribu orang askar Vietnam terlatih khas dihantar ke Pandurangga-Campa. Minh Menh juga menyuruh orang-orang Vietnam yang bermastautin di Campa supaya membantu askar-askarnya (Vietnam) dalam program pemusnahan pergerakan Islam. Sebagai mematuhi arahan Minh Menh, askar-askar Vietnam menggunakan cara kekerasan untuk menghapuskan orang-orang lelaki Campa, membunuh secara beramai-ramai kaum wanita dan kanak-kanak Campa, dan mereka membakar kampung-kampung di negeri itu. Tidak puas dengan melakukan kezaliman dan keganasan yang tidak perikemanusiaan itu, pihak pemerintah Vietnam terus berusaha untuk melahirkan perasaan curiga di kalangan ketua-ketua pergerakan Islam. Dasar ini adalah untuk memecah-belahkan pergerakan Islam kepada beberapa kumpulan supaya berlaku selisih faham di antara pemimpin pergerakan Islam¹³.

Untuk memperolehi kejayaannya, Maharaja Minh Menh cuba memisahkan bekas raja Pandurangga-Campa yang dikalahkan olehnya pada tahun 1832 Masihi, daripada pergerakan Islam. Menurut dokumen Vietnam, pada bulan keenam tahun ular (1833 Masihi), Minh Menh membuat perhubungan dengan

9 *Ibid.* CM 24(5), hlm. 163; CM 32(5), hlm. 109.

10 *Ibid.* Lihat juga kronik Vietnam: *Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien*, XVI, hlm. 120.

11 *Ibid.* CM 32(6), hlm. 133 sq; *Po Dharma, Notes sur les cam du Cambodge*, in *Seksa Khmer*, No. 3-4, 1981, hlm. 161-183.

12 *Kronik Vietnam: Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien*, T. XVI, hlm. 120.

13 *Manuskrip Campa*, CM 24(5), hlm. 169-168; CM 32(6), hlm. 105-104; *Kronik Vietnam: Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien*, T. XVII, hlm. 70.

bekas raja Campa itu dan memberitahu sekiranya raja itu setuju bekerjasama dengan Vietnam dia akan menganugerahkan pangkat Dien Ba An « Datuk Dien An » dan menawarkan hasil pengutan cukai yang dikenakan ke atas semua penduduk di Pandurangga-Campa, kepada bekas raja itu¹⁴. Menurut Minh Menh lagi, dia berjanji akan membina monumen peringatan raja Campa di ibu kota Hue (Vietnam).

Berikutan dengan cadangan Minh Menh itu, bekas raja Pandurangga-Campa mengambil keputusan untuk meninggalkan pergerakan Islam. Walau bagaimanapun, pengunduran baginda tidak menjejaskan aktiviti pergerakan Katip Sumat¹⁵.

Sungguhpun tragedi pahit yang di alami oleh pergerakan Islam, pengikut-pengikut Katip Sumat (Cam, Cru, Raglai, Kaho, Stieng . . .) tetap terus berjuang bersama dengannya (Katib Sumat), tetap teguh beriman kepada Allah dan tetap meneruskan perang jihad, sehingga Vietnam keluar dari tanah Campa¹⁶.

Perang jihad ini telah meninggalkan kesan sejarah yang amat penting di Indochina. Ia merupakan pertama kali seorang pembesar Campa, menggunakan konsep Islam dalam politik perjuangan untuk menentang polisi Minh Menh yang berusaha menghancurkan Islam, kepercayaan dan tradisi Campa, dan juga mengasimilasikan kebudayaan orang Campa¹⁷.

Serangan-serangan yang dilakukan oleh kumpulan Katip Sumat menyebabkan banyak kemusnahan kepada pihak Vietnam di Pandurangga-Campa. Memikirkan askarnya (Minh Menh) tidak mampu menahan serangan-serangan itu, maka Minh Menh mengambil keputusan untuk menggunakan senapang dan meriam buatan Eropah untuk menentang semua penduduk Campa yang terlibat¹⁸ secara langsung atau tidak langsung dengan Katip Sumat.

Pengikut-pengikut Katip Sumat tidak sedar penggunaan alat senjata baru yang dipakai oleh askar-askar Vietnam. Mereka hanya berdoa dan berserah semata-mata kepada Allah yang akan memberi kemenangan kepada mereka dalam perang Jihad. Sebab itulah, pergerakan Islam mengalami kekalahan di tangan Vietnam yang serba lengkap dari segi ketenteraan dan senjata moden semenjak abad ke-XVIII Masihi¹⁹.

Bantuan ketenteraan dari Sultan Kelantan kepada pergerakan Islam Katip Sumat, di masa kejatuhan Campa di bawah Maharaja Minh Menh, adalah satu peristiwa yang sangat menarik dalam sejarah hubungan Campa dan dunia Melayu, tetapi tidak ada sebarang penerbitan tentangnya. Walau bagaimanapun peristiwa ini meninggalkan berbagai masalah dengan tidak ada penyelesaian, kerana kami belum menemui sebarang dokumen Melayu yang mencatatkan kejadian ini (1833–1834 Masihi), kecuali kronik-kronik Campa. Persoalannya sekarang, adakah benar negeri Kelantan menghulurkan sokongan bantuan ketenteraan kepada pergerakan Islam di Campa? Sekiranya jawapan adalah ya, kami ingin tahu apakah yang mendorong negeri Kelantan memberi bantuan

14 Kronik Vietnam: Minh Menh Chinh Yeu, T.I; Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien, T. XII, hlm. 282–284; Dai Nam Nhat Thong Chi, T. XII, hlm. 136–1347.

15 *Ibid.*

16 Manuskrip Campa, CHCPL-CAMI.

17 Po Dharma, 1987, hlm. 143.

18 *Ibid.*, 1987, hlm. 148.

19 *Ibid.*, 1987, hlm. 148.

kepada Campa? Untuk menjawab soal ini dengan lebih teliti dan terperinci, kita perlu lihat peristiwa itu dari aspek hubungan politik di antara kedua-dua negeri ini di masa lampau.

Setiap orang mengetahui bahawa negeri Campa terletak dari segi geografinya di Semenanjung Indochina, tetapi negeri ini berkebudayaan Melayu. Penduduknya bertutur dalam kumpulan bahasa Austronesia, agak mirip dengan bahasa Melayu. Mereka beragama Islam, beradat resam, dan mewarisi tradisi yang sama yang diamalkan di Nusantara, dan mempunyai khazanah kesusasteraan yang sama: seperti Hikayat Dewa Mandu (Akayet Dewa Mano) dan Hikayat Indraputera (Akayet Inra Putra). Maka ternyata, Campa adalah sebuah negara rumpun Melayu²⁰.

Dalam soal sokongan bantuan ketenteraan dari Kerajaan Kelantan ia menunjukkan betapa eratnya Campa dan dunia Melayu memelihara ikatan persahabatan yang istimewa di antara kedua-dua negeri itu. Hubungan ini bukannya baru bermula di abad ke-XIX Masihi, tetapi semenjak zaman purba kala lagi. Pada abad ke-VII Masihi, dalam sumber Campa sudah menyebut tentang serangan Jawa (Jawa dalam istilah Campa, berarti orang-orang dari Nusantara berbahasa Melayu, bukannya orang Jawa sekarang) di pantai Campa. Pada abad berikutnya, hubungan di antara kedua-dua negeri ini menjadi baik, kerana Campa membuat hubungan persahabatan dengan empayar-empayar Sriwijaya dan Majapahit dan akhir sekali dengan empayar Melaka. Hubungan tersebut dapat dilihat pada beberapa peristiwa seperti: lawatan pembesar Campa ke Sriwijaya pada akhir abad ke-IX Masihi, kehadiran kedutaan Sriwijaya di Campa pada abad ke-X Masihi, perkahwinan raja Campa dengan puteri Jawa di akhir abad ke-XIII Masihi, dan perkahwinan adik perempuan raja Campa dengan raja Majapahit di abad ke-XV Masihi²¹.

Berikutan dengan kemunculan Melaka di permulaan abad ke-XV Masihi, satu perubahan besar telah berlaku dalam politik dan perdagangan Campa dengan Nusantara. Campa lebih menumpu perhatiannya kepada perhubungan dengan empayar Melaka. Di masa itu, Melaka menjadi pusat perdagangan antara-bangsa di mana terdapatnya banyak kapal-kapal pedagang Campa datang untuk berdagang. Melaka juga pernah menjadi tempat perlindungan kepada pelarian dari kalangan pembesar Campa, setelah kejatuhan ibu kota Vijaya (Campa) pada tahun 1471 Masihi ke tangan Dai-Viet (Vietnam). Pada akhir abad ke-XV Masihi dan permulaan abad ke-XVI Masihi, pembesar-pembesar Campa telah memperoleh banyak keistimewaan dari Sultan Melaka. Kerana menurut sumber Melayu, pada akhir abad ke-XV Masihi (1594) raja Campa mengirinkan bala tenteranya kepada Sultan Johor untuk menentang Portugis. Pada abad ke-XVII Masihi, Campa menerima pendakwah-pendakwah Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu untuk menyebarkan agama Islam²².

20 Lihat P.B. Lafont, *Appercus sur les relations entre le Campa et l'Asia du Sud-Est, in Actes du Seminaire sur le Campa*. (Universite de Copenhague), Paris, 1988, hlm. 71-80.

21 Dalam hal ini, lihat G. Coedes, 1964; G. Maspero, 1928. Lihat juga P.B. Lafont, 1988, hlm. 76-77.

22 Lihat C.C. Brown, *Sejarah Melayu "Malay Annals"*, JMBRAS, vol. XXV Oct. 1952, hlm. 108-111; P.B. Lafont, *op. cit.*, hlm. 77-78.

Di samping hubungan persahabatan dengan Melaka dan Johor, Campa juga memainkan peranan penting dalam tradisi Melayu. Menurut Drs Abd. Rahman Al-Ahmadi, banyak istilah di Kelantan yang ada hubungan dengan perkataan Campa seperti Pengkalan Chepa, Kampung Chepa, dan Keris Chepa. Penulis juga berpendapat bahawa Masjid Kampung Laut di Kelantan telah dibina oleh satu rombongan Campa dalam persinggahannya menuju ke Jawa²³.

Menurut sumber Eropah²⁴, jika Melaka menjadi kawasan perdagangan, Kelantan pula, pada kepercayaan orang Campa²⁵, menjadi tempat suci bagi orang Islam dan merupakan negeri termasyhur. Kelantan mengalu-alukan kedatangan orang-orang dari Campa untuk melibatkan diri dalam beberapa bidang: lawatan rasmi, perdagangan, agama Islam dan khususnya ilmu batin menurut amalan Islam agar membolehkan mereka mendapat perlindungan Tuhan daripada malapetaka. Dalam hal ini, Kelantan dianggap tempat suci, pusat didikan berbagai ilmu batin dan menghasilkan bermacam-macam jenis azimat dan tangkal.

Pada abad ke-XVII Masihi, Raja Campa yang termasyhur, Po Rome (1627–1657 Masihi), sebelum baginda naik takhta, baginda pernah pergi menuntut agama Islam di Kelantan. Di sana, baginda berkahwin dengan seorang puteri raja Kelantan dan dikurniakan beberapa orang cahaya mata. Menurut kertas kerja Abdullah bin Mohamad (Nakula)²⁶, Sultan Kelantan sekarang adalah salah seorang keturunan raja Campa Po Rome.

Kemudian Po Rome kembali ke Campa untuk ditabalkan menjadi raja Campa dan baginda telah melaksanakan hukum Islam di samping memelihara kebudayaan asal Campa. Sebagai peringatan kepada dua putera raja Kelantan, satu perayaan besar-besaran diadakan dalam bentuk tarian *Rija* (Putera Raja Kelantan). Dalam perayaan ini, mereka menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan cerita, bagaimana dua putera Melayu tiba di Campa dan mengapa mereka sanggup meninggalkan permaisuri kesayangan dan anak-anak mereka untuk kembali ke Kelantan²⁷. Sekarang, orang Campa di Vietnam Tengah masih mengamalkan perayaan ini dan kisah putera raja Kelantan tidak akan luput dari ingatan masyarakat Campa.

Apa yang telah dibincangkan di atas, membuktikan bahawa Campa dan Kelantan adalah dua buah negeri yang banyak membuat hubungan politik, kebudayaan, agama dan sejarah. Berkenaan dengan sokongan bantuan ketenteraan dari negeri Kelantan seperti yang tersebut dalam kronik Campa, peristiwa itu boleh diterima sebagai satu tanggapan. Persoalannya adakah bantuan itu mungkin ada kaitan dengan hubungan kekeluargaan Campa dan Kelantan, kerana


23. Abdul Rahman Al-Ahmadi, Campa dans la litterature malais, in Actes du Seminaire sur le Campa, Paris, 1988, hlm. 120.

24. Lihat P.Y. Manguin, Le Portugais sur les cotes du Viet-nam et du Campa, PEFEO, 1972.

25. Lihat manuskrip Campa pada Rija ceremonial dalam: Catalogue des manuscrits cam des bibliotheques francaises, PEFEO, 1977 dan 1981.

26. Abdullah b. Mohamad (Nakula), Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah, (Kota Bharu, Kelantan), 1981. 45 hlm. Maklumat-maklumat yang disediakan oleh penulis adalah diperolehi dari cerita lisan yang perlu dikritik dan dinilai.

27. Qua Dinh Boi, Bieu ke cac doi vua Chiem Thanh (manuskrip yang dicetak), 1071, 23; Thien Sanh Canh, Le Kate va su tich Po Rome, PTST, No. 10, 1977, hlm. 7; E. Durand, Le temple du Po Rome a Phanrang, BEFEO, III, 1903, hlm. 602–603.



ZULKIFLI M. JALI 1989

Peta Hubungan Campa dengan Kelantan.

peristiwa itu berlaku di zaman Sultan Muhamad I (1800–1837)²⁸. Jika menurut apa yang ditulis oleh Abdullah bin Mohamed (Nakula) bahawa baginda Sultan mungkin salah seorang keturunan raja Campa. Po Rome²⁹ itu benar, bantuan ketenteraan itu mungkin munasabah dan boleh ditafsirkan sebagai satu tindakan politik Sultan Muhamad I untuk memberi perlindungan kepada saudaranya di Campa. Tambahan pula, Campa adalah negeri Islam, maka tidak mustahil bagi Sultan Kelantan memberi perlindungan kepada Campa. Bantuan ini merupakan satu kesatuan umat Islam untuk memelihara nilai dan konsep Islam, dan bukan bermakna mempunyai pakatan sulit untuk menentang Vietnam.

Kita tidak boleh mengeneppikan keadaan politik Kelantan di masa itu. Setiap orang tahu, bahawa Sultan Muhamad I adalah raja termasyhur. Semasa di bawah pemerintahannya (Sultan Muhamad I), baginda berjaya mengawal Kelantan daripada campurtangan Terengganu dan Thailand. Pada tahun 1812 Masihi Baginda meletakkan negerinya dibawah naungan Raja Siam bagi mengelakkan Kelantan diserang oleh Terengganu atau Patani. Dalam hubungan ini baginda ingin melaksanakan satu dasar kebebasan, kestabilan dan kemakmuran di dalam hubungan dengan Raja Siam³⁰. Hubungan Kelantan dengan Siam sebagai langkah perdamaian, membolehkan baginda untuk membantu saudara baginda di Campa. Manakala bantuan ketenteraan ke Campa tidak menjejaskan politik Siam di Vietnam Selatan. Tetapi bantuan tentera Kelantan di Campa mungkin menjadi satu bantuan kepada tentera Siam di Vietnam Selatan dalam gerakan Vietnam *Le Van Khoi*, untuk membebaskan daerah itu daripada empayar Minh Menh³¹.

Adakah kehadiran tentera Melayu di Campa dan tentera Siam di Vietnam di waktu yang sama, merupakan satu kebetulan? Walaupun kami tidak pasti perkara ini, tetapi dalam suasana seperti ini satu persoalan yang menjadi tanda tanya, adakah Kerajaan Kelantan dan Siam telah bersepakat mengirinkan tentera mereka untuk membantu pergerakan Katip Sumat di Campa dan Le Van Khoi di Vietnam Selatan. Dalam hal ini, Siam tidak suka mengabaikan pergolakan politik di kawasan wilayah Vietnam (Saigon sampai Ha Tien) yang pernah menjadi kawasan bawah taklukannya pada akhir abad ke-XVIII Masihi.

Tahun 1832–1834 Masihi merupakan zaman keganasan dan kezaliman terhadap peribumi Campa oleh kerana peribumi Campa menolak kepercayaan Buddha yang dibawa oleh Maharaja Minh Menh. Pergerakan Islam itu memperlihatkan ketabahan orang Campa berpegang teguh pada Allah dan tradisi mereka.

Sungguhpun ada bantuan ketenteraan dari Kelantan, pergerakan Islam itu masih tidak mampu menentang Maharaja Minh Menh. Oleh kerana Maharaja ini merupakan seorang raja yang mempunyai kuasa mutlak (absolute power), dan mempunyai pemerintahan pusat yang kuat, maka baginda dapat menghapuskan

28 Berkenaan dengan Sultan Muhamad I, lihat Rahmat bin Saripan. *Salient Features of the 19th century Kelantan Sultanate*, in *Malaysia in History*, V. 26, 1983, hlm. 5–11; Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay relations. Traditional intra-regional Relation from the seventeenth to the early twentieth century*. (Singapore, Oxford University Press, Oxford New York), 1988.

29 Abdullah b. Mohamed (Nakula), 1981, hlm. 26 dan lampiran III.

30 Lihat Kobkua Suwannathat-Pian, 1988. Rahmat bin Saripan, 1983.

31 Lihat Po Dharma, 1987 hlm. 141–142. *Kronik Vietnam: Minh Menh Chinh Yeu*, T.I. hlm. 69; *Dai Nam Thuc Luc Chinh Bien*, T. XII, hlm. 282–284; *Dai Nam Nhat Thong Chi*, T. XII, hlm. 136–137.

semua bentuk elemen dan pengaruh yang bukan Vietnam di dalam empayarnya. Dengan sifatnya «*sesejuk batu marmar*», penuh dengan muslihat, zalim dan bengis, maka baginda menghapuskan semua orang yang cuba membantah kekuasaannya³². Baginda telah melakukan kekejaman yang tidak berperikemanusiaan terhadap pejuang-pejuang pergerakan Islam dan rakyat Campa. Keganasannya tidak terbatas kepada orang-orang Campa sahaja, malahan baginda telah membunuh adik iparnya bersama dua orang anak setelah dia melakukan perhubungan jenis dan melakukan kezaliman terhadap kaumnya (Vietnam) sendiri, terutamanya orang-orang Vietnam beragama Kristian³³.

Pergerakan Islam Katip Sumat mengalami kekalahan dalam menghadapi dasar Maharaja Minh Menh, tetapi peristiwa ini tetap dikenang dalam sejarah Indochina.

Bibliografi

- Abdullah bin Mohamed (Nakula), "Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah", Kota Bharu, Kelantan, 1981, 45 hlm.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Campa dans la litterature malais", in *Actes du Seminaire sur le Campa*, Paris, 1988, p. 120.
- Aymonier, E.É., "Legendes historiques des chams", in *E.R.* XIV (32), 1980, pp. 145-206.
- Aymonier, A., "Les Tchams et leurs religions" in *Revue d'histoire des religions*, T. XXIV, 1891, pp. 187-237, 261-315.
- Brown, C.C. "Sejarah Melayu". ("Malay Annals"), dalam *JMBRAS*, Jld. XXV, Okt. 1952, pp. 108-111.
- Cabaton, A., "Notes Sur l'Islam dane d'Indochine Francaise" in *Revue du monde musulman*, T. I, 1906, pp. 27-47 et T.II, 1907, pp. 129-180.
- Coedes, G. "Les Etats Hindouises d'Indonechine et d'Indonesie", Paris, 1964.
- Dharma, Po, "Notes ur les cam du Cambodge", in *Seksa Khmer*, No 3-4, 1981, pp. 161-183.
- Dharma, Po, "Le Panduranga (Campa) 1802-1835; Ses rapports avec le Vietnam, PESEO, 1987.
- Dharma, Po, "Chroniques du Panduranga", EPHE, IVe section, Paris 1978 et Panduranga (Campa), 1987.
- Dharma, Po, "Les frontieres du Campa", in *Histoire des frontieres de la Peninsule Indochinoise I: VIETNAM* (akan diterbitkan).
- Durand, E. "Le temple du Po Rome a Phanrang", BESEO, III, 1903, pp. 602-603.
- Gaultier, M. "Minh Menh". T. II, Saigon, 1935.
- Kobkua Suwannathat-Pian, "Thai-Malay relations. Traditional intra-regional Relation from the seventeenth to the early twentieth century" Singapore, Oxford University Press, Oxford New York, 1988.
- Lafont, P.B., "Apperais sur les relations entre le Campa et l'Asia du Sud-Est",

32 Po Dharma, 1987, hlm. 89. Lihat juga Truong Vinh Ky, *Cours d'histoire annamite a l'usage des ecoles de la Basse-Cochinchine*, V. I, II, Saigon, 1875, 1879; J. Sylvestre, *L'Insurrection de Gia Dinh: La Revolte de le Van Khoi (832-1834)* in *Revue d'Indo-Chinoise*, Hanoi, 1915; M. Gaultier, *Minh Menh*, T. II, Saigon, 1935.

33 Po Dharma, 1987, hlm. 101, note 18.

- in Actes du Seminaire sur le Campa (Universite de Copenhague), Paris, 1988, pp. 71-80.
- Les Annales Vietnamiennes: Dai Nam Nhat Thong Chi, Dai Nam Thuc Luc, Dai Viet Su Ky Toan Thu, Hong Duc Ban Do, Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc.
- Leuba, J., "Un royaume disparu. Les Cham et leur art". Paris, 1923.
- Manguin, P.Y., "Introduction de l'Islam au Campa" in BEFEO, LXVI, 1977, pp. 255-287.
- Manuscrit cam: CM 32(6), CM 24(5), CM 26(14).
- Maspero, G., "Le Royaume de Champa", Paris, 1928.
- Qua Dinh Boi, Bieu ke cac doi vua Chiem Thanh (manuskrip yang dicetak), 1971, 23 hlm.
- Rahmat bin Saripan, "Salient Features of the 19th century Kelantan Sultanate" in Malaysia in History, Vol. 26, 1983, pp. 5-11.
- Rondot, P. "Notes sur les Cham Bani du Binh Thuau", Extrait de la Revue des Etudes Islamiques, Paris, 1950.
- Sylvestre, J. "L'Insurrection de Gia Dinh: La Revolte de la Van Khoi (1832-1834)" in Revue d'Indochinoise, Hanoi, 1915.
- Thien Sanh Canh, "Le Kate va su tich Po Rome", PTST, No. 10, 1977, p. 7.
- Truong Vinh Ky, "Cours d'histoire annamite a l'usage des ecoles de la Basse-Cochinchine", V, I, II, Saigon, 1875, 1879.

Persidangan Serantau Ke-4 Majlis Antarabangsa Muzium-Muzium di Asia dan Pasifik

DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH

Persidangan ICOM

PERSIDANGAN Serantau Ke-4 Majlis Antarabangsa Muzium-Muzium di Asia dan Pasifik [*The Fourth Regional Assembly of International Council of Museums (ICOM) in Asia and the Pacific*] telah diadakan di Beijing, di negara Republik Rakyat China, selama enam hari dari 1 hingga 6 Mac 1989. Persidangan itu telah diadakan di Bilik Tetamu, Tingkat 5, Bangunan Muzium Tentera Revolusi Rakyat China (*The Military Museum of the Chinese People's Revolution*) yang terletak di Fuxing Road (Central) sebelah selatan Yuyuantau Park, Beijing.

Jawatankuasa Kebangsaan ICOM China (*The Chinese National Committee for ICOM*) dan Persatuan Muzium China (*The Chinese Society of Museums*) telah menjadi tuan-rumah kepada Persidangan itu.

Persidangan itu telah dihadiri oleh wakil-wakil ICOM di negara-negara anggota ICOM di Asia dan Pasifik seperti Republik Rakyat China, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, Kanada, Australia, New Zealand, United Kingdom, USSR, Thailand, Sri Lanka, India, Bangladesh dan Malaysia.

Perwakilan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah Muzium Negara merangkap Pengerusi Jawatankuasa ICOM bagi Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Shahrum bin Yub, terdiri dari 21 orang yang mewakili ICOM Malaysia, Muzium Negara dan Muzium-Muzium Negeri di Malaysia.

Sehubungan dengan ini, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah diwakili oleh tiga orang: iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mansor bin Salleh, Ahli Ex-Co Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan Negeri dan Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan; Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, Ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan; dan Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad, Pengarah Muzium Kelantan merangkap Setiausaha Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Disamping itu Encik Jazamuddin bin Baharuddin Kurator Kehormat Muzium Negara dan

sebagai ahli Perwakilan Malaysia dan juga ahli jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Seramai empat orang peserta telah memberi ucapan utama (keynote address) di Persidangan itu yang bertema seperti berikut:

- Tema 1 :** ICOFOM and Museological Studies in Asia and the Pacific
(oleh Dr. Vinos Sofka, Chairman of ICOM Museology Committee/ICOFOM).
- Tema 2 :** Roles of the Museum in Social Education in Asia and the Pacific.
(oleh Dr. Donald Mc Michael C.B.E. Director of National Museum Australia).
- Tema 3 :** The Relation of ICOM and Asian-Pacific Region.
(oleh Mr. Brian Arthur, Chairman of ICOM Advisory Committee).
- Tema 4 :** Museological Studies in China:
(oleh Prof. Su Dong-hai, Editor in Chief of Chinese Museum Magazine).

Ucapan-ucapan utama itu telah dibuat pada hari kedua persidangan (2.3.1989). Pada hari keempat dan keenam (4.3.1989-6.3.1989) telah diadakan pula 'panel discussions' bagi membincang keempat-empat ucapan utama itu. Semasa 'Panel discussions' tersebut sebanyak lapan kertas kerja telah dibentang dan dibincangkan oleh para peserta. Kertas-kertas Kerja tersebut adalah seperti yang disenaraikan di bawah ini:

- i) Present Condition and Trends of Museological Study in Asia and the Pacific.
[oleh Mr. Tadashi Inamura (Jepun)]
- ii) Regional Exchanges and Cooperation of Museum Profession in Asia and the Pacific.
[oleh Mr. Tadashi Inamura (Jepun)]
- iii) The Roles of Museums in Social Education in Asia and the Pacific.
[oleh Ms. Megumi Ochi (Jepun)]
- iv) The Role of Museums in Social Education in Malaysia.
[oleh Dato Shahrum bin Yub (Malaysia)]
- v) Roles of Museums in Asia and the Pacific.
[oleh Mr. Tadashi Inamura (Jepun)]
- vi) Museum Training in Australia.
[oleh Mr. W.D.L. Ride (Australia)]
- vii) Developments in Australian Museums in the period 1978 to 1988.
[oleh Mr. Tom Campbell (Australia)]
- viii) The Preservation, Use and Current State of the National Heritage of the Museum of Oriental Art.
[oleh Mr. Vladimir Nabatchkov (U.S.S.R.)]



Penulis bersama dengan Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad, Pengarah Muzium Negeri Kelantan dihadapan bangunan utama Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing.



Di Dewan Persidangan ICOM dibangunan Muzium Tentera Revolusi Rakyat China, Beijing. Dari kiri: Cik Patricia Regis, Pengarah Muzium Negeri Sabah; YB Tuan Haji Mansor bin Salleh; Penulis; Tuan Haji Wan Ali bin Wan Ahmad; dan Encik Jazamuddin bin Baharuddin.

Pada hari terakhir iaitu 6 Mac 1989, Persidangan itu telah meluluskan enam Resolusi seperti berikut:

- Resolusi 1: Museum in China
- Resolusi 2: Museums and Social Education
- Resolusi 3: ICOM and Asia and the Pacific
- Resolusi 4: Museums and Museology in Asia and the Pacific Region.
- Resolusi 5: Regional Cooperation among Museums in Asia and the Pacific.

Catatan: Teks kelima-lima resolusi yang tersebut di atas dilampirkan sebagai Lampiran 'A'.

Hubungan Kelantan-China

Lawatan ke Beijing oleh 3 orang wakil dari Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bersama dengan delegasi Malaysia untuk menghadiri Persidangan 'The Fourth Assembly of ICOM in Asia and the Pacific', yang berlangsung dari 1 hingga 5 Mac 1989 itu merupakan satu lawatan yang bersejarah dipandang dari segi hubungan di antara negeri Kelantan dengan negeri China. Kalau tidak silap ingatan penulis, lawatan oleh 3 orang wakil dari Kelantan ke China itu merupakan pula lawatan keempat kali oleh orang-orang Kelantan ke negeri China di zaman moden ini. Sebelum itu penulis sendiri telah dua kali membuat lawatan ke negeri China iaitu kali pertama pada bulan Jun 1974 (bersama dengan delegasi Malaysia yang diketuai oleh Y.A.B. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia) dan kali kedua pada bulan November 1986 (bersama dengan delegasi Malaysia yang diketuai oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia). Dalam pada itu YBM Tengku Razaleigh Hamzah semasa menjadi Menteri Kewangan Malaysia pernah juga melawat negeri China.

Mengikut Sejarah Dinasti Ming (1368-1644 Masihi) yang ditulis oleh Chang Ting-Yu dalam tahun 1742¹ Masihi dikatakan bahawa dalam tahun 1411 Masihi raja negeri Kelantan yang bergelar Maharaja Ku-ma-r (Maharaja Kumar?) telah mengutus sebuah perwakilan ke negeri China untuk membawa upeti kepada Maharaja China dan dalam tahun 1412 Masihi Cheng Ho mendapat perintah dari Maharaja China supaya membawa surat diraja serta juga hadiah kain sutera kepada Maharaja Ku-ma-r, raja Kelantan. Surat itu antara lain memuji raja Kelantan itu kerana tingkah lakunya yang baik.

Hubungan di antara Kelantan dengan China nampaknya telah bermula sebelum abad 15 Masihi lagi. Mengikut pendapat beberapa ahli sejarah dikatakan negeri-negeri lama yang disebut oleh orang-orang Cina sebagai 'Tan-tan' dan 'Chih-tu' itu ialah negeri Kelantan yang diketahui telah wujud dalam abad 6 dan abad 7 Masihi. Dalam hubungan ini dikatakan negeri 'Tan-tan' telah menghantar perutusan ke negeri China pada tahun-tahun 530, 531, 535, 571 (dua kali), 581, 616, 666-667 dan 668-669 Masihi, manakala 'Chih-tu' pula telah menghantar perutusannya ke negeri China pada tahun-tahun 608, 609, dan 610 Masihi². Jika pendapat mereka itu benar maka bolehlah dibuat kesimpulan bahawa orang-orang dari Kelantan telah pergi atau melawat negeri China sejak

1 Groeneveldt, W.P., "Historical Notes on Indonesia and Malaya (compiled from Chinese Sources), Jakarta, 1960, hlm. 139.

2 Wheatley, Paul, "The Golden Khersonese", Kuala Lumpur, 1961, hlm. 118-119.

dari abad 6 Masihi lagi mengikut catatan sejarah yang ada. Memandangkan Kelantan sebuah negeri yang tua sejarahnya atau usianya maka besar kemungkinan bahawa orang-orang Kelantan telah pergi ke negeri China lebih awal lagi dari abad 6 Masihi.

Mengikut catatan sejarah orang-orang dari negeri China telah juga melawat Kelantan di zaman lampau. Dikatakan bahawa di zaman pemerintah Dinasti Wu (229–280 Masihi) yang berpusat di Kota Nanjing (Nanking) dua orang pegawai China yang bernama Kang Tai dan Chu Ying telah dihantar menjelajah rantau Asia Tenggara. Di antara negeri-negeri yang dipercayai telah dilawati oleh mereka ialah Kelantan³. Apakah nama sebenar negeri Kelantan di zaman itu tidak diketahui. Kemudian dalam tahun 1412 Masihi Cheng Ho telah melawat Kelantan seperti yang telah disebut di atas. Di sekitar tahun 1780–1790 Masihi seorang lagi orang Cina (penulis dan pengembara) bernama Hsieh Ching-Kao telah melawat Kelantan⁴.

Tempat-Tempat Bersejarah Yang Dilawati di Beijing

Semasa berada di Beijing selama 6 hari itu kami telah mengambil peluang melawat tempat-tempat bersejarah di dalam bandaraya Beijing dan sekitarnya. Tempat-tempat yang telah dilawati oleh kami itu adalah seperti berikut:

a) Istana Musim Panas (Summer Palace)

Ini adalah satu-satunya taman yang masyhur di Beijing. Kawasan Istana ini meliputi Bukit Panjang Umur (Longevity Hill) dan Tasik Kunming



Di hadapan bangunan Muzium Nasional China, Beijing.

³ The Straits Times, 24 Jun 1974.

⁴ Tweedie, M.W.F. "An Early Chinese Account of Kelantan" JMBRAS, 26(1), 1953.



Dipintu masuk ke Palace Muzium, Beijing.

(Kunming Lake). Di dalam zaman pemerintahan Emperor Qianlong (1736–1795 Masihi) dari Dinasti Qing (1636–1912 Masihi) pembaharuan Istana itu secara besar-besaran telah dilakukan dan pada masa itu juga Taman Qingyi (Qingyi Garden) telah dibina. Kemudian Taman itu telah diubah namanya kepada Yiheyuan. Di dalam tahun 1860 dan 1900 Masihi, Taman itu telah dua kali dimusnahkan oleh Penyerang-penyerang asing dan telah dua kali pula diperbaiki.

b) **Bandaraya Larangan (Forbidden City)**

Sekarang dipanggil Muzium Istana (Palace Museum). Ia adalah bekas istana raja China di zaman-zaman pemerintahan Dinasti Ming (1638–1644 Masihi) dan Dinasti Qing (1636–1912 Masihi). Istana ini telah dibina pada tahun 1420 Masihi. Pembinaannya telah dirancang dengan teliti dan rapi dan dibina dengan indah sekali. Istana diraja ini adalah istana yang lengkap sekali yang masih wujud di negara China. Pelbagai barang-barang lama bersejarah dan hasil kerajinan tangan yang tinggi mutu dan amat berharga ada disimpan di dalam istana ini.

c) **Tembok Besar (Great Wall)**

Tembok Besar adalah sebuah projek senibina yang paling besar yang telah dilaksanakan di negeri China di zaman silam. Dalam abad ke-7 Masihi tembok-tembok pertahanan di negara-negara bahagian dalam negeri China mula muncul. Emperor Qinshihuang telah menyambung

atau mencantumkan tembok-tembok tersebut sehingga menjadi suatu Tembok Besar. Tambahan-tambahan kemudian telah dibuat kepada tembok-tembok yang sedia ada itu di zaman-zaman pemerintahan dinasti-dinasti yang lain sesudahnya. Di dalam zaman pemerintahan Dinasti Ming (1368–1644 Masihi) struktur tanah yang asal tembok itu telah diubah menjadi binaan batu dan bata. Tembok Besar China panjangnya ialah 6,000 kilometer.

d) **Makam Ming (Ming Tombs)**

Makam Ming ialah kawasan makam 13 orang Emperor China dari Dinasti Ming (1368–1644 Masihi). Changling atau Makam Zhu Di adalah makam yang terbesar dan terbaik sekali dipelihara. Istana bawah tanah di Dingling (atau makam Zhu Yijun, Emperor ke-13 dari Dinasti Ming) telah digali dalam tahun 1957.

e) **Muzium Tentera Revolusi Rakyat China (Military Museum of the Chinese People's Revolution).**

Ia adalah Muzium Kebangsaan Tentera China. Bahan-bahan yang dipamerkan ialah yang berkaitan dengan sejarah ketenteraan China di zaman-zaman purba, moden dan masa kini. Dipamerkan juga peralatan dan kelengkapan tentera seperti pelbagai jenis senjata api (senapang, pistol dan meriam), peluru, kereta kebal, pesawat terbang, kapal perang dan roket, yang digunakan oleh Tentera Pembebasan Rakyat Cina (People's Liberation Army) dan juga yang ditawan/dirampas dari musuh.

f) **Muzium Sains dan Teknologi China (China Museum of Science and Technology)**

Di dalamnya dipamerkan pencapaian dan kemajuan bangsa dan negara China di bidang sains dan teknologi seperti pembuatan kain sutera, bangunan, kapal, kertas, jentera dan lain-lain lagi.

Di samping itu kami berkesempatan juga melawat Lapangan Tiananmen (Tiananmen Square), Makam atau Mausolium Mao Zedong (Mausoleum of Mao Zedong) dan Dewan Besar Rakyat (Great Hall of the People).

Muzium-Muzium di Beijing

Oleh kerana pemergian kami ke Beijing adalah untuk menghadiri persidangan mengenai muzium maka amat sesuai jika disebutkan di sini dengan ringkas tentang muzium-muzium yang ada di Beijing.

Negara Republik Rakyat China adalah sebuah negara yang besar di dunia bahkan dikatakan juga sebagai sebuah Kuasa Besar (Super Power) di dunia di samping Amerika Syarikat dan Russia. Bangsa dan negara China amat memberi perhatian dan mengambil berat tentang sejarah negara dan bangsa mereka. Oleh itu tidak hairanlah jika kita dapati ada 21 buah muzium di Bandaraya Beijing yang berpenduduk seramai kira-kira 10 juta orang.

Dua puluh satu buah muzium tersebut disenaraikan di bawah ini:

i) **Muzium Istana (The Palace Museum).**



Diatas Tembok Besar di utara Bandaraya Beijing.



Didalam perkarangan Summer Palace, Beijing.

- Dikelasifikasikan sebagai Muzium Komprehensif Nasional (National Comprehensive Museum).
Bahan Pameran: Istana diraja Dinasti-Dinasti Ming dan Qing, dan bahan-bahan seni purba.
- ii) **Muzium Sejarah China** (Museum of the History of China)
Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sejarah Nasional (National Historical Museum).
Bahan Pameran: Bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah purba China.
- iii) **Muzium Revolusi China** (The Museum of Chinese Revolution)
Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sejarah Nasional.
Bahan Pameran: Bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah Revolusi Demokratik Rakyat China.
- iv) **Muzium Tentera Revolusi Rakyat China** (Military Museum of the Chinese People's Revolution).
Dikelasifikasikan sebagai Muzium Tentera Nasional.
Bahan Pameran: Peralatan perang dan senjata yang berkaitan dengan sejarah ketenteraan China di zaman-zaman purba, moden dan masa kini.
- v) **Muzium Pertanian China** (The Museum of Chinese Agriculture)
Dikelasifikasikan sebagai Muzium Pertanian Nasional.
Bahan Pameran: Bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah purba sains pertanian dan teknologi China, sumber-sumber dan bidang-bidang pertanian China, dan kawalan dan penggunaan sumber-sumber dalam air.
- vi) **Muzium Sains dan Teknologi China** (China Museum of Science and Technology)
Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sains dan Teknologi Nasional.
Bahan Pameran. Pencapaian dan kemajuan negara China di bidang sains dan teknologi. Mempopularisasikan ilmu sains.
- vii) **Muzium Galian China** (The Geological Museum of China)

- Dikelasifikasikan sebagai Muzium Galian Nasional.
- Bahan Pameran: sumber-sumber galian, sejarah bumi (history of the globe), enapan-enapan logam (mineral deposits) dan batu-batu permata China.
- viii) **Muzium Stem China (China Stamp Museum)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Khas Nasional (National Special Museum).
 Bahan Pameran: Stem-stem China yang lama dan baru.
- ix) **Balai Seni China (Chinese Art Gallery)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Seni Moden Nasional.
 Bahan Pameran: Seni halus seperti lukisan, ukiran dan senibina China zaman moden dan masa kini.
- x) **Muzium Lu Xun, Beijing (Lu Xun Museum, Beijing)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Memorial.
 Bahan Pameran: Sejarah hidup Lu Xun dan kegiatan-kegiatan dan karya-karya sastera beliau.
- xi) **Muzium Ibu Kota (The Capital Museum)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Komprehensif Tempatan.
 Bahan Pameran: Sejarah Bandaraya Beijing.
- xii) **Muzium Xu Beihong (Xu Beihong Museum)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Memorial.
 Bahan Pameran: Sejarah hidup Xu Beihong dan contoh-contoh lukisan mengikut zamannya.
- xiii) **Bekas Kediaman Song Qingling (The Former Residence of Song Qingling)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Memorial.
 Bahan Pameran: Sejarah hidup Song Qingling dan kediamannya dalam bentuk asalnya.
- xiv) **Muzium Seni Lukis dan Pertukangan Beijing (Beijing Museum of Arts and Crafts)**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Seni Lukis dan Pertukangan.
 Bahan Pameran: Bahan-bahan dari batu

- hijau (jade), tembikar (porcelains), cloisonne, 'carved lacquerwares', dan pertukangan rakyat dan lukisan.
- xv) **Da Zhong Si Ancient Bell Museum Beijing**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Khas Bahan Pameran: Sejarah loceng-loceng purba China dan loceng-loceng purba yang dibuat dalam zaman pemerintahan Ming (1638–1644 Masihi) dan Qing (1636–1912 Masihi).
- xvi) **Muzium Makam Dabaotai Dinasti Han Barat**
 (Museum of Dabaotai Tombs of Western Dynasty).
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Khas Bahan Pameran: bilik-bilik makam Putera Yen dari Dinasti Han Barat (206 s.m. – 24 Masihi) dan bahan-bahan yang berkaitan dengan upacara pemakaman.
- xvii) **Beijing Planetarium**
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sains dan Teknologi.
 Bahan Pameran: Ilmu yang berkaitan dengan kajibintang (ilmu falak) dan pencapaian dan kemajuan bangsa China purba di bidang ilmu kajibintang.
- xviii) **Muzium Sejarah Semulajadi Beijing**
 (Beijing Museum of Natural History)
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sejarah Semulajadi.
 Bahan Pameran: Evolusi manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan, dan fosil-fosil peninggalan zaman purbakala.
- xix) **Muzium Makam Dingling**
 (Museum of Dingling Tomb)
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sejarah.
 Bahan Pameran: Senibina makam, istana bawah tanah dan bahan-bahan peninggalan sejarah yang diketemukan.
- xx) **Observatori Purba Beijing**
 (The Ancient Beijing Observatory)
 Dikelasifikasikan sebagai Muzium Sains dan Teknologi.
 Bahan Pameran: Alat-alat purba kajibintang dalam bentuk asalnya.
- xxi) **Bekas Kediaman Mao Dun**
 (Mao Dun's Former Residence)



Dihadapan Masjid di Beijing setelah menunaikan Fardhu Jumaat.



Disebelah mimbar Masjid terbesar dan tertua di Beijing setelah menunaikan Fardhu Maghrib. Disebelah kiri sekali ialah Encik Abdul Hamid bin Osman, Konsular di Kedutaan Besar Malaysia, Beijing.

Dikelasifikasikan sebagai Muzium Memorial.
Bahan Pameran: Sejarah hidup Mao Dun
dan tempat kediamannya dalam bentuk
asalnya.

Masjid di Beijing

Semasa berada di Beijing, ramai diantara anggota delegasi Malaysia telah berpeluang menunaikan fardhu Jumaat (pada 3 Mac 1989) di sebuah masjid di Ibu Kota Negara China itu. Masjid itu difahamkan berusia lebih kurang 300 tahun dan boleh muat seramai 500 orang. Pada 6 Mac 1989 penulis dan isteri dan dua wakil dari Perbadanan Muzium Kelantan serta Konsul di Kedutaan Besar Malaysia di Beijing telah melawat dan bersembahyang fardhu maghrib di masjid yang dikatakan berusia kira-kira seribu tahun dan merupakan masjid yang paling tertua di bandaraya Beijing. Penulis difahamkan pada masa ini ada kira-kira 20 buah masjid di Beijing.

Dua buah masjid tersebut di atas berbentuk senebina China seperti rumah Tok Kong, tetapi tanpa patung dan ukiran berbentuk naga dan lain-lain binatang. Ukiran atau lukisan yang terdapat di dinding bangunan masjid itu berbentuk bunga sahaja dan ayat-ayat suci al-Quran yang dicat dengan warna kuning. Dinding luar dan dalam bangunan masjid itu pula dicat dengan warna merah seluruhnya.

Sekianlah catatan ringkas penulis mengenai Persidangan ICOM di Beijing untuk pengetahuan kita bersama.

LAMPIRAN A

Draft Resolution 1 Museums in China

Appreciating the opportunity provided by the Government of the People's Republic of China to meet in the historic Chinese capital of Beijing and to visit many of its great museums and ancient monuments and sites.

Noting with pleasure the excellent organization of the meetings undertaken by the Chinese National Committee of ICOM and the Chinese Society of Museums.

Acknowledging also the assistance of UNESCO, the Executive Board of the ICOM Regional Agency for Asia and the Pacific and especially Mr. Soichiro Tsuruta, member of the Executive Council of ICOM.

The Fourth Regional Assembly of ICOM in Asia and the Pacific, meeting in Beijing, People's Republic of China from 1 to 7 March 1989:

- (1) Thanks to the Chinese Government and people and the Chinese National Committee for ICOM for their generosity in making this assembly possible.
- (2) Draws attention to the important place that museums have in Chinese society, and their significance as sources of inspiration and learning for the Chinese people as well as for foreign visitors to China.
- (3) Urges the Chinese Government to ensure that the quality of the museums is

sustained and wherever possible or necessary enhanced by the provision of sufficient funds to enable the necessary work of preserving and presenting China's cultural and natural heritage to continue.

(4) Encourages the Chinese Government to facilitate the exchange of personnel, students and specialist advisers between China and other countries in the region especially for the training and the sharing of knowledge and experience relevant to museums and cultural heritage.

Draft Resolution 2 Museums and Social Education

Noting the importance of life-long education as fundamental requirement for sustainable development and in particular the value of social education as a means of achieving greater awareness and understanding of important social issues.

Recognizing that museums can be most effective and important agents for social education through their exhibitions and out-reach activities.

The Fourth Regional Assembly of ICOM in Asia and the Pacific, meeting in Beijing, People's Republic of China from 1 to 7 March 1989:

- (1) Urges museum, governing boards, directors, curators and other professional museum workers to give greater emphasis to social education in their public programmes.
- (2) Requests governments and other agencies providing funds for museums to ensure that they are sufficient to enable the implementation of effective social educational programmes.
- (3) Encourages the exchange of information between museums in the region about successful museum social educational activities, so that they might be adapted for use in other countries as appropriate.

Draft Resolution 3 ICOM and Asia and the Pacific

Noting the value to the museum community of the work of ICOM, at the international, regional and national levels. Recognizing the significant contribution that ICOM makes through its activities to the reservation and presentation of the world's cultural heritage for the benefit of mankind as a whole.

Particularly appreciating the advantages to museums and professional museum workers from Asian and Pacific countries in participating in the work of the ICOM National Committees and the Regional Agency.

The Fourth Regional Assembly of ICOM in Asia and the Pacific, meeting in Beijing, People's Republic of China from 1 to 7 March 1989.

- (1) Invites museums and professional museum workers throughout the region to seek membership of ICOM through their national committees.
- (2) Encourages ICOM members in the region to join the ICOM international committees relevant to their professional interests and to participate actively in the work of those committees thus contributing to the effectiveness of the ICOM network worldwide.

- (3) Requests ICOM to seek ways and means of facilitating active involvement by professional museum workers from the region in its work and especially their participation in ICOM's General Assemblies and General Conferences.
- (4) Urges Unesco to continue and when possible, increase its financial support of ICOM as the most effective means of mobilizing the resource of the world museum community for the preservation and presentation of the world's cultural heritage.

Draft Resolution 4 **Museums and Museology in Asia and the Pacific Region**

Noting the importance of the science of museology for professional museum works and for museums and their development in the Asian and Pacific Region, through offering a theoretical basis for their work and providing solutions to practical problems.

The Fourth Regional Assembly of ICOM in Asia and the Pacific, meeting in Beijing, People's Republic of China from 1 to 7 March, 1989.

- (1) Encourages individual and institutional members of ICOM in the region to make themselves familiar with museological research and to contribute to it, by making their own studies wherever possible, either individually or in joint projects, and to use the results of such research in carrying out their work.
- (2) Urges them to support museological training, whether in-service, mid-career or at university level, and to collaborate to that end in particular with universities and their departments of museum studies and by providing information on courses that are available;
- (3) Requests them to consider organizing symposia and seminars on museology with particular reference to the problems of the region;
- (4) Recommends that they participate in the work of ICOFOM (the International Committee of Museology) and establish a working group of the Committee group of the Committee in the region to promote knowledge of museology in general and the application of the results of museological research to the academic and practical needs of museums and professional museums workers in the region.

Draft Resolution 5 **Regional Cooperation among Museums in Asia and the Pacific**

Recognizing that the Asia and Pacific region contains over one half of the world's population who are responsible for a significant part of the natural and cultural heritage and achievement of mankind.

Noting that the museums of Asia and the Pacific have the principal responsibility for ensuring that this rich heritage is preserved and protected for the benefit of people everywhere but especially for the peoples of the region, and that many countries in Asia and the Pacific are engaged in the struggle for economic development and do not have the resources to carry out this task.

Appreciating that cooperation between nations is essential if this priceless

heritage is to be safeguarded and that governments, international agencies and the museum community are the principal agents by which this cooperation can be achieved.

The 4th Regional Assembly of ICOM in Asia and the Pacific, meeting in Beijing, People's Republic of China, from 1 to 7 March, 1989.

- (1) Urges the member countries of the region to support the work of the ICOM Regional Agency in every way possible as a central element in the development of international cooperation among museums in Asia and the Pacific and in particular the holding of regular regional assemblies.
- (2) Encourages governments of the region to host meetings of museum specialists for the exchange of ideas and experience and to facilitate joint projects between museums in different countries.
- (3) Requests developed countries both within and without the region to provide training opportunities and other forms of support for museum workers from Asian and Pacific countries.
- (4) Supports the conclusion of cultural exchange agreements between the governments of the region, especially to promote the exchange of publications, films and other audio-visual productions, exhibitions and personnel, cooperation in research, the establishment of centres for the transfer of museum resources between developed and developing countries, and the establishment of one-to-one relationships between museums in the region.
- (5) Asks the International Committees of ICOM to keep in mind the desirability of holding meetings in Asian and Pacific countries, and to explore with the national committees of the regions the possibility of them hosting such meetings, in association with neighbouring ICOM national committees.

Karya Perancis dalam Sastera Melayu Moden Terbitan Kelantan

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

BERBEZA dengan Indonesia, citra dan pemikiran Perancis dalam sastera Melayu moden khususnya di Kelantan disalur melalui saluran bahasa Arab dan Siam. Sebaliknya di Indonesia disalur melalui saluran bahasa Cina dan Belanda. Di Malaysia, citra dan pemikiran Perancis lebih terkemudian dibandingkan dengan Indonesia yang muncul dalam akhir abad ke-19 Masihi, sedangkan di Malaysia muncul dalam tahun 20-an abad ke-20 Masihi.

Di Indonesia untuk pertama kali dalam tahun 1875 Masihi terbitlah di Batawi (Batavia) sebuah roman sejarah berjudul "Lawah-lawah Merah"¹, sebuah roman yang terjadi pada abad ke-19 Masihi di negeri China Selatan di zaman pemberontakan Taiping. Roman yang berlatar-belakang negeri China ini diterjemah dari bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu Cina dipadankan dari karya Perancis berjudul 'L'Araignee Rouge'² (the Red Spider = Lawah-lawah Merah). Karya Perancis ini pernah pula diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda. Tidaklah diketahui siapkah penterjemah sebenarnya 'Lawah-lawah Merah' ini ke dalam bahasa Melayu Cina. Ada yang mengatakan ia diterjemah oleh mendiang Father F. Wiggers dan ada pula mengatakan oleh Lim Kim Hok dan F. Wiggers.

Sejak terjemahan pertama Lawah-lawah Merah ini maka pada akhir abad ke-19 Masihi berturut-turut diterbitkanlah karya-karya Perancis ke dalam bahasa Melayu Cina seperti *Le Tour Du Monde En Quatre Vingt Jour* (Menge-

* Makalah ini berasal dari kertas kerja yang telah dibentang pada Hari Sastera '85 di Pulau Pinang pada 28 November - 1 Disember 1985. Judul asal "Perancis Dalam Sastera Melayu Moden". Isinya yang disiarkan sekarang ini banyak telah ditambah terutama di bahagian awal dan akhir. Makalah ini sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis oleh Prof. Dr. Denys Lombard Paris untuk disiarkan dalam Majalah Archipel, Paris 1988.

1. Lihat Claudine Salmon. Lawah-lawah Merah on L'Araignee Rouge - Archipel 17 hlm. 63-69.

2. Lihat Claudine Salmon - Literature in Malay by the Chinese of Indonesia. Editions de la Maison des Sciences de L'Homme, Paris, hlm. 120.

lilingi Dunia Dalam 80 Hari) karya Jules Verne yang mungkin diterjemah oleh seorang yang bertandatangan L.T.H.M. diterbitkan di Semarang tahun 1890 Masihi. Kemudian terbit pula Comte De Monte Cristo karya Alexandre Dumas diterjemahkan oleh Lim Kim Hok dan F. Wiggers tahun 1894-99 Masihi. Dalam tahun 1896 Masihi di Batawi terbit roman berjudul Michel Strogoff karya Jules Verne diterjemahkan oleh orang yang menggunakan tandatangan M.C.³.

Pada permulaan abad ke-20 Masihi Lim Kim Hok menterjemahkan pula sebuah roman berjudul Flamberge karya Paul Sauniere dan roman Rocambole karya Ponson Du Terrail⁴. Mulai tahun 1928 Masihi muncullah berbagai-bagai cerita berasal dari karya Perancis seperti L'Home Qui rit oleh Victor Hugo dan Mon Uncle Jules and La Parure oleh Guy de Maupasant yang dimuat dalam majalah cerita: Penghidupan, Tjerita Roman dan Liberty⁵.

Dalam tahun 1920 Masihi Balai Pustaka di samping menerbitkan buku karya asli Melayu seperti Siti Nurbaya, Salah Asuhan dan lain-lain juga menerbitkan beberapa siri karya asing, di antaranya ialah karya Perancis 'Hikayat Tiga Panglima Perang' oleh Alexander Dumas⁶.

Tidaklah diketahui apakah Angkatan Pujangga Baru 1930-an dalam karya pengarangnya seperti Takdir Alisyahbana, Armun Pane, Sanusi Pane dan Amir Hamzah menyerapkan ide Perancis ke dalam karya mereka, namun yang pasti karya puisi-puisi Indonesia dari Angkatan Baru mendapat inspirasi sastra yang berkembang di negeri Belanda dari Angkatan Tachtigers⁷. Mungkin ide Perancis ini terserap dalam sastra baru Eropah dan sastra Belanda yang secara tidak langsung mendampakkan pula dalam sastra Indonesia Pujangga Baru (perlu diteliti lebih lanjut).

Selain Balai Pustaka dan Pujangga Baru ada pula roman-roman Indonesia terbitan Medan Sumatera. Salah seorang pengarang roman terkenal dari kelompok Medan ialah Hamka dengan roman terkenalnya Tenggelamnya Kapal Van der Wijck. Ada orang mengatakan roman Tenggelamnya Kapal Van der Wijck ini adalah plagiat dari roman Magdalina Karya Manfaluthi, Mesir yang disadur dari roman Perancis berjudul Sous Les Tilleuls⁸ (Di Bawah Naungan Pohon Tillin). Judul asal Arab ialah Magdulin au Takhta Zilal Al Zaizafun. Tuduhan terhadap plagiat Hamka ini menjadi polemik hebat di Jakarta dan Kuala Lumpur dalam tahun 60-an⁹.

Circa dan Fikiran Perancis dalam sastra Melayu moden dapat dilihat dalam dua jenis karya sastra; kreatif dan deskriptif. Dari kedua-dua jenis karya ini amat erat hubungan dengan pengaruh sastra dan fikiran Perancis dalam sastra dunia umumnya dan khususnya di Mesir.

Pengaruh Perancis di Mesir bermula dari sejak adanya kontek Perancis dengan Mesir dengan penyerbuan Napoleon ke Mesir tahun 1798 Masihi. Pengaruh itu kemudian amat dirasakan di zaman Mohamad Ali (1805-45 Masihi)¹⁰ dengan

3 Ibid., hlm. 31.

4 Ibid.

5 Ibid., hlm. 75.

6 Lihat - Nursinah Supardo - Kesusasteraan Indonesia, Fasco Jakarta 1951 hlm. 45.

7 Lihat A. Teeuw Sastra Baru Indonesia. Penerbit Universiti Malaya 1980 hlm. 42.

8 Ibid., hlm. 73.

9 Lihat Darajaf Rahman - Antara Imajinasi dan Hukum. Gunung Agung Jakarta 1986 hlm. 221, 234 dan Kasus Plagiat Tenggelamnya Kapal Van der Wijck. Pusat Dokumentasi H.B. Yassin, Taman Ismail Marzuki, Jakarta.

10 Lihat Umar Dasuki, *Fi Al-Adabi Al-Hadis*, Kaheerah: Darul Fikru Al-Arabi, hlm. 4-5.

adanya kegiatan terjemahan karya asing teristimewa karya Perancis ke dalam bahasa Arab.

Pada pertengahan dan akhir abad ke-19 Masihi berlaku pengaliran cendikiawan, pelajar Mesir dan orang-orang Arab Kristian Syria dan Lubnan ke Paris. Di antara cendikiawan Mesir yang amat berpengaruh dalam perkembangan sastera dan fikiran Perancis di Mesir ialah Syeikh Rifa'al Al-Tahtawi yang telah menterjemahkan karya Perancis *la Lyre Brisee*¹¹ ke dalam bahasa Arab dengan tajuk *Nazam Al-Uqud* (1827 Masihi) dan kemudian pada permulaan abad ke-20 Masihi tampil pula keluarga Ahmad Taymour, saudaranya Aisha Taymour dan Mohamad Taymour (anak Ahmad Taymour), Mohamad Hussein Haikal, Ibrahim Abdul Kadir Al-Mazni, Abbas Mahmud Al-Aqqad, Taufiq Al-Hakim, Taha Hussein dan Mahmud Tahir Lashin¹² serta beberapa tokoh agama seperti Muhammad Abduh dan Abdul Rashid Ridha dan lain-lain.

Peranan keluarga Ahmad Taymour di Kaherah pada permulaan abad ke-20 Masihi yang terpengaruh dengan drama dan opera di Paris ialah mengembangkan drama dan muzik dengan menjadikan mandarahnya (apartment) sebagai tempat kegiatan mereka. Kegiatan keluarga Ahmad Taymour mendapat sokongan kuat dari Khadive dengan membangun gedung opera di Kaherah sekitar tahun 1916 Masihi¹³. Di samping timbulnya kegiatan drama dan muzik tumbuh pula kegiatan sastera di Kaherah, di antara yang menjadi pelopor dalam bidang sastera kreatif ialah Mohamad Hussein Haikal dengan terbitnya novel pertamanya *Zainab* dalam tahun 1914 Masihi. (lihat *Lampiran A*).

Mengikut pengakuan Mohamad Hussein Haikal, novel *Zainab* ini mula ditulis di Paris pada tahun 1910 Masihi dan bahagian akhirnya ditulis di Geneva waktu lawatannya di musim sejuk ke Switzerland.¹⁴ Sejak novel *Zainab* diterbitkan di Mesir dalam 1914 Masihi maka banyakkah novel lain lahir hasil karya barisan pelopor kesusasteraan Arab Mesir. Mereka ialah; Al-Mazni dengan novelnya, *Ibrahim Al Katib* (Ibrahim si Penulis) (1931 Masihi), *Ibrahim Al-Thani* (Ibrahim Kedua) (1934 Masihi), Thalasa Rijal Wa Imra'a (Tiga lelaki dan seorang perempuan) (1943 Masihi). *Aud 'Ala Bad* (Kembali Ke Pangkal) (1944 Masihi), novel Abbas Mahmud Al-Aqqad ialah *Sara*. Novel Taha Hussein ialah *Adib* (1935 Masihi), *Du'a Al-Karawan* (Panggilan Burung Kendi) (1942 Masihi), *Al-Hub Al-Dai* (Cinta yang Hilang) (1943 Masihi), *Shajarat Al-Bus* (Pokok Sengsara) (1944 Masihi) dan *Al-Aiyam* (Hari-Hari) (1929 Masihi). Novel Taufiq Al-Hakim ialah *Audat Al-Ruh* (Kembalinya Jiwa) (1927 Masihi), *Yaimiyat Naib fi Aryaf* (Catatan Harian Hakim Di Desa) (1937 Masihi), *Ufour min Al-Sharq* (Belatik dari Timur) (1938 Masihi) dan *Al-Ribat Al-Muqadasah* (Ikatan Suci) (1945 Masihi). Novel Mahmud Tahir Lashin ialah *Hawa bila Adam* (Wanita tanpa lelaki) (1934 Masihi)¹⁵.

11 Lihat Clement Huart, *A History of Arabic Literature*, Beirut: Khayat Book, 1966, hlm. 414.

12 Lihat Fatma Moussa Mahmoud, *The Arab Novel in Egypt 1914-1970*, Cairo: General Egyptian Book Organization, hlm. 13-15 dan Hilary Kilpatrick, *The Modern Egyptian Novel*, London: Ataca Press, 1974, hlm. 19-54.

13 Lihat *The Arab Novel in Egypt*, *op. cit.*, hlm. 14.


14 Lihat *Zainab*, Dr. Mohamad Hussein Haikal, dalam Mukadimahnya, Darul Maarif, hlm. 7.

15 Lihat *The Modern Egyptian Novel*, *op. cit.*, hlm. 19-54.

مناظر
واخلاق
وآداب

زینب

للدكتور محمد حسين حيدر



'Zainab' novel pertama Mohamed Hussein Haikal (Mesir) - 1914 Masihi.

Di tengah-tengah kebangkitan semangat nasionalisme dan romantisme Mesir pada akhir abad ke-19 Masihi dan permulaan abad ke-20 Masihi maka ± dalam 1893 Masihi¹⁶ telah ada pelajar Melayu datang belajar di Universiti Al-Azhar. Di sekitar tahun 1922 Masihi mereka telah mendirikan persatuan Al-Jam'iah Al-Khairiah¹⁷ dan menerbitkan pula dalam bulan Oktober tahun 1925 Masihi sebuah majalah *Seruani Azhar*¹⁸. Dalam bulan Oktober 1927 Masihi terbitlah majalah di Kaherah bernama *Pilihan Timur*. Seorang dari pembantu utama majalah ini di Eropah ialah Osman Abdullah berasal dari Gombak Kuala Lumpur. Dalam majalah ini ditulishlah makalah berisi pembaharuan fikiran Islam dan sekali-sekala disiarkan juga fikiran dari Filosof Perancis seperti Jean Jaques Rousseau¹⁹ bahkan ada dcedok bahasa Perancis yang sifatnya filosofis *un pour tous et tous pour un*²⁰ (Satu untuk semua dan semua untuk satu).

Peranan lepasan pelajar-pelajar dan orang-orang yang berkaitan luas dengan Timur Tengah di tanahair ialah dengan menerbitkan majalah *Al-Imam* dalam tahun 1906 Masihi yang anggota redaksinya terdiri daripada Syeikh Mohamad Salim Al-Kalali dan Syeikh Tahir Jalaluddin, Sayyid Syeikh Al-Hadi dan Haji Abbas bin Mohd. Taha²¹. Dalam majalah ini kita dapati pula beberapa fikiran pembaharuan selain bersumber dari Islam sendiri ada juga fikiran itu berorientasikan fikiran Barat dan khususnya Perancis serta memperikan adanya seorang Perancis bernama Leon Ronche yang memasuki kota Mekah dan Madinah dalam tahun 1841-1842 Masihi yang diceritakan dalam bukunya bertajuk *Dix ans a travers l'Islam* (Sepuluh Tahun Memasuki Dunia Islam)²².

Salah satu citra dan fikiran Perancis di Mesir yang amat ketara mempengaruhi perkembangan sastera di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia sekarang) ialah dalam bidang novel detektif di sekitar tahun 1920-an. Di Perancis novel detektif muncul dengan cerita fiksiyen bertajuk *les Mysteres de Paris* oleh Eugene Sue (1804-1857 Masihi)²³, merupakan cerita pendahuluan bagi roman feuilleton oleh Ponson du Terrail (1829-1871 Masihi)²⁴ dengan novel detektifnya bertajuk *Les Drames de Paris* (1857-1884 Masihi). Novel detektif *Les Drames de Paris* diterbitkan bersiri terdiri dari 30 jilid²⁵.

16 Lihat William R. Roff, *Nasionalisme Melayu* (terj. Ahmad Bustamam), Penerbit Universiti Malaya, 1975, hlm. 76.

17 *Ibid.*, hlm. 110. Pada 16 Muharam 1346 Hijriah Al-Jeniah Al-Khairiah telah mengadakan musyawarah agung di Pondok Jawi yang dihadiri oleh 80 orang ahli-ahlinya berasal dari Semenanjung dan Indonesia untuk membahas surat-surat edaran yang dikirim ke Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia pada 6 bulan yang lalu. Al-Jamiah Al-Khairiah Al-Jawi ini diketuai oleh Fathul Rahman. Sebelum musyawarah dimulai mereka telah berkabung 5 minit untuk aruah Yang Maha Mulia Sultan Langkat, Sumatera Timur dan kematian Tuan Mohamad Yusuf Rajji dari Perak dan kematian Wan Mustafa bin Tengah dari Kelantan (lihat Pengasuh 30 Julai 1927 tahun 10, Bil. 225, hlm. 12).

18 *Ibid.*, hlm. 110.

19 *Pilihan Timur*, Bilangan 8, tahun 2, Oktober 1927, hlm. 156.

20 *Ibid.*, Bilangan 7 tahun pertama, Oktober 1927, hlm. 18.

21 Lihat *Nasionalisme Melayu*, op. cit., hlm. 75.

22 Lihat *Al-Imam*, Bilangan 7-5 Januari 1908, hlm. 221.

23 William R. Roff, *The Mystery of the First Malay Rokambol*, Bidragen Tot De Taal - Land - En volkenkunde Deel 130, hlm. 461.

24 *Ibid.*

25 Keterangan diperolehi dari Dr. Laurent Metzger seorang pensyarah bangsa Perancis di Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Dalam siri *les Drames de Paris* menggambarkan watak Rokambol yang selalu terlibat dalam peristiwa-peristiwa luar biasa, dia selalu menolong orang lemah menentang orang-orang kuat dan zalim. Ia (Rokambol) sangat terkenal di zaman Empayar Perancis kedua zaman Napoleon Ke-III (1850–1870 Masihi)²⁶.

Mengikut majalah *Al-Ikhwān* dalam siaran pertamanya untuk memperkenalkan novel Rokambol kepada pembaca dinyatakan bahawa Rokambol itu adalah Naib Yang Dipertua bagi kumpulan orang jahat di Perancis kemudian dapat ditangkap tetapi dapat melepaskan diri lalu lari ke India dan muncul semula di Paris. Kerana jatuh cinta kepada seorang gadis, Rokambol bertaubat menjadi orang baik menolong orang ramai, tetapi ia ditangkap lagi dan dipenjarakan selama 20 tahun. Walaupun ada kesempatan untuk melarikan diri namun kerana cinta ia sanggup meringkuk dalam penjara. Dan kisah dalam penjara ini menjadi penceritaan utama Rokambol²⁷.

Novel detektif Rokambol dalam *les Drames de Paris* ini sangat popular bukan sahaja di Mesir tetapi juga di Brazil dengan terbitnya cerita Rokambol yang dikarang oleh Craciliano Ramos dalam permulaan abad ke-20 Masihi²⁸ ini. Tidakkah diketahui apakah ada pertalian antara novel detektif Perancis ini dengan novel detektif Amerika Syarikat jenis Nick Carters yang sangat popular di Amerika yang diterbitkan dalam tahun 1886 Masihi²⁹, tarikh terbitannya itu ternyata lebih terkemudian jika dibandingkan dengan *Les Drames de Paris*. Satu hal yang perlu diperhatikan ialah adanya semacam pertalian antara Rokambol Brazil dengan cerita detektif Melayu *Nicholas Carter* yang bersumber cerita detektif Amerika yang diterbitkan dalam tahun 1923 Masihi³⁰ dalam majalah *Al-Hidayat*, Kota Bharu, Kelantan, bertajuk "Nicholas Carter Dengan wakil Sulit Kerajaan Brazil".

Sebelum itu dalam tahun 1920 Masihi³¹ telah disiarkan juga dalam majalah *Al-Kitab*, Kota Bharu, Kelantan. Sebuah cerita roman petualang bertajuk "Acuman Kekasih" yang mengisahkan seorang wirawati bernama Salmi Azimah yang bekerja sebagai jururawat dalam peperangan dunia pertama tahun 1914 Masihi bersama dengan tunangnya Naim Mabruk seorang opsir dalam pasukan Mustafa Kamal yang bertugas di Anatole Turki. Naim Mabruk atas ajakan Salmi Azimah pulang ke Syria untuk menentang pendudukan Perancis di Syria.

Dalam tahun 1922 Masihi³² terbit sebuah buku cerita detektif di Kota Bharu, Kelantan, dikarang oleh Haji Mohamad bin Mohamad Said bertajuk *Kecurian Lima Milion Ringgit* (lihat *Lampiran B*) yang mengisahkan peranan empat watak utama:

1. John Sinclair seorang ketua pencuri terkenal di seluruh benua Eropah menjadi buruan Ketua Polis London.

26 *Ibid.*

27 *Al-Ikhwān*, Penggal 1, jilid 2 – 16 September 1927, hlm. 29–31.

28 Keterangan saya peroleh daripada Dr. Laurent Metzger.

29 *The Mystery of the First Rokambol*, *op. cit.*, hlm. 459.

30 Majalah *Al-Hidayat*, Bilangan 2 tahun pertama Julai 1923, hlm. 1 hingga 4.

31 Lihat *Al-Kitab*, Penggal Dua tahun 1 1920, hlm. 761.

32 Lihat "Kecurian 5 Million Ringgit" oleh Mohamad bin Mohamad Said diterbitkan dengan dibiayai oleh Mahmud Ikhwān, Kota Bharu, Kelantan dicetak di Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan, 1 Januari 1922.

چورين ليم مليون رينگيٓ

\$5,000,000.

آينله سوانو چرنرا بقامت دهشت، عجائب دان
حيران، بليوم فرنه اد لاکي شو عثمان ددالم بهاس سلاپو
مک چرنرا اين مغدوغي کفنداين دان کفتناران دوا
کفلا فچوري دان دوا کفلا فوليس بغير مشهور ددالم
ايزوفه دان امريکا.

فرملايوان

بن محمد سعيد

کلنن دارالنعيم

دچکن کاراغن اين اباله دغن نغه "محمد اخوان" کوتا بهارو کلنن

دمطيمه مجلس اوکام املاک کلنن فدر جنوار جي تاهن 1922 م

2. Jack Hocker ketua penipu Amerika seluruh benua Amerika, ia menjadi musuh Nicholas Carter seorang detektif Amerika yang bijak.
3. Mr. Baxster, Ketua Polis London yang bijak lagi masyhur memburu John Sinclair di England.

Novel detektif Haji Mohamad bin Mohamad Said yang lain yang ada kaitan dengan cerita detektif Amerika yang sedikit sebanyak berkaitan pula dengan jenis roman detektif Rokamboi ialah "Telegraf Dari Perut Ikan atau Perlawanan Hocker Dengan Benham Carter Ketua Polis Amerika". Cerita telegram dari perut ikan ini ada kaitan dengan peristiwa yang sebenar terjadi dalam tahun 1915 Masihi tenggelamnya kapal Lusitania kena terpedo kapal selam Jerman dalam perjalanan dari New York ke Liverpool yang mengakibatkan terkorban 1201 orang penumpang dan harta benda yang lain³³.

Cerita detektif genre Rokamboi kita dapati pula dalam tahun 1923 Masihi di Kota Bharu, Kelantan ditulis oleh Haji Abdul Rahman Daud Al-Maki dan Hassan Haji Omar dengan bukunya bernama *Syair Cerita Bijaksana*³⁴ (lihat *Lampiran C*). Dalam kata pengantar yang ditulis oleh Haji Mohamad bin Mohamad Said, beliau mengatakan "bahawa cerita ini kecil namun ia adalah setitik embun yang dapat menghilangkan dahaga dan berlainan daripada buku yang lain selama ini berbentuk syair yang hanya menceritakan tentang dewa, pari, hantu dan syaitan".

Buku yang berbentuk syair ini menceritakan tentang Empayar *Austria-Honggaria* dan peranan seorang detektif bernama John Sinclair. Cerita bermula di Kota *Geneva Switzerland* dengan seorang wanita bernama Madame Mireille seorang pedagang kaya janda kepada seorang jeneral. Waktu Madame Mireille bangun pagi, kamarnya diketuk polis yang meminta beliau datang ke Balai Polis untuk berjumpa dengan Marie Karjeen seorang wanita muda cantik yang disyaki berhubungan dengan kaum *Bolshevik*.

Di Balai Polis Marie disoal, ia dituduh mencuri emas berlian kepunyaan Baron Ridal di sebuah hotel. Bukti-bukti atas tuduhan itu disahkan oleh para juri yang didasarkan atas persamaan bekas jari Marie di tempat kecurian dengan yang terdapat dalam buku pendaftaran di Kedutaan Swiss.

Kehadiran Madame Mireille semata-mata untuk memberi keterangan atas segala tuduhan terhadap Marie yang bekerja dengannya sebagai ketua pelayan. Marie pada jam sebelum malam pernah meminta izin dari Madame Mireille kerana hendak berjumpa kawannya yang bekerja di Opera Balpina.

Kerana pihak polis tidak memperoleh bukti atas siasatan di kamar Madame Mireille, maka tuduhan memberatkan Marie yang melakukan jenayah itu. Bagi Marie yang merasa dirinya tidak bersalah lalu memohon kepada pihak polis supaya menghubungi Lord Lester yang tinggal di *Hotel Balfour* yang dapat memberi keterangan lebih lanjut.

Pada tengah hari kemudian datanglah Lord Lester di Balai Polis. Beliau meminta polis tidak menyiarkan berita kecurian itu dalam akhbar-akhbar, bahkan seelok-elok pihak polis menafikan siaran akhbar-akhbar tentang kecurian

33 *The Mystery of the First Malay Rokamboi, op. cit.*, hlm. 458.

34 Abdul Rahman Daud Mekah dan Hassan Haji Umar, *Syair Cerita Bijaksana*, a Pulau Pinang: United Press, 1923.

کتابخانه کمالیہ کوالا بلمپور
23/11/77

شعیر

چورترا بجقسان

کچیکن جون سنکر بستاری * منولوئی ناغن تر کنا چوری
ناغن کتورن فمرته نگری * قرابت امفرا استریا هقگري

* * * * *

✽ دکرغن ✽

فرملا بوان عبدالرحمن داود مکہ * حسن حاج عمر مشعر منفقہ
بومي کائين کولاران آينکه * کران بضا توجوان ماٹکه

— — — — —

عز کيان

حق مشفقن ديري اوچاقن * باکي فقارش نله ترميقن
دمجلس اوکم نقت فقراقن * اينله کلي کنوا فقحاقن

دجيتق اوله ذي يونيتيد فرس — فينم

'Syair Cerita Bijaksana' buku cerita detektif jenis Rokambol karangan Haji Abdul Rahman Daud Al-Maki dan Hassan Haji Omar, Kota Bharu, Kelantan - 1923 Masihi.

itu, hal ini untuk memerangkap si pencuri yang sebenarnya merasa dirinya aman tidak lagi diburu oleh pihak polis.

Lord Lester juga meminta pihak polis mengarahkan kepada Ketua Polis Daerah untuk menahan seorang di pelabuhan Hansfersherburg yang memakai nama di pasportnya sebagai Maurice Palagan yang pernah tinggal di *Hotel Zion* dan juga pernah tinggal di Hotel Kawakib dengan nama *Jack Martin*.

Maurice Palagan dibawa ke Balai Polis, sesudah pemeriksaan teliti pihak polis menyakki adanya kerjasama antara Marie dengan Maurice Palagan. Namun begitu Lord Lester membuat analisa lain dengan menanyakan kepada Marie bila Marie berjumpa dengan Maurice Palagan dan dijawab oleh Marie bahawa ia pernah didatangi oleh Maurice di kamarnya yang berlagak sebagai penjual patung anak-anakan terbuat daripada lilin. Lord Lester terbahak-bahak ketawa mendengar keterangan itu dan menyatakan; Nah, inilah buktinya yang memperkuatkan sangkaan bahawa Maurice Palagan yang menggunakan urat tangan Marie yang terguris dililin itu untuk disalinkan ke sarung tangan yang dipergunakan bagi pencurian itu.

Pihak pemeriksa Polis merasa hairan dengan hujah Lord Lester itu dan terus menanyakan beliau siapakah sebenarnya Marie itu? Lalu dijawab oleh Lord Lester, bahawa Marie ialah Puteri Duchess Frederick, sepupu bekas seorang Emperor Austria Raja Francis Joseph. Dengan gerak tunduk hormat kepada Duchess, pihak pemeriksa polis merasa hairan bagaimana boleh jadi demikian, yang dijawab oleh Lord Lester hal ini tidak lain tidak bukan akibat daripada peperangan yang menyebabkan Duchess Frederick menjadi papa dan menjadi pelayan di Swiss.

Pemeriksa polis hairan lagi lalu menanyakan siapakah pula gerakan sebenarnya Lord Lester? Dengan tangkas dijawab oleh Duchness Frederick bahawa Lord Lester itu tidak lain tidak bukan ialah John Sinclair seorang detektif yang masyhur yang dengan pertolongannya dapat mengembalikan harta kekayaan kepunyaan Baron Ridal.

Dari deretan cerita detektif genre Rokambol di atas merupakan pendahuluan kepada cerita detektif yang langsung memakai nama Rokambol seperti ditulis dan disadur oleh Sayyid Syeikh Al-Hadi dengan judul Rokambol dengan Perbendaharaan Hindi atau Peperangan Kebajikan Dengan Kejahatan Dalam Kehidupan manusia.

Tidak diketahui dari novel detektif Mesir manakah yang diterjemah oleh Sayyid Syeikh Al-Hadi, hanya dalam kata pengantar penggal (bahagian) ketiga buku itu beliau menyatakan: Tiada terupaya pengarang hendak menyampaikan kepada penghabisan buku Jikapun seberapa daya upaya pengarang meringkaskan dia. Oleh sebab memelihara daripada rosak faham ceritanya itu jadi terpaksa pengarang meninggalkan dia bagi sambungan di awal penggalnya yang kelima akan datang³⁵.

Di dalam majalah Al-Ikhwān penggal 1 Jilid 2 no. 29 keluaran September 1927 Masihi, ada dinyatakan bahawa *Hikayat Rokambol* ini ialah suatu cerita yang panjang dan masyhur jadinya di negeri Perancis. Penggal (Bahagian) per-

35. Sayyid Syeikh Al-Hadi, *op. cit.*, pada kulit dalam bukunya *Rokambol dengan perbendaharaan yang Tersembunyi*?, Pulau Pinang, Jelutong Press.

tamanya sangat dahsyat melakukan kejahatan, samun, curi, tipu tak patut dibaca oleh orang-orang yang belum tetap akhlakunya³⁶. Kita ambil penggal kelima sahaja kerana penggal kelima mulai pekerjaan kebajikan, kemudian daripada taubatnya tidak kurang dahsyat pekerjaan yang dilakukan Rokambol pada melawan orang jahat.

Watak utama dalam novel ini dipegang oleh Rokambol seorang Perancis yang membantu Amir Osman melawan Inggeris di India untuk memperoleh khazanah budaya purba India. Walaupun Amir Osman mati terbunuh melawan Inggeris, namun Rokambol tetap membantu Nadir seorang ketua kumpulan kaum Siwa yang pernah tinggal di Paris dan dapat berbahasa Perancis dengan lancar dalam mnyelamat dan memperoleh kembali khazanah budaya purba India itu.

Di sini kelihatan seolah-olah adanya tendensi untuk memperlihatkan pertentangan kepentingan antara Perancis dan Inggeris di India munculnya seorang Perancis bernama Rokambol membantu orang India melawan Inggeris mengingatkan kita sejarah pertentangan Perancis dan Inggeris di India dalam abad ke-18 di zaman Raja Louis ke-15 (1715-1774 Masihi). Kelihatan Rokambol membantu orang-orang India menyelamatkan khazanah budaya mereka memperlihatkan pula keunggulan orang Perancis daripada orang Inggeris dalam mengangkut budaya purba timur ke Eropah seperti pengangkutan tiang puba Mesir l'Obelisque de Louxor ke Paris.

Mungkin dapat dikatakan langsung atau tidak langsung wujudnya novel Rokambol dalam sastera Arab selain untuk penglipurlara juga ada bertendensi hendak membangkitkan perasaan moral bangsa Mesir terhadap jenayah politik barat terhadap Mesir dan Sayyid Syeikh Al-Hadi mungkin secara sedar menyadur semangat dari karya asal atau menyematkan daripada fikirannya sendiri tentang semangat dan moral orang Melayu dengan menyelitkan dalam cerita Rokambol itu peranan kelas orang Selat Melaka yang setia dan lebih pandai daripada orang India dalam mengendalikan pelayaran kapal yang membawa khazanah Timur ke Eropah melalui gelombang laut yang berbahaya.

Melalui novel yang lain *Hikayat Faridah Hanum* yang dikatakan novel pertama Melayu saduran dari novel Arab yang berasal dari Perancis. Syed Syeikh Al-Hadi cuba hendak memaparkan tentang emansipasi wanita terpelajar Mesir dalam watak Faridah Hanum dan semangat patriotisme pemuda atasan terpelajar Mesir dalam watak Shafik Afandi. Citra dan fikiran Perancis dalam novel ini tersirap dalam watak dan dialog Faridah Hanum dan Shafik Afandi. Faridah Hanum yang mendapat pendidikan Perancis dan Shafik Afandi berkelulusan Baccalaureat (pangkat kelulusan G.C.E. A levels bagi sistem Inggeris atau gelar sarjana muda Perancis). Kedua watak ini selalu berkirin surat dalam bahasa

36 Meengenai moral ini Haji Mohamad bin Mohamad Saïd dalam pengantar kata *Kecurian Lima Million Ringgit* terbit 1 Januari 1922 menyatakan bagai kepandaian dan kepintaran pencuri-pencuri di sana dan bagaimana kebijaksanaan mata-mata gelap mencari rahasia dan menangkap pencuri-pencuri itu. Apapun dibuat oleh pencuri dengan mendermakan wang curian kepada kebajikan dan gelaran kepada ketua pencuri sebagai John Sinclair (pencuri yang mulia), kita tidaklah sekali kali menyokong tindakan mereka. Cukuplah penonton cinema dan pembaca yang sempurna akalanya mengambil ibarat kepada apa dilihat dan dibaca. Jikalau yang bodoh maka tidak mengambil faedah melainkan kulit sahaja dan rugi masanya membaca.

Perancis. Percakapan mereka berdua pula tentang emansipasi wanita sama seperti yang didapati dalam novel Mesir pertama *Zainab* yang memuatkan fikiran Rousseau dan gerakan feminisme Perancis.

Fikiran Rousseau³⁷ dalam novel *Zainab* ialah perkahwinan Zainab bertenangan dengan prinsip seleksi alam, keharmonian jiwa, kesihatan jasmani, persamaan kekayaan dan darjat. Fikiran ini sama pula dengan yang terdapat dalam novel Mahmud Tahir Lashin *Hauwa Bila Adam* yang bertemakan perlunya pendidikan, peranan golongan terpelajar, membentaras perbezaan sosial dan emansipasi wanita.

Fikiran emansipasi wanita *Faridah Hanum* diperkuat oleh Sayyid Syekh Al-Hadi dengan menterjemahkan pula karya Qasim Amin "Tahrir Al-Mar'ah", "Kebebasan Wanita" dalam tahun 1930 dan menyiarkan pula dalam majalah *Al-Ikhwān* gambar tokoh-tokoh pergerakan wanita Mesir seperti Sayyidah Hadi sya'rawi dan Sayyidah Syiza Nibrawi dan gambar-gambar wanita Mesir lain dalam bidang pendidikan dan sebagainya³⁸.

Dialog Faridah Hanum dan Shafik Afandi yang berunsur kejiwaan kumpulan dan kejayaan Mesir lama dengan bangunan Al-Ahram, unsur pimpinan dalam perubahan masyarakat, semangat patriotisme cintakan tanahair, sama dengan novel Mesir *Audat Al-Ruh* oleh Taufik Al-Hakim yang mempergunakan unsur sejarah purba Mesir dengan kuil kuno. Mereka bersemboyan satu untuk semua dan mereka (rakyat) bangkit bersama bagaikan waja. Apa yang dikatakan dalam novel ini oleh Taufik Al-Hakim adalah gambaran yang besar berlaku dengan meletusnya Revolusi tahun 1919 Masihi di Mesir dan semua pemuda Mesir tampil ke depan memikul tanggungjawab nasionalnya.

Dialog di atas terasa juga adanya unsur fikiran Gustav le Bon dalam *psychologie des foules* atau *Ruh Al-Ijtima'j* atau *The Crowd*: (Lihat *Lampiran D dan E*).

"bahawa sesungguhnya ibunya yang memeluk akan dia siang dan malam itulah yang sangat berkuasa lebih daripada sekalian guru-guru yang ada di dalam dunia ini, boleh melukiskan ke dalam hati dan peringatan anaknya yang sangat bersih itu segala punca-punca yang dituntut bagi laki-laki yang sangat bersih itu segala punca-punca yang dituntut bagi laki-laki yang boleh memberi guna kehidupannya, bagi faedah-faedah kaum dan bangsanya dan tanahairnya, iaitulah segala punca-punca yang menggemar dan merajinkan anak-anak itu menuntut kesempurnaannya tiap-tiap satu daripada cawangannya itu pada masa ianya di dalam sekolah kelak. *Maka pekerjaan yang maha besar gunanya bagi kehidupan perhimpunan ini bagaimanakah boleh kaum dan bangsa kita melakukan dan mendapat akan dia selama sekalian ibu anak-anak kita atau sekalian perempuan-perempuan kita jahil bodoh*"³⁹.

Maka dibawanya permulaan perkataan yang menyukakan hati dari peraturan perjalanan negeri dan kemajuan kaum bangsanya, dan kebebasan perempuan yang dibangunkan atas pelajaran dan pengetahuan dengan membawa ibarat kiasan kehidupan dunia dari tarikh cerita-cerita kebesaran kaum dan bangsanya orang-

37 Hilary Kilpatrick, *op. cit.*, hlm. 22.

38 *Al-Ikhwān*, 16 November 1930 dan 16 Disember 1930 dan lihat juga 'A History of Malay Literature, Modern Development, Zaaba', *JMBRAS*, XVII, Pt. III, (1940), hlm. 155.

39 Sayyid Syekh Ahmad Al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanum*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1985, hlm. 118.

Lampiran 'D'

2073

BIBLIOTHEQUE
DE PHILOSOPHIE CONTEMPORAINE

PSYCHOLOGIE
DES FOULES

PAR
GUSTAVE LE BON

VINGT-SEPTIÈME ÉDITION

G 49

PARIS
LIBRAIRIE FÉLIX ALCAN
408, BOULEVARD SAINT-GERMAIN, VI*

'Psychologie Des Foules' atau 'The Crowd' karangan Gustav le Bon, Paris, 1895 Masihi.

رُوحُ الْإِجْتِمَاعِ

عَلَى يَدَيْهِ

الدكتور جوستاف لوبون

ترجمته من اللغة الفرنسية إلى العربية

أحمد فathi زغلول باشا

وكبير نظارة المعارف

مطبعة المطبعين في القاهرة

خليفة صديق

صاحب مجلة الهلال في القاهرة

مطبعة المطبعين في القاهرة

'Psychologie Des Foules' atau 'Ruh Al-Ijtima'j' dalam bahasa Arab, karangan Gustave Le Bon yang diterjemahkan kedalam bahasa Arab oleh Ahmad Fathi Zughlul Pasha, Kaherah, Mesir - 1901 Masihi.

مقدمة المؤلف

خصصنا كتابنا السابق للكلام على الحالة النفسية للشعوب والآآن تبحت في
الحالة النفسية للجماعات

تتكون روح كل شعب من مجموع صفات وخلال تتولد في افراده بالتوارث
لكن اذا اجتمع عدد من اولئك الافراد للقيام بعمل من الاعمال تولدت عن
اجتماعهم هذا احوال نفسية جديدة ترتكز على احوال للشعب وقد تختلف عنها
في كثير من الاوقات اختلافاً كبيراً

كان للجماعات المنظمة على الدوام تأثير كبير في حياة الامم الا ان هذا التأثير
لم يبلغ في زمن من الازمان مبلغه في الزمن الحاضر فقد حل في أيامنا هذه تأثير
الجماعات على غير قصد منها محل تأثير الافراد المقصود لأربابه بالطبيعة وأصبح
من أخص صفات الحياة الحاضرة

وانى أحاول البحث في موضوع الجماعات على صعوبته بالوسائل العلمية المحضة
أعنى اننى أريد ان اتبع فيه نهجاً موضوعياً على قواعد العلم غير ملتفت الى الآراء
والنظريات والشذاهب الجارية بحرى الامور المسلم بها لأنى أرى أن ذلك هو
الوسيلة الوحيدة لاقتناص بعض شوارد الحقيقة ولا سيما اذا كان الموضوع مما
يشغل الافكار مثل موضوعنا فالعالم الذى يرى ببعدته الى تقرير أمر من الامور
لا يهتم بما عسى أن يصطدم مع هذا التقرير من المناقض والمصالح - قال عني أحد
كبار المفكرين وهو موسيو د جويليه دالفيلالا « في كتاب نشرناه حديثاً انى
كثيراً ما حلفت في تناقض الجمان ما التفت عليه الباحثون من أرباب المذاهب العصرية
لأنى لست ناهياً لو احد منها وانى لأرجو ان يكون حفظ كتابى هذا من تلك
اللاحظة حظ سابقه اذا الانضمام الى مذهب يقتضى التجيز اليه والتمام ما فيه
من الأوجاه

PRÉFACE

Notre précédent ouvrage : Lois psychologiques de l'Évolution des peuples, analysait l'âme des races. Nous allons étudier maintenant celle des foules.

L'ensemble de caracteres communs imposés par le milieu et l'hérédité à tous les individus d'un peuple constitue l'âme de ce peuple. Mais lorsqu'un certain nombre d'hommes se trouvent réunis au hasard, l'observation démontre que, du fait seul de ce rapprochement, peuvent naître des caractères

terres psychologiques nouveaux qui se superposent à ceux de la race, et parfois en diffèrent profondément. Leur ensemble constitue une âme collective puissante mais momentanée.

Les foules ont toujours joué dans l'histoire un rôle considérable, jamais cependant aussi immense qu'aujourd'hui. L'action inconsciente des foules se substituant à l'ac-

1. Rien n'a été changé à cet ouvrage dont la première édition fut publiée en 1895, à une époque où n'existait aucune étude d'ensemble sur la psychologie des foules. Il a été traduit dans de nombreuses langues : anglais, allemand, espagnol, russe, suédois, tchèque, polonais, turc, arabe, japonais, etc. La traduction arabe est due à Fathy Pacha, ministre de la justice au Caire. La traduction japonaise a été précédée d'une longue étude sur les travaux de l'auteur, par le baron Motono, alors ambassadeur à Saint-Petersbourg et devenu depuis ministre des Affaires étrangères au Japon.

AUTHOR'S PREFACE

The following work is devoted to an account of the characteristics of crowds.

The whole of the common characteristics with which we are familiar among the individuals of a race constitute the germ of the race. When, however, a certain number of these individuals are gathered together in a crowd for purposes of action, observation proves that, from the mere fact of their being assembled, there result certain new psychological characteristics, which are added to the racial characteristics and differ from them at times to a very considerable degree.

Organized crowds have always played an important part in the life of peoples, but this part has never been of such moment as at present. The substitution of the unconscious action of crowds for the conscious activity of individuals is one of the principal characteristics of the present age.

orang Mesir yang dahulu-dahulu yang membangunkan Ihram kemegahan negeri Mesir hingga masa ini.

Maka Shafik Afandi pun tenggelamlah di dalam lautan kemanisan perkataan kekasihnya yang menungguakkan luas pengetahuannya, tajam fikirannya, serta segeralah disambutnya perkataan Faridah Hanum itu dengan membawa beberapa cerita-cerita tarikh yang dahulu-dahulu, yang menunjukkan kelebihan sekalian orang yang bekerja bagi faedah watannya dan kaum bangsanya, serta keinginannya hendak meniru perjalanan mereka itu dengan mengorbankan dirinya di dalam berkhidmat akan tanahairnya, dan segala perkara yang mengangkat nama bangsanya.⁴⁰

Apalah upaya sekalian anak-anak muda itu jika sekalian orang tua-tua dan ketua-ketua pemerintah negeri masih berpegang mati kepada peraturan datuk nenek moyang disokong dan dikuati pula oleh orang-orang alim, ketua-ketua agama yang menjadikan ilmu agamanya itu perjalanan yang menghampirkan lanya kepada orang besar-besar itu, pada hal sekalian orang ramai di dalam negeri mendengar dan menurut akan mereka itu, kerana sangkanya ialah perkataan agama yang sebenarnya. Tetapi oleh sebab raja kita sekarang sangat muda lagi mempunyai pelajaran yang sempurna besarlah harapan kita sekalian anak-anak muda akan mendapat perubahan adat lama ini kepada kehidupan baharu menurut masa dan waktu.⁴¹ Maka jikalau demikianlah juga pendapatan dan fikiran sekalian anak-anak muda laki-laki yang mendapat pelajaran yang tinggi yang tempat penghargaan kaum dan bangsa dan watan boleh mengeluarkan daripada keburan yang telah ditanamkan oleh penjaja-penjaja agama pada masa ini patutlah kita sekalian memutuskan pengharapan daripada mendapat kemajuan dan memerintah sendiri akan negeri dan tanahair kita ini. Bukankah orang-orang Inggeris sekarang ini masuk memerintah negeri kita ini kerana kebodohan kita dan kerana tidak mengerti kita memerintah negeri bukannya kerana orang-orang Inggeris itu lebih sifatnya daripada kita.⁴²

Sebagaimana diketahui karya Gustave le bon banyak diterjemahkan daripada bahasa Perancis ke bahasa Arab dalam zaman Zughlul Pasha dan Mustafa Kamal Pasha di saat kebangkitan nasionalisme Mesir menentang Inggeris dan pengaruh Turki. Sementara itu di Turki karya-karya Gustave le bon itu diterjemahkan dalam bahasa Turki "Ruhu'l-gema-at Mutergimliri" oleh Mehmed Fuat (we) Sadreddin Gelal Der Seadet - 1909 Masihi⁴³.

Agak menarik bahawa citra dan fikiran Perancis dalam sastera Melayu moden tidak terhad kepada karya kreatif tetapi terdapat juga dalam karya deskriptif. Yang paling menarik dalam hal ini ialah karya Abdul Kadir Adabi dengan terjemahan beliau karya Gustave le Bon bertajuk "Jiwa Perkumpulan"⁴⁴ disiarkan dalam majalah *Al-Hikmah*, Kota Bharu, Kelantan pada 21 Mac 1940 Masihi.

"Jiwa Perkumpulan" ini diterjemah oleh Abdul Kadir Adabi dari bahasa Arab berjadual "Ruh Al-Ijtima'j" oleh Ahmad Fathi Zughlul Pasha yang diterjemah dalam tahun 1901 Masihi langsung dari bahasa Perancis "Psychologie Des Foules" karangan Gustave le bon tahun 1895 Masihi.

Kutipan sedikit terjemahan kata pengantar "Jiwa Perkumpulan" (lihat

40 *Ibid.*, hlm. 46.

41 *Ibid.*, hlm. 119.

42 *Ibid.*, hlm. 116.

43 Daftar katalog terjemahan karya Gustave le bon dari bahasa Perancis ke bahasa Arab dan Turki saya perolehi di perpustakaan Universiti Leiden bulan Mac 1985.

44 *Al-Hikmah*, 21 Mac 1940 bil. 289 tahun 6, hlm. 6 - dan bandingkan dengan teks Arab, Perancis dan Inggeris. Lihat lampiran.

Lampiran F) oleh Abdul Kadir Adabi dari bahasa Arab "Ruh Al-Ijtimaj" dapat diikuti seperti di bawah ini:

"Bahasa jiwa atau ruh perkumpulan itu terjadi ia daripada sifat-sifat yang terbit dan berkumpul daripada tiap-tiap seorang dan berjangkit ia kepada umat, maka bolehlah diketahui keadaan itu tatkala berhimpun dan berkumpul beberapa bilangan orang daripada umat itu kerana mendirikan atau mengadakan sesuatu pekerjaan, terbitlah daripada perhimpunan itu beberapa-kelakuan yang tersendiri pada mula-mulanya dan terkadang-kadang dengan cepatnya di dalam kebanyakan masa itu berjangkit kepada beberapa jumlah bilangan orang didalam perkumpulan itu kepada menjadikan berbilang puak yang kecil-kecil dan diantara satu puak dengan-puak yang lain didalam perkumpulan itu berselisih dan bersalahan dengan kecanggihannya hingga boleh menyebabkan berpecah belah dan menghancurkan tujuan perkumpulan yang dibangunkan dan berhimpun kerana pekerjaan yang dikehendaki itu tetapi adalah pecah belah yang berlaku seperti itu tiada boleh ia berkekalan berpanjangan masa kerana umat itu senantiasa dengan jiwa keturunan dan kemahumannya menyerukan kebangunan perkumpulan dan kesorangan itu berhajat kepada perkumpulan-perkumpulan itu dan kembalikan ruh perkumpulan yang besar itu menentukan ke atas tiap-tiap diri itu diperintahkan oleh peraturan dan berkehendakkan perkumpulan yang kuat pendiriannya lagi teratur dengan sempurna".

Dorongan apakah yang menyebabkan Abdul Kadir menterjemahkan "Jiwa Perkumpulan". Hal ini perlu dicari pada kesedaran politiknya. Abdul Kadir Adabi sebagai seorang anggota Kesatuan Melayu Muda dan sebagai seorang yang terlibat secara langsung dalam gerakan "Setiawan Belia" yang ditubuhkan di Kota Bharu 16 September 1931 Masihi dan "Persekutuan Dewan Bahasa" didirikan di Kota Bharu 8 November 1933 Masihi, maka beliau merasa perlu kepada teori politik untuk memperkuat kegiatan beliau dan masyarakat ramai lain dalam cara berorganisasi. Kerana itu tidak aneh dalam tahun rancaknya pergerakan pemuda di Pantai Timur ini yang disertai dengan aktif gerakan terjemah karya asing di Kota Bharu yang dianjurkan oleh Allahyarham Haji Nik Mahmud bin Ismail Menteri Besar Kelantan tahun 30-an, maka muncul seorang pemuda Patani bernama Abdul Rashid bin Muda menterjemahkan karya Perancis dari bahasa Siam ke dalam bahasa Melayu.

Karya terjemahan Perancis itu bernama *Kitab Kekuasaan Hati* (lihat *Lampiran G*) diterbitkan di Kota Bharu, 1935 Masihi⁴⁵ karya Mr. Cheikho terjemahan bahasa Siamnya dibuat oleh Luang Wichit Watakan seorang sarjana Thailand terkenal sebelum perang dunia kedua. Dalam pengantar penterjemah Melayu Abdul Rashid bin Muda, beliau menyatakan; Cinta penulis pada menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu kerana difikirkan dengannya boleh dijadikan pergerakan hati dan anggota tiap-tiap seorang manusia bagi meninggikan hemah, meninggikan perasaan, membangkitkan kerajinan, mencergaskan perusahaan dan menyempurnakan segala sifat dan hakikat kemanusiaan. Sangat berfaedah bagi kemajuan negeri dan bangsa teristimewa kepada mereka yang menjadi ketua (pemimpin).

Karya Abdul Rashid yang kedua diterbitkan pada tahun 1939 Masihi bernama *Urusan Kehidupan* atau *Alam Tamadun*, selain daripada karya tersebut di

⁴⁵ Abdul Rashid bin Muda Al-Patani, *Kitab Kekuasaan Hati*, Kota Bharu: Mutbaah Al-Kamaliah, 1935.

الحكمة

بیلاغن (289) تاھن (6)

کات ۲ اھل باکھی علمو فرکھولن
 اولہ: عبدالقادر ادیبی احمد

بھوا جیوا اتو روح فرکھولن ایت
 ترحادی ای درقد صفہ ۲ تشریت دان
 برکھولن درقد تیف ۲ سورغ دان برجھکے
 ای کھد امہ ملک بوایھلد کتھوی کاڈان
 ایت تنکل برھمقون دان برکھول برراف
 بیلاغن اورغ درقد امہ ایت کران مندریکن
 اتو مفاداکن سوانت فکرجان تریشہ
 درقد فرھمقون ایت برراف کلاکون
 برسد بری قد مولان ۲ دان ترکادغ ۲
 جتن ددالم کباقتن ماس ایت برجھکے
 کھد برراف جملہ بیلاغن اورغ ددالم
 فرکھولن ایت کھد منجادیکن بریلع ۲
 فواق بھکجیل ۲ دان اثارا ساتو فواق
 فواق بیلاغن ددالم فرکھولن ایت برسلیسہ
 دان برسلاھن ۲ دغن کتجن ھکھ بولہ
 میکن برقعہ بلہ دان مھنچورکن نوجوان
 فرکھولن بغد باغونکن دان برھمقون کران
 فکرجان بغد کھد فکی ایت تنافی ادالہ
 فجہ بلہ بقرلاکو سقرت ایت تباد بولہ
 ای برکگلان برققان ماس کران امہ ایت
 ستیاس دغن جیوا کتورون دان کماھون
 میروکن کماھون فرکھولن دان کتورون
 ایت برحاحہ کھد فرکھولن ۱۲ ایت دان
 کماھیلہ روح فرکھولن بھسراھنتوتکن
 کانس تیف ۲ دبری ایت دقرتھکن اولہ
 قرانوران دان برکھد فکن فرکھولن بھقوہ
 قدرین لاکھی توانور دغن سفرنان

ادالہ باکھی سکل کھولن بھتراتور
 دان ملکھوی ایت سلستان تھری بکس
 بھ قوہ دان بسر قد کھدولن امہ ھان
 کماھیران بکس بھد بریکن کانس
 کھدولن امہ ایت بریڈا ای قد ستھہ ۲
 ماس ساکھی تھری بکس چھیہ تھاری

سوسونکن سقد برعسای بولہ اکن بھاگین ۲
 علمو بھرتتوغ دغن فرکھولن دان
 مھنترکندی کھاڈن اتی ۲ بھسا سایی
 ملا بو بھد کاسھی لاکھی دھاڑھی بدھن دان
 تھری فائدہ دان متھہ کھد تیف ۲ بھ
 کاسیہ دان کھرماچ دان مظلمہ کنڈوین ۲
 سرت منجادی بھاگین درقد درومین ۲
 فغانل ددالم فرکھولن ۲ کیت دان سایی
 نمانکندی "جیوا فرکھولن" بھد المن
 سایی کنڈو بھن برراف ھورا بن دان بھان ۲
 بھلہ سایی قلبیہ تراوتمان درقد کراغن ۲
 توان "گوستاف لوبون" دان تھند فکن دغن
 سدیکہ سابق بوکو ۲ علم فھون بغد
 دسی سایی دان جو کھد کمدین درقد
 سایی مومھن ستوان دان قرتولن سودارا
 بھ سایی فرجایی اکن قدر علمو فھون
 دان تولس اخلاصن

مکھا کولہ سایی ددالم مھمیل دان
 مپسون فھون این کدالم بھاس ملابو
 سھکھون تھ سایی ترھوتغ بودی بھ باقی
 کھد المرحوم الفاضل الحاج امحمد بن
 سعید الفاضل توان حاج احمد ماھر دان
 الفاضل توان حاج لیک داود بھلہ برھکھہ ۲
 تھمکن دان مھورا بکن کنڈوین ۲ کتاب
 علمو فھون بھ برکان دغن فرکھولن
 این کھد سایی دان جوا درقد برراف اورغ
 منجابہ سایی بیلاغن ۲ لاکھی

بھرمکن درقد اللھ جوا سایی تومھن
 متھہ باکھی دبری سایی بھسا دان وطن
 سایی ملابو بھد کاسھی ولسی اللھ علی
 سد نامحمد وعلی الھوسہ اجمعین

گوت بھارو کلتن
 قد تھرج 1940 عبدالقادر ادیبی احمد
 کلتن

جیوا فرکھولن
 فناھولون

I

بسم اللھ الرحمن الرحیم

بھوا زمان کیت قد ماس این بولہ بھلہ
 دکناکن سوات زمان بھلہ برا بدو درقد
 ماس کلاین دان فرسد برین بھ توکل
 کھد کھیکتن کسدران دانس کھماھن
 دان برنسی ۲ دان تھ کیت کتھوبھلہ سکل
 سبب باکھی کھلاھن قوم بھسا دان تھری
 کیت تانہ ملابو سلام بھ تھ لالو ایت
 تریتن درقد کجاھیلن کیت اکن فائدہ
 فرکھولن قد جان مندریکن قوا کھواس
 باکھی مھاوالی حق ۲ کیت دان منولکن
 پنجان دان فسولان بھ مھراھی ملہ دان
 مھناسکن کیت

مکھا کولہ تھ برانسور ۲ کیت
 مھکلکن زمان بھ مھمیلکن سکل
 کھلاھن ایت دان تھ مولانہ کیت امہ
 ملابو کاسیہ برکن دان برھکن فرکھکن
 بھارو بائولہ کیت تھ برھولن ۲ ملھکھ
 ماسوق کھد زمان برھمقون برکھول دان
 مھمیل فائدہ درری فرکھولن ۲ کران بھسا
 دان تھری دان کیت ھارف جادیکن
 فرکھکن کیت این برتھہ ھاری برتھہ
 مارا دان سو برھمقون او بدغ ۲ کھرتن
 دان کھایش فرکھولن ماسی ھکھ
 مھیلہ امہ دان وطن کیت کھد ستھکی ۲
 فرھکان ھارھن دان منڈو کھکی کھونج
 کھیکن بھ دجیا ۲ تباد کورغ درقد
 امہ دان وطن بھسا بھد کرنا بھ ھلراولہ
 کاتونھن بھسر دان کلیون ھیدول بھ
 تھکی بھ سقرتین جوا کیت برجیا ۲
 اس کیت بھا کھد بھ
 کھسرلہ سایی منجوب فرھوہ دان

کتاب

ککواسان هاتي

ترجمه در فید بهاس سيام

اوله

انجيء عبدالرشيد بن مودا

الفظاني

جيتكن يغفرتام

٥٠٠ بوا

ترجيتاد مطبعة الكماله ، كوت بهارو كلنتن .

'Kitab Kekuasaan Hati'. Karya Cheikho telah diterjemahkan ke dalam bahasa Siam oleh Luang Wichit Watakan dan diterjemahkan pula kedalam bahasa Melayu oleh Encik Abdul Rashid bin Muda Al-Fatani, Kota Bharu, Kelantan - 1935 Masihi.

atas ada beberapa karya terjemahan Perancis melalui bahasa Siam Abdul Rashid Muda yang tidak sempat diterbitkan. Pada akhir tahun 1938 Masihi di Kota Bharu terbitlah dalam Majalah *Al-Riwayat* sebuah cerita bercitrakan Perancis bernama "Rahasia Monte Carlo" oleh Ishak Lutfi Umar, isinya mengisahkan pembunuhan yang terjadi di Hotel Paris Monte Carlo. Watak utama dalam cerita ini ialah Roger dan Arskin, Jeanne, seorang anak perempuan yatim, Madame Pinay, France Rilda, Lapal, Louis dan lain. Citra Perancis dalam cerita ini dengan nama-nama tempat hampir seluruh di Perancis seperti Nice, Marseilles dan Paris.

Sesudah perang dunia kedua dalam tahun 1950-an Abdullah Nakula telah menukilkan pula beberapa buku Arab berasal Perancis untuk beberapa buku beliau seperti Aliran Dalam Ekonomi dan Falsafah Politik Moden. Buku Arab berasal dari Perancis itu dalam ilmu Ekonomi karya Paul Leroy-Beaulieu terjemahan Arabnya dikerjakan oleh Hafiz Ibrahim dan Khalil Matran dan ilmu Ijtijam (Sociology) oleh Andre Philip terjemahan Arab dikerjakan oleh Dr. Abdul Rahman Syahbandar dengan kata pengantar oleh Dr. Mohamad Hussein Haikal.

Dalam tahun 1950-an dan 1960-an Yusof Zaki Yacob melalui majalah *Dian* telah memperkenalkan ilmu jiwa yang sebahagian besar bersumberkan karya Perancis melalui bahasa Arab. Yusof Zaki Yacob telah menterjemahkan sekitar 10 buah cerpen Perancis ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Arab. Di antara cerpen-cerpen itu ialah: "Kesetiaan Seorang Gadis" oleh Honore de Balzac. "Romeo-Juliet" oleh Paul Rivo. "Theresa" oleh Emile Zola. "Grazila, Anak Dara Nelayan" oleh A. De Lamartine. "Cinta Sumbang" oleh Paul Bourget. "Cinta Dara Tua" oleh Guy de Maupassant.

Dalam tahun 1960-an kita dapati adanya terjemahan karya George Coedes bertajuk "A Propos D'Une Theorie Sur le Site de S'Rivijaya" ("Satu Usul Baru Tentang Letak Sriwijaya") dimuat dalam majalah *Dian* bilangan 10 tahun kelima 1967⁴⁶. Dan dalam 1978 Masihi ada pula terjemahan karya Dr. Cloudine Salomon Lombard bertajuk "le litterature en Malais Romanise Des Chinois de Malaisie Premiere Enquete", judul Melayunya ialah "Kesusasteraan Melayu Rumi Orang-orang Cina Malaysia, Satu Kajian Awal" dimuat dalam majalah *Dewan Bahasa* jilid 22, bil. 12 tahun 1978⁴⁷. Dalam tahun 1979 Masihi Ainon Muhammad telah pula menterjemahkan karya Albert Camus berjudul *l'Etranger* ke dalam Bahasa Malaysia "Orang Terasing".

Sebenarnya perkenalan dan kontek Kelantan dengan pikiran Perancis bukanlah hanya tertera dalam cerita sastera terbitan Kelantan, tetapi juga terperikan juga dalam berita seperti termuat dalam Majalah Pengasuh dalam tahun 1923 Masihi yang memberitahu pembaca bahawa di Perancis sudah ada pelajaran bahasa Melayu dalam tulisan Jawi di Sekolah Pengajian Timur Paris⁴⁸.

Dalam tahun 1932 Masihi telah datang seorang Perancis bernama Mademoiselle Jeanne Cuisinier ke Kota Bharu Kelantan yang telah dijadikannya sebagai pusat penyelidikan mengenai adat Melayu dan Sakai. Beliau menumpukan kajian di sini mengenai bahasa dan ilmu kepandaian orang asli itu dan membuat

46 Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Satu Usul Baru Tentang Teori Letak Sriwijaya", *Dian*, Bil. 10 tahun kelima 1967.

47 Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kesusasteraan Melayu Rumi Orang-orang Cina di Malaysia Satu Kajian Awal". *Dewan Bahasa*, Jilid 22, bil. 12, 1978.

48 Pengasuh 23 Mei 1925 tahun 8 bil. 171 hlm. 10.

kajian perbandingan antara orang Melayu di Semenanjung dan Madagaskar dengan orang Melayu di Indocina dan di Siam. Mademoiselle Jeanne Cuisinier datang ke Kota Baharu disertai oleh temannya bernama Sukolov⁴⁹.

Hasil lawatan Mademoiselle Jeanne Cuisinier ke Kota Baharu telah menghasilkan dua buku 'Dances Maquises de Kelantan, Paris 1936 Masihi dan Le Theatre D'Ombres A. Kelantan 1957 Masihi'⁵⁰.

Selanjutnya dalam tahun 1936 Masihi Pengarang Pengasuh telah pula menerima dua buah buku cerita Penglipurlara dan Penghiburan Kanak-Kanak yang dikarang sendiri oleh Madame Margerette Sundres dan diterjemahkan langsung oleh beliau sendiri dari bahasa Perancis dan Hanggari ke dalam bahasa Melayu yang baik, bagi bahan bacaan penghiburan kepada kanak-kanak. Madame Margerette Sundres sendiri mengirim surat kepada Pengarang Pengasuh dalam bahasa Melayu dengan tulisan tangan⁵¹.

Bibliografi

- Abdul Rahman Al-Ahmadi, 'Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri, tesis sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, tahun 1966.
- _____, 'Plan de la these de Doctorat de 3^{eme} Cyle, a l'Ecoles Des Hautes Etudes En Sciences Sociales', Paris, 1981.
- Abdullah bin Mohamed (Nakula), 'Pengantar ke Ilmu Ekonomi', (manuskrip), 1950.
- _____, 'Pemimpin Diri-Napoleon Bonapart', (manuskrip).
- _____, 'Aliran-aliran Dalam Ekonomi Pulau Pinang', Matbaah Al-Haji Abdullah Mohamed Nuruddin Al-Rawi, 1956.
- _____, 'Falsafah Politik Moden', Pustaka Dian, Kota Bharu, Kelantan, 1959.
- Andre Legarde et Laurent Michard, xix Siecle Les Grands Auteurs, Francais Du Programme Bordas, 1969.
- Associated Institution for the Study and Presentation of Arab Cultural Values, General Egyptian Book Organisation Cairo 1977. 'Islamic and Arab Contribution to the European Renaissance'.
- Castex P.G. & Surer P. 'Manuel des etudes litteraires Francaise xx Siecle, Libraire Hachette, Paris, 1967.
- Clement Huart, 'A History of Arab Literature', Beirut, Khayat Book & Publishing Company S.A.L., 1966.
- Fatma Mousa Mohmoud, 'The Arabic Novel in Egypt: 1914-1970'. General Egyptian Book Organisation, Cairo.
- Gustave de bon, 'The Crowd', New York, Viking Press, 1968.
- Hilary Kilpatrick, 'The Modern Egyptian Novel: A Study in Social Criticism', London, Ithaca Press, 1974.
- Hitti, Philip K. 'Dunia Arab: Sejarah Ringkas', Penerbit Sumur, Bandung, Indonesia.

49 *Ibid.*, 14 Mac 1932 tahun 15 bil. 342 hla. 2.

50 Lihat Jeanne Cuisinier Le Theatre D'ombre A. Kelantan. Librairie Fallimard Paris 1957.

51 Pengasuh. 3 Disember 1936 tahun 19 bil. 587 hlm.

- Mohamed Hussein Haikal, 'Zainab', Darul Ma'arif bi Misr, Kaheerah, Mesir 1914.
- Muhamad bin Muhamad Said, 'Kecurian Lima Milion Ringgit', Mahmud Ikhwan Kota Bharu, Kelantan, Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan, Januari, 1922
- Roff, William R., 'Nasionalisma Melayu', (terjemahan Ahmad Boestamam), Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
- , 'The Mystery of the First Malay Novel', (Bijdragen Tot Tot De Taal-Land-En Volkenkunde Deel 130) S-Gravenhage, Martinus Nijhoff, 1974.
- Sayyid Sheikh bin Ahmad Al-Hadi, 'Hikayat Faridah Hanum', Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1985.
- Teeuw A., 'Sastera Baru Indonesia', Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980.
- Umar Al-Dasuqi, 'Fi Al-Adabi Al-Hadis Darul Fikri Al-Adabi', Kaheerah, 1947.
- Yahya Ismail, 'Syed Sheikh Al-Hadi Pembuka Zaman Baru Dalam Bidang Novel', 'Dewan Bahasa', November 1974.
- , 'Ahmad Talu: Novelis Melayu Yang Pertama', 'Dewan Bahasa', Disember 1974.




*Gambar-gambar
Warisan Lama*






Seorang perempuan Melayu Kelantan dengan pakaian tradisional 'berkembang' dan 'berkelubung'. (Gambar telah diambil pada tahun 1905).



Duduk dari kiri: Syed Yassin; Comdr. Heard R.N.; Maj-Gen. Perratt G.O.C.; Tengku Chik bin Tuan Bongsu (Tengku Chik Penambang); Sir John Anderson G.C.M.G. (High Commissioner); Tuan Mahmud bin Sultan Ahmad (Tengku Seri Maharaja); Syed Hussin (pembantu Mr. R.W. Duff, berasal dari Pahang); Sir William Taylor (Resident General F.M.S.); Che' Muhammad (Dato Seri Lela Diraja); dan Che' Awang Kendor (Dato Lela Wangsa).

Berdiri dari kiri: No. 3, Mr. W.L. Conlay (British Agent, Trengganu); No. 5, Mr. Robert William Duff (Chirman, Duff Development Company); No. 6, Capt. Stockley R.N.; No. 9, Mr. J.S. Mason (British Adviser Kelantan); No. 10 H.W. Thomson; No. 12, Dr. J.D. Gimillette. (Gambar ini telah diambil pada tahun 1909 di Pejabat Duff Development Company di Kuala Lebir, Hulu Kelantan).



Duduk dari kiri: Tuan Salleh bin Sultan Ahmad (Tengku Temenggong); Tuan Yusuf bin Sultan Ahmad (Tengku Besar Indera Raja); Tuan Mahmud bin Sultan Ahmad (Tengku Seri Maharaja); Tuan Ismail bin Sultan Muhammad IV (Tengku Seri Indera); Tuan Long Senik bin Sultan Muhammad III (Sultan Muhammad IV); Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III (Raja Muda); Tuan Abdul Rahman bin Sultan Ahmad; Tuan Chik Abdullah bin Sultan Ahmad; dan Tuan Ibrahim bin Sultan Muhammad IV. Berdiri dari kiri: Sir Frank Swettenham; Mr. A.F. Worthington; Mrs Kerr Mr. Kerr Mr. H.W. Thomson?



Masjid kayu Kampung Laut yang tertua di negeri Kelantan dipercayai bertua lebih dari 300 tahun. Bangunan masjid ini telah dipindahkan ketapakannya yang baru di Nilam Puri, Kota Bharu pada awal tahun 1970-an. (Gambar ini dipercayai telah diambil dalam tahun 1920-an).



Haji Nik Mahmud bin Ismail, Menteri Besar Kelantan dari tahun 1921 hingga tahun 1944. Bergelar Dato Bentara Setia (1911-1920) dan Dato Perdana Menteri Paduka Raja (1921-1968). (Gambar ini telah diambil diawal tahun 1920-an.



Tuan Chik Abdullah atau Tengku Chik Tuan Abdullah bin Sultan Ahmad (Tengku Bendahara), meninggal dunia pada 20 November 1926.



Pemandangan Jalan Temenggung, Kota Bharu pada masa Bah Merah Pertama tahun 1927 M. dilihat dari bangunan Rumah Rehat (Rest House). Disebelah kiri pagar pokok teh itu ialah bekas rumah keclaman Dato' Adika Raja (Haji Mahmud bin Khatib Muhd Saïd) yang sekarang menjadi Restoran Budaya. Disebelah kanan sekarang ini Bulatan bagi Jalan Temenggung, Jalan Ismail, Jalan Sultan Ibrahim, Jalan Gajah Mati dan Jalan Hospital.




Anggota Pasukan Polis Negeri Kelantan sekitar tahun 1930.



Tengku Kembang Petri binti Tengku Senik (Tengku Maharani) puteri kepada Sultan Muhamad IV (1900–1920 M.) dan adinda kepada Sultan Ismail (1920–1944 M.). (Gambar diambil pada akhir 1930-an).



Haji Muhammad Yusof bin Ahmad (lebih dikenali sebagai Tuk Kenali) adalah satu-satunya ulama yang ulung dan terkenal di Kelantan. Dilahirkan di Kg. Kenali, Kubang Kerian, Kota Bharu pada tahun 1868 dan meninggal dunia pada tahun 1933 ketika berusia 65 tahun.



*Nik Muhamad bin Nik Abdul Kadir (Dato. Lela Jasa),
meninggal dunia pada tahun 1939.*



Dari kiri: Nik Hassan bin Haji Wan Ahmad (Dato Adika Raja – meninggal dunia tahun 1964 M.), Nik Ibrahim bin Nik Ismail dan Nik Yaakub bin Nik Muhamad (gambar diambil sekitar tahun 1947 Masilii).

Biodata Penulis



MUSTAFA BIN IBRAHIM – Dilahirkan di Kampung Kepulau, daerah Mo'rat dalam jajahan Tumpat, Kelantan pada 16 Januari 1948. Belajar di Sekolah Melayu Mo'rat. Kemudian menyambung pelajarannya di Maahad Muhammadi (Bahagian Arab) di Merbau, Kota Bharu sehingga darjah tujuh pada tahun 1968. Sejak di bangku sekolah lagi, beliau amat meminati seni, budaya dan adat istiadat Melayu dan banyak membaca mengenainya serta juga luas bergaul dengan mereka-mereka yang pakar dalam adat istiadat dan seni budaya Melayu di kampungnya.

Dari tahun 1969 hingga tahun 1972, Encik Mustafa bin Ibrahim bekerja sebagai jurugambar sambilan dengan akhbar Utusan Melayu di Kota Bharu. Pada tahun 1975, beliau berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Penyelia Projek Belia Peladang Negeri sehingga tahun 1978. Setelah itu beliau berkhidmat pula dengan KOBENA (Koperasi Belia Nasional Berhad) sebagai Penyelia KOBENA Negeri Kelantan sehingga sekarang.

Pernah menulis secara sambilan rencana-rencana mengenai dengan perkembangan Pantai Cinta Berahi dan projek pertanian di Negeri Kelantan.

ABDULLAH BIN MUHAMED (Nakula) – Dilahirkan di Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Madrasah Muhammadiyah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Sekolah Menengah Arab Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu; Sekolah Menengah Arab Madrasah Islah, Kota Bharu; dan Sekolah Menengah Muahad Al-Muhammadi, Kota Bharu. Pada awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 berkhidmat sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan. Beliau bersara pada tahun 1988 yang lalu.

Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau meminati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Di samping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan politik, falsafah, sejarah, ilmu jiwa dan astronomi.

Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan" "Mastika" "Pelajar" (majalah G.P.M.S.), dan "Kehidupan" (Singapura), akhbar-akhbar seperti "Warta Negara" "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan", "Warisan Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1944 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah. Buku-buku itu telah dicetak oleh The United Press P. Pinang, Pustaka Dian Press, Kota Bharu, Kelantan, dan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga telah menyusun sebanyak 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam dan telah dicetak oleh Pustaka Dian Press, Pustaka Aman Press dan Penerbitan Bintang Emas, Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu beliau telah menyediakan atau menulis kira-kira 40 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam, sejarah Islam dan falsafah yang hampir semuanya masih belum dicetak. Abdullah bin Muhamed (Nakula)

adalah seorang penulis yang amat gigih dan produktif kerana di samping 14 buku teks dan 40 buku umum beliau sempat pula menyediakan sejumlah rencana/esei dan kertas kerja untuk ceramah-ceramah dan seminar-seminar.

Abdullah bin Muhamed (Nakula) merupakan salah seorang daripada pengasas Persatuan Sejarah Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1964. Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan itu dan juga Pengarang Kehormatannya.

Dalam tahun 1976 apabila Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ditubuhkan, beliau adalah salah seorang ahli Jawatankuasa yang pertama dan telah banyak memberi sumbangan buah fikiran terhadap penubuhan dan perkembangan Muzium Negeri Kelantan. Pada tahun 1980 beliau menjadi ahli Jawatankuasa Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan. Kemudian menjadi Timbalan Pengarah II Majlis tersebut dan pada tahun 1985 dilantik pula menjadi Ketua Bahagian 'Nilai dan Norma'.

Beliau juga mengambil bahagian aktif dalam seminar-seminar dan sesi-sesi ceramah yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu seperti: Seminar anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) yang diadakan di Alor Star, Kedah pada tahun 1977; Seminar Wayang Kulit di Port Dickson pada tahun 1979; Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu Kelantan tahun 1980 anjuran KKBS; International Conference on Islam and Technology di Kuala Lumpur, pada tahun 1983 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Regional Seminar on the Search for Identity in Architecture di Kuala Lumpur pada tahun 1983 anjuran UTM; dan Seminar Sehari Sejarah dan Tamadun Melayu Campa di Kuala Lumpur pada tahun 1988 anjuran bersama Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia dan Ecole Francaise D'Extreme-Orient (Sekolah Pengajian Timur-Jauh Perancis).

MOHAMED YUSOFF ISMAIL — Dilahirkan di Kampung Gunong, daerah Bachok, Kelantan pada tahun 1950. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Gunong dan Sekolah Menengah Bachok. Kemudian menuntut di Maktab Tentera Diraja, Cawangan Putera pada tahun 1967-1970. Mendapat ijazah B.A. dengan Kepujian Kelas Pertama (1974) dan M.A. (1977), kedua-duanya dari Monash University, Australia. Memperolehi ijazah Ph.D. dari Australian National University pada tahun 1987 dalam bidang antropologi sosial.

Mula bertugas sebagai tutor di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1975 dan kemudiannya dilantik menjadi pensyarah pada tahun 1977 sehingga sekarang. Pernah menjadi Ketua Jabatan di Jabatan yang sama dari tahun 1986 hingga 1988.

Pengkhususan beliau ialah dalam bidang antropologi sosial. Dalam hubungan ini beliau terlibat dengan penyelidikan terhadap sistem keagamaan dan kepercayaan, masyarakat minoriti dan kelompok etnik. Pernah menjalankan kajian lapangan secara intensif berkenaan dengan agama Buddha di kalangan masyarakat Siam di Kelantan, Kedah dan juga Selatan Thailand.

Di antara penulisannya ialah *The Siamese of Aril: A Study of an Ethnic Minority Village*, Monograf No. 3, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980; "Tradition and Change in Aril, a Siamese Village in Kelantan." *Mankind* (Australia), 13(3) 1982: hlm. 252-263; "Social Structure" (bersama Abdullah Taib) dalam *The Political Economy of*

Malaysia suntingan E.K. Fisk dan H. Osman-Rani, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1985 "Pertembungan Kebudayaan dan Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan", dalam *Masalah Perkauman dan Perpaduan* suntingan Ting Chew Peh, Buku Kreatif Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986; "Buddhism and Ethnicity: The Case of the Siamese of Kelantan." *Sojourn* (ISEAS, Singapura) 2(2) Ogos 1987: hlm. 231-254; "The Role of Buddhist Monks among the Siamese of Kelantan." *Solidarity* (Filipina) No. 114 September - Oktober 1987: hlm. 46-56; dan *Organisasi Sosial Agama Di Kelantan: Satu Tinjauan Ringkas* Monograf Bil. 14, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

SHARIFUDDIN BIN ABDUL RAHMAN - Dilahirkan di Kampung Parol, Kota Bharu pada 10 September 1947. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Perol, Kota Bharu. Kemudian belajar di Maktab Sultan Ismail hingga tingkatan 6 pada tahun 1968. Setelah itu melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya pada tahun berikutnya (1969). Mendapat ijazah B.A. (Hons) Kelas II Atas, di dalam bidang Pengajian Melayu/Sejarah pada tahun 1972. Pada tahun berikutnya, beliau menyelesaikan Kursus Diploma Pendidikan di universiti yang sama.

Pada 1 Januari 1973, beliau mula bertugas sebagai pendidik dan pada 1 Januari 1982, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengetua. Kini beliau bertugas sebagai Pengetua di Sekolah Menengah Puteri Saadong, Bukit Marak, Kota Bharu.

Beliau juga cergas di dalam bidang sosial dan politik serta seni budaya tempatan. Minat utama beliau ialah seni drama serta seni tradisional Negeri Kelantan. Sumbangan besar beliau ialah di dalam bidang sejarah tempatan. Sejak tahun 1982, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kelantan hinggalah sekarang. Mulai tahun 1983, beliau telah dilantik menjadi salah seorang ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, mewakili Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan.

DRS. ABDUL RAHMAN AL-AHMADI (ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMED) - Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Sekolah Melayu, Pasir Mas, Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu (1942-46); Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia (1947); Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Jawa, Indonesia (1950); Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia dan mendapat ijazah Doktorandus (Sarjana) dalam jurusan Hubungan Antarabangsa (1961); Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur untuk ijazah Sarjana dalam jurusan Sejarah (1978); dan mengikuti kuliah Ph.D. di l'Ecole des Hautes Etudes en Science Socials, Paris, Peranchis (1980-81).

Dari tahun 1964-69 menjadi Pengarang majalah 'Dian', Pustaka Dian Press, Kota Bharu, mengajar di Institute Pendidikan Kota Bharu, memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu, menjadi Pengetua Maktab Adabi Kota Bharu (1971-72), kemudian menjadi Pengetua Maktab Adabi Pasir Mas (1973-75); dan pensyarah sambilan di Institut Bahasa Kesusasteraan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembah Pantai, Kuala Lumpur (1976-78). Sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit Ensiklopedia Budaya, Cawangan Penyelidikan, Bahagian Kebudayaan, Kement-

terian Kebudayaan, Belia dan Sukan (sejak dari tahun 1988 dipanggil Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan).

Telah menerbitkan beberapa buah buku berjudul: 'Pengantar Sastera' (1966), 'Pengantar Ilmu Politik' (1966), 'Detik-Detik Sejarah Kelantan' (1971), 'Pengantar Budaya dan Masyarakat', 'Sejarah Kebudayaan Prasejarah di Malaysia', 'Kalung Bunga', 'Tokoh dan Pokok Pemikiran Tuk Kenali', dan 'Sejarah Kedatangan Islam Ke Asia Tenggara' (1981).

Di samping itu telah menulis banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, agama, sastera, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah tempatan seperti *Dian*, akhbar 'Mingguan Kota Bharu' dan majalah-majalah terbitan di Kuala Lumpur, Jakarta dan Yogyakarta, Indonesia serta *Journal Archipel* Paris. Juga membentang kertas-kertas kerja di seminar-seminar Peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Ada 40 kertas kerja yang pernah dibentangkan di seminar-seminar sejak tahun 1975-1988 di antaranya ialah:

- i. Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisi November 1982 di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.
- ii. Pertemuan Dunia Melayu di Melaka, Dis. 1982.
- iii. Kuliah Budaya di Kedutaan Besar Republik Indonesia di The Hague, Netherland, Mei 1985
- iv. Seminar Kebudayaan Minangkabau di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia, Ogos, 1985.
- v. Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Malaysia-Indonesia di Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Indonesia, November 1986.
- vi. Temu Budaya Sulawesi Selatan di Taman Ismail Marzuki, Jakarta, Indonesia, Disember, 1986.
- vii. Seminar Campa - Actes Du Seminaire Sur le Campa di Universiti Copenhagen - Denmark, Mei 1987.
- viii. Seminar Sehari Tamadun Melayu Campa di Kuala Lumpur, September 1988.

PO DHARMA - Nama penuhnya ialah Quang Po Dharma. Dilahirkan di Panduranga (Phan-rang), Propinsi Ninh Thuan, Vietnam Selatan pada 9 November 1943. Mendapat pendidikan awal di Panduranga dan tamat Sekolah Tinggi di Panduranga pada tahun 1968. Dari tahun 1968-1972 melanjutkan pelajaran di Sekolah Pegawai Tentera di Phnom Penh, Kampucea dan menjawat jawatan sebagai Kapten. Kemudian meneruskan pelajaran di Fakulti Undang-Undang di Phnom Penh, Kampucea. Pada tahun 1972 melanjutkan pelajaran di Universiti Sorbonne, Paris, Perancis dan bertugas sebagai penyelidik teknik di Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Paris (Sekolah Perancis Pengajian Timur Jauh, Paris). Pada tahun 1978 mendapat ijazah Sarjana (M.A.) dari Universiti Sorbonne, Paris. Pada tahun 1980 mendapat pula Diploma B.E.A. (Diploma d'Etude Approfondie/B.E.A.) dari Universiti Sorbonne dan dilantik sebagai Atase Penyelidikan di Ecole Francaise d'Extreme-Orient dan Centre Nationale de Recherche Scientifiques (CNR), Section 1075, Paris. Pada tahun 1986 mendapat ijazah

Ph.D. dari Universiti Sorbonne, Paris. Pada tahun 1987 menjadi Koordinator Ecole Francaise d'Extreme-Orient di Kuala Lumpur untuk program Tamaddun Melayu di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

Po Dharma menjadi warganegara Perancis dan bermustautin di Paris.

Beliau banyak menghadiri seminar-seminar yang diadakan di luar negeri berkenaan Campa. Pada 11 dan 13 November 1986, dalam 'Seminar Tamaddun Melayu' di Kuala Lumpur beliau turut hadir dan membentangkan kertas kerja bertajuk, "Peranan Tamaddun Melayu Dalam Masyarakat Campa." Pada bulan Mac 1987 beliau menghadiri seminar antarabangsa mengenai Campa di Copenhagen, Denmark yang dihadiri oleh para sarjana dunia.

Beliau aktif mengambil bahagian mengatur dan menjayakan "Seminar Tamaddun Melayu-Campa" anjuran Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan Ecole Francaise d'Extreme-Orient dengan kerjasama Kedutaan Besar Perancis di Malaysia, yang telah diadakan di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 13 September 1988. Beliau juga turut memainkan peranan utama dalam malam kesenian Melayu-Campa yang telah diadakan di Oditorium Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur pada 14 September 1988.

Beliau telah menghasilkan kira-kira 30 rencana mengenai sejarah dan kebudayaan Campa yang telah diterbitkan dalam Jurnal Saintifik di Perancis. Lima buku utama yang telah dihasilkan oleh beliau ialah:

- i. Chroniques du Panduranga, Paris 1978.
- ii. Complement au Catalogue des Manuscrits Cam des Bibliothiques Francaises, Paris 1981.
- iii. Inventaires des Archives du Panduranga, Paris 1984.
- iv. Catalogue des Manuscrits Cam de Bibliothiques Francaises, Paris, 1987.
- v. Panduranga (Campa): 1802-1835, Ses rapport avec le Vietnam, Paris 1987.

NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH – Dilahirkan di Jalan Tuk Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1935. Belajar di Sekolah Melayu Padang Garong; Sekolah Arab Islah; Ismail English School; Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu; Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan Universiti Malaya di Singapura dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan sejarah (B.A. Hons. in History) pada awal tahun 1960. Kemudian mendapat Diploma dalam Hubungan Antarabangsa daripada Institute of Social Studies di The Hague, negeri Belanda pada tahun 1970.

Pada tahun 1960 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dan pernah berkhidmat di Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur. Dari awal tahun 1966 hingga tahun 1974 berkhidmat di Kementerian Luar Negeri, dari tahun 1974 hingga tahun 1981 di Jabatan Perdana Menteri, dari Mac 1981 hingga Oktober 1987 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, dan dari 1 November 1987 sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya. Salah seorang pengasas Persatuan Sejarah Kelantan (PSK) dalam tahun 1964, menjadi Setiausaha Kehormat PSK dari tahun 1964 hingga 1965. Sejak dari tahun 1981 menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur dan dari tahun 1979 menjadi ahli Perbadanan Muzium

Negeri Kelantan dan pada tahun 1983 dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Pada tahun 1986 menjadi ahli Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (Association of Malaysian Archaeologists).

Telah menulis beberapa rencana mengenai sejarah Kelantan dalam beberapa majalah, jurnal dan juga akhbar tempatan. Di antara rencana-rencananya yang terpenting ialah: "Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, bil. 1 Tahun 1964/65; "Sengketa Atas Takhta Kelantan Dalam Abad Ke-19 Masihi" dalam jurnal Sejarah Universiti Malaya, Tahun 1971-72, "Kelantan in Transition: 1900-1910" dalam buku berjudul "Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, 1974; "Mengkaji Salsilah Long Yunus Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, Tahun 1974/75"; "Salsilah Raja-raja Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu pada 12-15 April, 1980); "Maktab Sultan Ismail dalam Kenangan" (dalam majalah khas Jubli Emas Maktab Sultan Ismail, 1936-1986); "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Arkeologi Malaysia dengan Tumpuan Khusus kepada negeri Kelantan, di Kota Bharu, pada 22-24 Ogos 1986); "Pemerintahan BerRaja Di Kelantan" (dalam buku Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-141 di Kota Bharu, Kelantan, (Julai 1987); "Peperangan Di Kelantan/The War in Kelantan, 7-8 Disember 1941" (buku, Februari 1988); dan "Negara Melayu Campa: Satu Tinjauan" dan "Campa Negeri Melayu Tertua Di Dunia" (Kertas Kerja dan artikal yang dibentangkan dan disediakan bagi Seminar Sehari Sejarah dan Tamadun Melayu Campa, di Kuala Lumpur, pada 13 September 1988).

